

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Agama Islam adalah agama dakwah, iaitu agama yang lahir dan tersebar dengan aktiviti dakwah Islamiah. Sebuah aktiviti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dan diteruskan oleh pengikutnya sampai sekarang hingga hari kiamat nanti, bahkan aktiviti ini tidak akan pernah berhenti dan berakhir sampai hari akhir nanti.¹ Perkara ini kerana dakwah merupakan cerminan keimanan seseorang muslim yang dimanifestasikan dalam bentuk aktiviti, khususnya yang berkait rapat dalam hal ehwal kemasyarakatan. Matlamat dakwah ialah untuk membina dan membangun ummah sekaligus membentuk suatu metode yang boleh mempengaruhi sikap, cara berfikir dan tindakan yang sesuai dengan panduan Ilahi.²

Secara teori, dakwah merupakan satu proses transformasi ajaran dan tata nilai Islam dalam masyarakat untuk membina masyarakat yang positif. Dengan kata lain, dakwah adalah setiap program yang mempunyai matlamat mengelola kehidupan supaya manusia mengerjakan perkara-perkara yang positif dan meninggalkan perbuatan yang boleh membawa kesan yang negatif.³

¹ Bassām al-'Amush (2005), *Fiqh al-Da'wah*. Jordan: Dār al-Nafāis, h. 10.

² Amrullah Ahmad (1985), *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta: PLP2M, h. 2.

³ Kuntowijoyo (1994), *Paradigma Islam; Interpretasi untuk Aksi*. Bandung: Mizan, h. 229.

Manakala dalam pengertian lain, dakwah juga bererti proses pembangunan insan. Hakikat pembangunan insan adalah pembangunan manusia secara utuh dan sempurna. Menurut Emil Salim, pembangunan manusia ini mengandungi tiga aspek, iaitu pembangunan dari sudut luaran seperti keperluan makan, pakaian dan tempat tinggal. Seterusnya pembangunan dari aspek dalaman, seperti persediaan pendidikan, rasa sihat serta rasa aman. Dan aspek terakhir ialah pembangunan keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat dengan tertegaknya keadilan dalam kehidupan.⁴

Untuk merealisasikan perkara di atas, perlu diwujudkan sebuah institusi dakwah yang bukan sahaja mempunyai matlamat dakwah yang jelas, tetapi juga mempunyai program-program dakwah yang memiliki pelan rapi, padu dan tersusun serta penuh perancangan.⁵

1.2. Latar Belakang Kajian

Sebagaimana diketahui umum, negara Indonesia adalah negara yang memiliki penduduk majoriti beragama Islam dan penduduk muslimnya adalah merupakan yang terbesar di dunia.⁶ Kehebatan dalam aspek kuantitatif ini telah mempengaruhi kemunculan sejumlah institusi, organisasi dan pertubuhan-

⁴ Emil Salim (1993), *Pembangunan Berwawasan Lingkungan*. Jakarta: LP3ES, h. 1.

⁵ Fathi Yakan (1974), *Kayfa Nad'u Ilā al-Islām*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 27-30.

⁶ Menurut data Biro Pusat Statistik (BPS) Pusat bahawa sebanyak 85,3% (199.959.285) jiwa penduduk Indonesia beragamakan Islam dari total penduduk berjumlah 238.452.952 jiwa. Data ini tidak banyak berbeza dengan yang diterbitkan oleh Central Intelligence Agenci (CIA) World Factbook.

pertubuhan yang secara umumnya mempunyai matlamat yang sama, iaitu tercapainya kejayaan Islam dan kaum muslimin.

Akan tetapi apabila dikaji secara mendalam, model gerakan dan metode dakwah yang wujud dalam organisasi-organisasi tersebut adalah satu gerakan dan dakwah yang tradisional dan konservatif.⁷ Perkara tersebut dilihat kurang sesuai jika diteliti mengikut kemajuan zaman dan kemodenan. Perkara ini juga kemungkinan menjadi salah satu punca kelemahan struktur organisasi dakwah untuk mencapai matlamat dakwah yang diimpikan bersama.

Permasalahan di atas ditambah lagi dengan program-program dakwah yang tidak memiliki perancangan dan kaji ulang yang mantap. Bahkan organisasi yang ada bukanlah organisasi yang menfokuskan terhadap aktiviti dakwah Islamiah. Model dakwah yang berkembang dan berlaku di Indonesia adalah model dakwah yang masih sangat individu dan bersifat ketokohan sahaja.⁸ Perkara ini menunjukkan bahawa dakwah tidak bertumpu pada satu sistem jamaah yang tersusun rapi, teratur dan kokoh.

Padahal apabila dikaji dalam sejarah Rasulullah SAW, pada peringkat awal beliau memulakan dakwahnya dengan membina peribadi-peribadi.⁹ Usaha dakwah Rasulullah SAW juga berjalan di atas satu sistem jamaah yang rapi, padu dan teratur. Dakwah Rasulullah SAW juga sentiasa menjauhkan dari sifat

⁷ Woodward, M (2001), “Indonesia: Islam and the Prospect of Democracy”. SAIS Review Vol. XXI, No. 2, h. 30-31.

⁸ Woodward, M (2001), *op.cit.*, h. 32.

⁹ Untuk lebih terperinci rujuk Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui (1993), *Organisasi Kerajaan Rasulullah SAW* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 355-357.

ketokohan dan tertumpu pada usaha seseorang atau beberapa orang sahaja. Bahkan dalam peringkat awal penyebaran dakwah, Rasulullah SAW melakukan pemilihan tempat bagi pelaksanaan program dan aktiviti pembinaan kader.¹⁰

Di Indonesia, program dakwah Islamiah secara amnya dilaksanakan oleh tokoh-tokoh agama dalam bentuk kelas agama atau majlis taklim.¹¹ Manakala organisasi atau lembaga non kerajaan yang secara khusus menyelenggarakan program dakwah dilihat tidak bekerja dengan baik. Hal itu kerana program-program dakwah tidak dilaksanakan dengan integriti, mengikut program dan bersepadu. Kesan dari fenomena di atas, kondisi umat Islam belum sampai kepada tahap kesadaran untuk memahami dan menghayati Islam dengan baik.

Keberadaaan Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) sebagai lembaga non kerajaan yang berlandaskan Islam sangatlah dirasai manfaatnya oleh masyarakat. Dalam masa 7 tahun sahaja, melalui program-program dakwahnya yang teratur, terprogram dan bersepadu, IKADI telah berjaya membuka cawangan sebanyak 29 provinsi atau negeri dari jumlah keseluruhan 33 provinsi di seluruh Indonesia. IKADI sebagai lembaga yang secara langsung berdakwah ditengah-tengah masyarakat dianggap perlu untuk dikaji dalam aspek bentuk-bentuk program dakwah yang dilaksanakan. Oleh itu, penulis merasa tertarik untuk melaksanakan kajian ilmiah dengan tinjauan ke atas organisasi Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) dari aspek program dakwah dan pelaksanaannya.

¹⁰ Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 55

¹¹ Departemen Agama (2004), *Panduan Tugas Operasional Penyuluhan Agama Islam Utama*. Jakarta: Departemen Agama, h. 7.

1.3. Permasalahan Kajian

Organisasi dakwah Islam sebagai lembaga pendidikan dalam membina masyarakat yang berakhhlak masih banyak yang belum melaksanakan program-program dakwahnya dengan baik. Bahkan, masih lagi wujud organisasi-organisasi yang digunakan sebagai tempat berkumpulnya muslimin untuk mendapat lebih ramai lagi sokongan bagi tokoh atau mazhab tertentu. Hal ini merupakan cabaran sekaligus tanggung jawab organisasi untuk melaksanakan program-program dakwah secara baik.

Organisasi Islam atau lembaga bukan kerajaan yang berlandaskan nilai Islam sepertutnya menjadi peneroka dan pengembangan dakwah Islam dengan melaksanakan program-program dakwah yang baik, mempunyai pengurusan yang berkesan, memiliki perancangan aktiviti yang baik dan mempunyai kumpulan pendakwah yang sentiasa bekerja dengan sungguh-sungguh dan siap berkorban untuk menyebarkan dan memperjuangangkan agama Allah SWT.

Berdasarkan huraian yang telah dijelaskan di atas, maka kajian yang akan dijalankan adalah satu kajian yang berbentuk analisis-historis yang berhubungkait dengan sejarah Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) dan matlamat penubuhannya. Apa program-program dakwah IKADI, sama ada yang merangkumi bagaimana membuat program kerja yang teratur dan padu serta kesesuaia dengan fiqh dakwah semasa. Dan bagaimana pengurusan program dakwah IKADI, sistem pelaksanaannya sehingga pada tercapainya matlamat.

1.4. Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana IKADI memainkan peranan dalam aktifiti dakwah di Indonesia. Selain itu secara khususnya, kajian ini memiliki beberapa objektif seperti berikut:

1. Menelusuri sejarah penubuhan IKADI dan perkembangan dakwahnya.
2. Memahami bentuk-bentuk program dakwah yang dilaksanakan IKADI.
3. Mengetahui prestasi dakwah IKADI
4. Mengetahui masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program dakwah.

1.5. Kepentingan Kajian

Harapan penulis dari hasil kajian ini semoga ia dapat memberi satu sumbangan yang berharga dalam aspek keilmuan dakwah secara umumnya, kerana kajian ini akan mendedahkan perkara-perkara berikut:

1. Mengetahui perkembangan IKADI sebagai sebuah wadah pendakwah dari masa ke semasa, sekaligus mengenal pasti model gerakan serta tokoh-tokoh penting di sebalik kejayaan IKADI dalam membuka cawangan di seluruh Indonesia.
2. Mengetahui secara jelas jenis-jenis program dakwah yang dilakukan oleh IKADI dan prestasi dakwah IKADI serta permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan program dakwah.

Manakala dari aspek praktikal, kajian ini diharapkan akan mendatangkan manfaat yang besar, antara lain:

1. Bagi institusi, organisasi dan pertubuhan Islam. Hasil kajian ini dapat digunakan sebagai bahan telaah dasar yang boleh membantu dalam menentukan arah dan hala tuju serta gerak kerja dalam aktiviti program kerja terutama sekali yang berhubungkait dengan sumber informasi dan rujukan peta aktiviti dakwah.
2. Bagi pihak Kerajaan. Khususnya para pendakwah yang diberi amanah oleh kerajaan dalam membina dan mengawal akidah ummah Islam melalui program dakwah dan pembinaan ummah.
3. Bagi pihak ilmuwan dan cendikiawan. Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai tambahan literatur bagi para pengkaji seterusnya, terutama sekali mereka yang terlibat dalam bidang Dakwah dan Pembangunan Insan di Universiti Malaya.

1.6. Kajian Lepas

Pada dasarnya telah banyak peneliti dan ilmuwan yang memberikan sumbangan berharga dalam bidang dakwah dan pengurusan institusi dakwah, sama ada dalam bentuk *literature*, buku, jurnal dan kajian-kajian yang telah diterbitkan. Namun begitu, hasil dari maklumat yang penulis dapat, sama ada dari penelitian terhadap beberapa perpustakaan dan sumber dari IKADI, setakat ini belum ada pengkaji yang secara khusus mengkaji organisasi ini. Hal ini mungkin kerana organisasi ini

baru ditubuhkan sekitar tujuh tahun sahaja, sehingga kemungkinan ramai berpandangan organisasi ini belum sesuai untuk dikaji.

Walaupun demikian, bukan bererti tidak ada *literature* yang membincangkan perkara ini. Oleh itu, dalam meneliti kajian mengenai program dakwah dan institusi dakwah, penulis membahagikannya kepada tiga bahagian berikut:

1. Buku-buku yang secara khusus membincangkan tentang dakwah dan konsep pengurusan institusi dakwah.
2. Kajian-kajian yang berupa tulisan disertasi, jurnal dan karya ilmiah yang berkenaan dengan organisasi dan kesannya dalam masyarakat, secara khususnya kesan dalam aspek dakwah.
3. Kajian-kajian terdahulu yang berupa tulisan disertasi, jurnal dan karya ilmiah yang secara spesifik dan terperinci membincang mengenai model dan permasalahan dakwah.

Bahagian Pertama: Buku-buku yang secara khusus membincangkan tentang dakwah dan konsep pengurusan institusi dakwah semasa. Hal ini sangat penting kerana dakwah adalah satu pengurusan. Seorang pendakwah yang mempunyai kemampuan mengurus dengan baik, dakwah yang ia laksanakan juga akan dapat berjaya dengan baik. Begitupula pendakwah yang berjaya dalam mengkomunikasikan pesan dakwah, ia akan mendapat sambutan yang hebat dari sasaran dakwah.

Diantara pakar yang membincangkan tentang masalah-masalah ini ialah sebagai berikut:

1.6.1. **Rozhan Othman**, *Pengurusan Dakwah*. Ummah Media Sdn. Bhd., Shah Alam, 1990. Dalam buku ini didedahkan antara lain:¹²

- a. Pengurusan dakwah yang terbaik adalah pengurusan dakwah Rasulullah SAW. Dakwah Rasulullah SAW yang hanya mengambil masa selama 23 tahun sajaha mampu menghasilkan tokoh-tokoh dari para sahabat yang hebat dan profesional. Para sahabat tersebut pada akhirnya berjaya dalam menyebarluaskan dakwah Islam.¹³ Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW memiliki pengurusan dan nilai professional dalam dakwah.
- b. Segala masalah yang muncul dalam aktiviti dakwah dapat diselesaikan dengan perencanaan yang matang. Ia tidak hanya menjawab permasalahan dakwah sahaja, tetapi menawarkan solusi yang aplikatif dan tepat sasaran.
- c. Seorang pendakwah bukan sahaja sebagai ejen perubahan kepada sasaran dakwah (*agent of change*), tetapi ia juga menjadi pemimpin kepada perubahan (*director of change*).

¹² Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam: Ummah Media Sdn. Bhd.

¹³ Di antara sahabat yang menjadi sasaran dakwah Rasulullah SAW di peringkat awal semasa fasa Makkah ialah: Sayyidah Khadijah, Abu Bakr al-Šiddīq, Alī bin Abi Tālib, Zayd bin al-Ḥārithah dan kemudian diikuti oleh sahabat-sahabat lain seperti Uthman bin al-Āffān, Zubayr bin al-’Awwām dan lain-lain. Lihat: Ábd al-Mālik bin Hisyām (1988), *Sīrah al-Nabi*, Beirut: al-Maktabah al-Islāmi, cet. III, h. 240-246. Cara dakwah Rasulullah SAW dalam peringkat awal ini adalah bukti bahawa Rasulullah SAW berdakwah menggunakan metode dan strategi.

1.6.2. Selain itu kajian yang dibuat oleh **A. Rosyad Shaleh**, *Managemen Dakwah*

Islam. Jakarta: Bulan Bintang, 1977. Diantara punca kejayaan Rasulullah SAW dalam berdakwah ialah adanya pengurusan dakwah yang baik. Di antara pandangan yang didedahkan dalam buku ini ialah ialah:¹⁴

- a. Dakwah perlu dijalankan dengan menggunakan satu sistem pengurusan moden, terutama sekali kerana ia adalah satu amalan yang berhubungkait dengan pembangunan insan.
- b. Dalam mendedahkan pandangannya, ia menggunakan kaedah pengurusan moden dengan mengambil beberapa istilah dari ilmu pengurusan yang dikenal dengan istilah *Planning, Organizing, Actuating* dan *Controlling* (POAC).

1.6.3. Kajian yang seumpama juga dibuat oleh **Ab. Aziz Mohd. Zin**, *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005. Dan buku *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005. Dalam buku ini, dibincangkan beberapa teori dakwah dan hubungkaitnya dengan ilmu-ilmu moden, iaitu:

- a. Dakwah adalah aktiviti komunikasi yang terjadi antara *da'i* sebagai penyampai ajaran dan *madú* sebagai sasaran dakwah. Komunikasi yang baik dan efektif akan terbina apabila penyampai pesan memahami psikologi sasaran dakwah atau pihak yang terlibat dalam komunikasi

¹⁴ A. Rosyad Shaleh (1977), *Managemen Dakwah Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.

tersebut. Oleh kerana itu, kemahiran pendakwah dalam aspek ilmu komunikasi dan psikologi ini akan menjadi punca kejayaan dakwah.¹⁵

- b. Selain daripada ilmu komunikasi dan psikologi, seorang pendakwah juga mesti mengetahui metode dalam berdakwah. Kemahiran mengenai metode dalam berdakwah akan menentukan kejayaan dan kecermelangan dalam berdakwah.
- c. Mendedahkan contoh dan teladan mengenai metodologi dakwah yang dijalankan oleh pelaku-pelaku dawah (*Rijal al-Da'wah*), mulai dari generasi para nabi hingga tokoh-tokoh semasa.¹⁶

Dari pendedahan di atas dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga pengkaji sepakat mengatakan bahawa dakwah Islam sangat mempunyai hubungkaitnya dengan ilmu pengurusan dan ilmu-ilmu moden yang lain. Dan salah satu aspek pengurusan dakwah adalah membina program-program dakwah dengan baik dan dapat dikomunikasikan dengan sasaran dakwah dalam bentuk yang terbaik. Oleh itu, dalam perkara ini metodologi dakwah sangat memainkan peranan penting dalam merealisasikan kejayaan suatu tugas dakwah.

Bahagian Kedua: Adapun bahagian kedua dalam kajian lepas ini mengandungi kajian yang berkaitan dengan organisasi dakwah dan kesannya dalam masyarakat, sama ada kesan dalam aspek dakwah politik atau kepada dukungan ahli dalam pertubuhan tersebut. Terdapat kajian yang telah dilakukan oleh pelajar untuk mendapat ijazah sarjana, antara lain:

¹⁵ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

¹⁶ Ab. Aziz Mohd. Zin (2000), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

1.6.4. **Winarto.** Disertasi untuk memperoleh ijazah Sarjana Sosial Islam di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Surakarta tahun 2007, dengan tajuk: “*Partisipasi Gerakan Pemuda Ansor Dalam Aktivitas Dakwah Islam Di Kecamatan Wonosegoro Kabupaten Boyolali*”. Di antara isi kandungan yang paling pokok dalam kajian ini ialah:¹⁷

- a. Sebagai sebuah jamaah, organisasi mempunyai peranan yang penting dalam menjaga keshalihan ummah. Hal itu kerana program dakwah yang dianjurkan akan dapat membantu para ahlinya dalam menghayati agama dan mengenalpasti musuh-musuh Islam yang sebenar.
- b. Pemuda memiliki tanggungjawab dan amanah yang besar dalam memajukan ummah. Penyertaan dan bantuan pemuda dalam berjuang menjadi indikator kemajuan dakwah Islam.
- c. Organisasi belia dan pemuda mempunyai cabaran yang hebat dalam membina program dan aktiviti dakwah. Di samping mesti sesuai dengan panduan agama, program dan aktiviti yang dibangun mestilah sesuai dengan kondisi psikologi dan peringkat umur mereka.

1.6.5. Kajian seumpama dibuat oleh **H.L. Shohimun Faisol dan Muhammad Sa'i.** Dalam jurnal yang bernama Jurnal Penelitian KeIslamian, Vol. 1, No. 2, Juni 2005, terdapat satu kajian yang bertajuk “*Kontribusi Tarekat*

¹⁷ Winarto (2007), “Partisipasi Gerakan Pemuda Ansor Dalam Aktivitas Dakwah Islam Di Kecamatan Wonosegoro Kabupaten Boyolali” (Disertasi dalam Sarjana Sosial Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Surakarta).

Qadiriyyah Wa Naqsabandiyah Dalam Dakwah Islamiyah Di Lombok”. Di antara buah pikiran dalam kajian ini adalah:¹⁸

- a. Meskipun menjadi bahan perselisihan di antara ulama dan cendikiawan, tarekat mempunyai program-program dakwah yang nyata. Diantara program itu ialah wujudnya tahapan amalan yang mesti dilaluinya untuk mencapai darjat.
- b. Tarekat Qadiriyyah adalah salah satu tarekat yang mempunyai program dakwah yang tersusun dengan rapi. Program-program tersebut diwujudkan dalam amalan-amalan yang nyata dalam kehidupan ahli tarikat.

Dalam pandangan para pengkaji di atas, walaupun dikaji dari aspek yang berbeza, mereka semua sepakat dalam melihat posisi dakwah yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat muslim. Hal itu kerana majoriti masyarakat muslim melihat adanya hubungan yang kuat antara usaha ke arah pembinaan syakhsiyah yang baik dengan keaktifan ahli dalam organisasi dakwah tertentu. Ertinya organisasi dakwah mampu membentuk seseorang individu menjadi insan yang lebih baik, sama ada dalam aspek akhlak, sikap dan kemahiran dalam aspek keduniaan.

Bahagian Ketiga: Kajian-kajian terdahulu yang menfokuskan perbincangan yang berkaitan dengan model dan permasalahan dakwah, media dakwah dan perkara-perkara lain yang sesuai dengan isu semasa. Diantara pengkaji tersebut ialah:

¹⁸ H.L. Shohimun Faisol dan Muhammad Sa'i (2005), “Kontribusi Tarekat Qadiriyyah Wa Naqsabandiyah Dalam Dakwah Islamiyah Di Lombok”, *Jurnal Penelitian KeIslamian*, Vol. 1, No. 2, Juni 2005.

1.6.6. **Sulkhan Chakim** dalam Jurnal Ibda; Jurnal Studi Islam dan Budaya, Vol. 2, No. 1, Jan-Jun 2004, menulis satu kajian yang bertajuk: “*Dakwah Pembangunan (Sebuah Model Pemberdayaan Masyarakat Pedesaan)*”.

Diantara hasil dari kajian ini adalah:¹⁹

- a. Dakwah mestilah digerakkan dikawasan yang dianggap kurang Islami. Dan salah satu tempat tersebut ialah Desa atau Kampung. Hal itu kerana di samping jauh dari Bandar, Kampong tidak banyak memiliki ulama atau pakar ilmu dan cendekiawan.
- b. Kerana potensi dan kekuatan tersebut, Kampung atau Desa hendaklah menjadi salah satu fokus dalam dakwah, sehingga ia menjadi tempat yang diberkahi dan dirahmati.
- c. Salah satu cara dakwah yang efektif dan sesuai untuk masyarakat Kampong ialah dakwah dengan memberdayakan atau mengangkat derajat perekonomian penduduk Kampung.

1.6.7. **M. Saifuddin dan Abdul Syukur**, dalam jurnal Analisis, Vol. 3, No.1, Juli 2003 menulis kajian bertajuk: “*Dakwah Bil-Hal Di Lingkungan Lembaga-Lembaga Dakwah Provinsi Lampung Dalam Upaya Pengembangan Masyarakat Islam Di Provinsi Lampung*”. Hasil dari kajian ini adalah:²⁰

¹⁹ Sulkhan Chakim (2004), “Dakwah Pembangunan (Sebuah Model Pemberdayaan Masyarakat Pedesaan)”, *Jurnal Ibda; Jurnal Studi Islam dan Budaya*, Vol. 2, No. 1, Jan-Jun 2004.

²⁰ M. Saifuddin dan Abdul Syukur (2003), “Dakwah Bil-Hal Di Lingkungan Lembaga-Lembaga Dakwah Provinsi Lampung Dalam Upaya Pengembangan Masyarakat Islam Di Provinsi Lampung”, *Jurnal Analisis*, Vol. 3, No.1, Julai 2003.

- a. Sebagai bagian dari jenis program dakwah, program *bi al-Hal* merupakan cara dakwah efektif dan berkesan. Hal ini sesuai dengan pepatah arab yang mengatakan: *Lisan al-Hal Afsahu min Lisan al-Maqal*.
- b. Dakwah yang efektif adalah dengan keteladanan, oleh kerana itu pendakwah hendaknya membekali dirinya dengan keteladanan dan kemampuan yang dapat menyokong dakwahnya.
- c. Kemampuan ini diharapkan mampu menjawab cabaran dan keperluan sasaran dakwah dalam meningkatkan kualitas hidupnya, sama ada dalam aspek ekonomi, ilmu pengetahuan dan aspek-aspek lain. Dan inilah yang diistilahkan sebagai *Da'wah Bi al-Hal*.

1.6.8. **Fakhrul Adabi Abdul Kadir** dalam kajiannya yang bertajuk:

“Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor” yang dimuatkan dalam Jurnal Usuluddin, Bilangan 25 tahun 2007 menyebutkan satu kajian tentang keberkesanan pengurusan kelas agama di masjid.²¹

Dari semua kajian lepas yang telah disebutkan diatas, penulis mendapati satu gambaran bahawa dakwah ialah satu proses pembangunan insan dengan membangun mana-mana aspek yang kurang dengan menekankan wujudnya keteladanan dalam diri pendakwah. Dengan akhlak dan contoh teladan yang dizahirkan dalam kehidupan seorang *murshid tarekat*, dakwah juga akan berjaya dengan adanya komunikasi yang baik dan disokong dengan psikologi dakwah.

²¹ Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007), “Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor”, *Jurnal Usuluddin*, Bilangan 25 tahun 2007.

Dan satu perkara yang paling penting dari semua itu adalah wujudnya gerakan dalam institusi dakwah dengan melaksanakan program dan aktiviti yang sistematik, kukuh dan tersusun kearah professionalisme pengurusan dakwah.

Atas dasar itulah, maka kajian ini akan berusaha dengan gigih mencari satu pola organisasi dan gerakan dakwah yang efektif. Penglibatan diri dalam dakwah bukan sahaja mampu mengumpulkan potensi dan kemampuan pendakwah, tetapi juga mampu mencetak dan mempersiapkan pendakwah. Iaitu pendakwah yang tidak sahaja memiliki kepakaran ilmiah tetapi juga kepakaran dalam berkomunikasi dengan setiap peringkat umur. Hal inilah yang menjadikan kajian ini lebih menarik, mantap dan diharapkan mencapai hasil yang hebat.

1.7. Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan beberapa kaedah. Berikut adalah penjelasan dari tiap-tiap kaedah itu, iaitu:

1.7.1. Penentuan Subjek Kajian

Menurut Kenneth D. Balley, penentuan subjek adalah kumpulan orang atau benda yang hendak dikaji.²² Maka yang dimaksud ialah bagaimana suatu benda yang akan dikaji itu ditentukan. Oleh kerana itu, untuk menentukan subjek ini pengkaji

²² Kenneth D. Balley (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 121.

menggunakan skop kajian dengan memilih satu institusi, iaitu Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) dan memilih aspek pelaksaaan program dakwah sebagai objek utama kajian ini.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi sebab penulis memilih kajian ini, antara lain sebagai berikut:

1. Organisasi ini adalah sangat unik dan menarik, kerana ia adalah lembaga bukan kerajaan yang fungsinya sebagai wadah yang menjadi rumah bagi pendakwah dalam berbagai kalangan kepakaran, sama ada ia seorang ustaz, ilmuwan, profesional, peniaga dan lain-lain.
2. Di samping itu, organisasi ini ialah organisasi baru yang berjaya membuka cawangan di majoriti provinsi Indonesia dalam masa yang singkat dan cepat.
3. Sebagai Ibukota Negara, Jakarta adalah merupakan bandar strategik dalam dakwah yang akan menentukan kejayaan dakwah di bandar-bandar lain.

1.7.2. Metode Pengumpulan Data

Data merupakan sekumpulan bahan yang menjadi acuan dan panduan seorang pengkaji dalam meneliti suatu perkara.²³ Dalam penelitian ini, penulis menggunakan dua sumber utama, iaitu penyelidikan perpustakaan dan kajian lapangan.

²³ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Syamil dan Shakir, Sdn. Bhd., h. 67.

1.7.2.1. Penyelidikan Perpustakaan

Perpustakaan digunakan untuk mendapat bahan-bahan dari objek kajian yang dijalankan.²⁴ Dalam kajian perpustakaan ini, penulis menggunakan beberapa tahap, mulai dari pengumpulan data, analisis data dan menyemak beberapa perkara lain yang berkaitan dengan konsep program dakwah.

Perpustakaan yang menjadi rujukan utama dalam menjalankan penelitian ini ialah:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya-Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan APIUM, Universiti Malaya-Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan International Islamic University of Malaysia (IIUM)-Gombak.
4. Perpustakaan Pasca Sarjana, Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta.
5. Perpustakaan Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA), Jakarta.

Perpustakaan Pasca Sarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta sebagai salah satu perpustakaan yang hampir dengan IKADI, penulis akan jadikannya sebagai tempat rujukan utama dalam menganalisa sejarah penubuhan IKADI dan lan-lain perkara yang berhubungkait dengan dakwah dalam konteks Indonesia. Manakala perpustakaan LIPIA Jakarta

²⁴ Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Lanjutan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 259.

dan IIUM Gombak akan kami jadikan sebagai tempat rujukan utama dalam konsep dakwah. Kedua-dua perpustakaan tersebut sebagai perpustakaan yang menyediakan bahan rujukan berbahasa arab yang lengkap dan komprehensif.

Sebagai pelengkap kepada penelitian ini, perpustakaan utama Universiti Malaya dan perpustakaan APIUM akan menjadi tempat yang menentukan tercapainya hasil penelitian ini. Di mana perkara-perkara mengenai permasalahan dakwah masa kini, konsep kepengurusan institusi dakwah dan program dakwah masa kini.

Disamping itu juga menggunakan metode dokumentasi. Metode ini digunakan untuk memperoleh data-data yang bersifat sejarah, dokumentasi dan fail program-program yang telah dilaksanakan pada sasaran yang dikaji.²⁵ Teknik ini biasanya digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dan data melalui rekod dan dokumen yang sah dan kuat.²⁶

Untuk mendapatkan data ini, penulis akan secara langsung memohon kepada pihak IKADI, khususnya Pimpinan Pusat IKADI di Jakarta untuk memberikan data-data atau bahan yang diperlukan.

²⁵ Ab. Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Hurain Metodologi*. Kuala Lumpur: Akademi Islam, h. 117.

²⁶ Mohd Shafie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang berkaitan*. edisi kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.41.

1.7.2.2. Kajian Lapangan

Dalam kajian lapangan, metode yang digunakan dalam penelitian terhadap objek kajian antara lain:

- a. Observasi.** Satu metode untuk memperhatikan suatu perkara yang dilaksanakan ke atas keadaan yang dikenalpasti dengan perancangan teliti.²⁷ Objektif dari metode ini adalah untuk melengkapkan data yang ada dan mengetahui kesahihan matlumat yang diperolehi di peringkat awal.²⁸ Metode ini digunakan untuk mengobservasi usaha-usaha yang dilakukan oleh IKADI, baik dalam aspek konsepnya ataupun aspek praktikalnya yang dilakukan dengan metode langsung (*direct*) melalui sebahagian kecil program dan aktiviti IKADI, ataupun tidak secara langsung (*indirect*) dengan cara menemui dan pemerhatian dengan mana-mana pihak yang memiliki perkongsian, hubungan dan lain-lain hal dengan IKADI.
- b. Temu Bual (*Interview*).** Adapun metode temu bual dimaksudkan untuk melakukan perbincangan terarah dengan orang yang menjadi sasaran penelitian dan jenis-jenis atau usaha-usaha yang sedang dilakukan dalam rangka memperoleh data penelitian yang objektif untuk selanjutnya dianalisis dan dikategorisasikan sesuai dengan bahasanya.²⁹ Kaedah ini juga disebut sebagai proses komunikasi antara penemubual dengan pihak-pihak yang terkait dengan objek kajian untuk mendapatkan

²⁷ Idris Awang (2009), *op.cit*, h. 74.

²⁸ Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah (1982), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33.

²⁹ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 70-74.

maklumat yang sebenar.³⁰ Diantara tokoh-tokoh yang akan ditemui dalam temu bual adalah:

- a. Prof. Dr. KH. Ahmad Satori Ismail, MA: Ketua Umum IKADI Pusat.
- b. H. Ahmad Kusyairi Suhail, MA: Ketua Departemen Dakwah IKADI Pusat.
- c. Dr. KH. Atabik Luthfi, MA: Ketua Pimpinan Wilayah IKADI Jakarta.
- d. H. Izzudin Abdul Manaf, MA: Sekertaris Pimpinan Wilayah IKADI Jakarta.
- e. H. Samson Rahman, MA: Ketua Departemen Riset dan Kajian IKADI Pusat.

Untuk temu bual dengan tokoh nombor 1 dan 2, fokus soalan temu bual yang penulis bincangkan adalah mengenai sejarah, latar belakang dan matlamat penubuhan organisasi ini. Soalan mengenai ciri khas dan kelebihan program dakwah IKADI juga menjadi soalan temu bual ini. Manakala dengan tokoh nombor 3 dan 4, penulis mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan cara membina dan merancang program dakwah, realisasi dan cabaran dalam melaksanakan program serta setakat mana program yang dijalankan mampu memberi kesan ke arah kebaikan.

³⁰ Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Soail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 69.

Matlamat akhir dari temu bual ini adalah ingin mendapatkan satu gambaran bahawa IKADI yang dari semenjak awal penubuhannya bertujuan menjadi wadah pendakwah yang professional mampu menghadirkan program dakwah yang menarik, boleh bekerjasama (*ta’awun*) dalam melaksanakan program dakwah bersama organisasi lain yang sedia ada.

1.7.3. Metode Analisis Data

Secara ringkas, analisis data adalah suatu proses penyederhanaan data ke dalam bentuk yang lebih mudah dibaca dan difahami.³¹ Oleh itu data dan materi yang sudah dikumpulkan akan diletakkan dalam sebuah bentuk yang ringkas dan mudah difahami. Analisa data yang digunakan dalam penelitian ini terdiri dari tiga komponen analisa data iaitu: reduksi data, penyajian data dan membuat kesimpulan. Ketiga teknik tersebut secara singkat dapat diperincikan sebagai berikut:³²

1.7.3.1. Reduksi Data

Yang dimaksud dengan reduksi data adalah proses pemilihan data yang bertujuan untuk penyederhanaan, pengolahan data serta menuliskan kembali data yang diperolehi dari catatan-catatan tertulis di lapangan, sejak awal penelitian sampai akhir dan menyederhanakannya hingga mudah difahami.

³¹ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 94.

³² Hubermen dan Meles (2002), *Analisis Data Kualitatif* (terj.). Jakarta: Rineka Cipta, h. 16.

1.7.3.2. Penyajian Data

Iaitu sekumpulan informasi yang sudah tersusun dan dikelompokkan sehingga memudahkan untuk dilakukan penyimpulan dan penarikan aksi.

1.7.3.3. Membuat Kesimpulan

Sebagai kelanjutan dari dua proses sebelumnya, proses ini adalah verifikasi iaitu mencari erti benda-benda dan mencatat keteraturan, pola-pola, penjelasan dan alur sebab akibat.

Dalam penelitian ini sebahagian besar datanya adalah data kualitatif iaitu data yang disajikan dalam bentuk kata verbal, bukan dalam bentuk angka, data kata verbal yang beragam tersebut diolah agar lebih mudah dan sistematik.

1.8. Sistematika Penulisan

Untuk mempermudahkan penulisan, penulis membahagikan disertasi ini menjadi lima bab dan pada tiap-tiap bab tersebut mempunyai bahagian-bahagian sehingga ia menjadi tulisan yang padu dan sistematik. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang terdiri dari pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas dan metodologi

kajian yang terdiri dari reka bentuk, kaedah pengumpulan data dan analisis data serta cara mengambil kesimpulan.

Manakala dalam bab kedua, ia mengandungi teori-teori kajian yang menjadi landasan dalam penulisan ini, iaitu teori mengenai program dakwah dan perkara-perkara asas dalam dakwah. Dimulai dari definisi dakwah, matlamat dakwah, jenis dan macam program dakwah. Dalam bab ketiga mengandungi sejarah dan latar belakang penubuhan organisasi IKADI. Dalam bab ini penulis juga akan mendedahkan secara terperinci mengenai visi dan misi organisasi, sifat dan ciri organisasi IKADI yang didapat dari dokumen dan hasil temu bual dengan pihak-pihak terbabit.

Bab keempat ialah jawapan mengenai objektif kajian. Iaitu menjelaskan tentang pelaksanaan program dakwah IKADI dan kesesuainnya dengan konteks semasa, program-program unggulan serta capaian dalam pelaksanaan program dakwah. Bab kelima merupakan bab penutup yang terdiri dari kesimpulan, cadangan yang dihasilkan dari kajian ini.

BAB II

PROGRAM DAKWAH

2.1. Pendahuluan

Dakwah Islam berkembang dengan usaha yang dilakukan oleh para pendakwah melalui pelbagai program yang dijalankan. Berdasarkan kepada sejarah, program dakwah telah dilaksanakan sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan diteruskan oleh para sahabat, tabiin hingga sampai masa kini. Apabila dilihat dari aspek kepentingannya, program dakwah memainkan peranan yang sangat penting dalam kejayaan dakwah. Kerana ia adalah kerja yang sesuai dengan kehidupan manusia, di samping program dakwah itu sendiri adalah usaha membangunkan iman, takwa dan ihsan yang sudah wujud dalam diri manusia. Oleh yang demikian, program dakwah sangat penting dalam mencapai kebahagiaan hidup yang hakiki dan direjadi Allah SWT. Untuk mencapai matlamat di atas, program dakwah hendaklah dilakukan dengan perancangan yang rapi, sistematik, tersusun dan mengikut kaedah yang benar.

Dalam bab ini, penulis akan membahaskan tentang teori program dakwah, yang mengandungi definisi program dakwah, matlamat program dakwah, jenis-jenis program dakwah dan masalah yang berkaitan dengan pendekatan dalam menyusun program dakwah yang efektif, berkesan dan sesuai dengan konteks semasa.

2.2. Definisi Program Dakwah

Istilah ini berasal dari dua lafaz iaitu program dan dakwah. Manakala perkataan program sendiri, apabila dilihat dari sudut bahasa berasal dari bahasa Inggeris, *programme*. Menurut Kamus Oxford Student, ia bererti.³³

a plan of things to do; a scheme: what's (on) your programme today,? what are you going to do today?.The leaflet outlines the government's programme of educational reform. A little book or piece of paper which you get a concert, a sport event, etc.

Iaitu sesuatu rencana ke atas suatu perkara yang hendak dilakukan sama ada berbentuk skema, *leafleat* dan senarai kerja dalam satu buku. Pengertian sedemikian bersesuaian dengan pandangan Judy Pearsall dan Bill Trumble.³⁴ Pandangan ini juga diperkuat oleh Sally Wehmeir yang berpendapat bahawa program adalah suatu perancangan tentang sesuatu yang akan dilakukan.³⁵

Di samping pengertian yang mengambil berat pada aspek perancangan, ia juga merupakan suatu kenyataan umum yang terdapat pada kertas, buku kecil atau seumpama dengannya, sama ada untuk rancangan hiburan, persidangan, kursus pelajaran atau sebagainya.³⁶ Manakala William Little berpendapat secara lebih terperinci dengan mengatakan bahawa program adalah huraihan formal dan berisikan tentang suatu rancangan atau isu yang wujud dalam mesyuarat rasmi

³³ Keith Brown et.all. (2001), *Oxford Student's; Dictionary of English*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 507.

³⁴ Judy Pearsal dan Bill Trumble (1996), *The Oxford Engslish: Reference dictionary*. Oxford: Oxford University Press, c. 2, h. 1156.

³⁵ Salla Wehmeir, (1998), *Oxford Word Power Dictionary*. Oxford University Press, h. 992.

³⁶ E.M. Kirkpatrick et. all, (1983), *Chambers 20 Century Dictionary*. Edinburgh: (*tanpa nama penerbit*). New Edition, h. 1028.

ataupun ia dipandang sebagai laporan mesyuarat yang telahpun dicetak ataupun diterbitkan.³⁷ Dalam perkara wujudnya kesepakatan bersama, pandangan William Little ini disokong oleh Paul Procter.³⁸

The Grolier International Dictionary memberikan tafsiran yang terperinci bahawa program sebagai kumpulan arahan yang berkenaan dengan aturcara serta maklumat yang berhubungkait dengan pembentangan umum. Ia juga merupakan rangkaian prosedur untuk menyelesaikan permasalahan yang merangkumi pengumpulan data, pemprosesan dan pengambilan ke atas suatu keputusan.³⁹ Pengertian ini juga sesuai dengan yang wujud dalam *Pocket Oxford English Dictionary*.⁴⁰

Dalam bahasa Arab, perkataan progam dikenali dengan kalimah *al-Barnāmij* dalam bentuk tunggal (*singular*) dan *al-Barāmij* dalam bentuk kumpulan (*plural*). Di antara pengertian yang boleh memberikan gambaran dengan jelas adalah apa yang disampaikan oleh Ibrahim Mustafa dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, ia menyatakan bahawa program ialah:⁴¹

³⁷ William Little (1934), *The Shorter Oxford English Dictionary*. Great Britain: (tanpa nama penerbit). Vol. II, h. 1594.

³⁸ Paul Procter (1999), *International Dictionary of English*. Cambridge: Cambridge University Press, c. 5, h. 1129.

³⁹ _____ (1988), *The Grolier Dictionary*. Danbury: Gloriel Incorporated, juz. 2, h. 1045.

⁴⁰ Catherine Soanes *et.al.* (2005), *Pocket Oxford English Dictionary*. New York: Oxford University Press, c. 10, h. 719.

⁴¹ Ibrahim Muṣṭafa *et.all.* (1960), *al-Mu'jam al-Wasiṭ*. Kaherah: Dār al-Da'wah, c. 2, juz., 1, h. 52.

البرنامِج: الورقة الجامِعة لِلحساب أَوْ التي يُرْسُم فِيهَا مَا يَحْمِل مِنْ بَلَدٍ إِلَى بَلَدٍ

مِنْ أَمْتِعَةِ التَّحْكَارِ وَسِلْعِهِمْ وَالسُّخْنَةِ الَّتِي يَكْتُبُ فِيهَا الْمُحَدِّثُ أَسْمَاءَ رُوَاْتِهِ وَأَسَانِيدِ

كُتُبِهِ وَالْحُكْمَةِ المُؤْسُومة لِعَمَلِ مَا كَبَرَ اِمْجَعُ الدَّرْسِ وَالإِذَاعَةِ (مع) فَارِسِيَّهِ برنامِج

(ج) برامِج.

Dengan ungkapan lain, ia merupakan kertas yang mengandungi perancangan perkara-perkara berkenaan dengan tujuan untuk dilaksanakan. Pandangan yang sama juga ditemui dalam kamus *al-Munjid al-Abjadi*⁴² dan kamus *al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-A'lām*.⁴³

Dari pengertian yang dinyatakan di atas, penulis dapat menyimpulkan bahawa program ialah suatu perancangan aktiviti yang akan dilaksanakan secara bersama serta mengandungi tentatif acara dan prosedur untuk menyelesaikan suatu masalah kearah matlamat yang ingin dicapai bersama. Manakala perkataan kedua berasal dari perkataan Arab dari kata terbit دَعَاءٌ - يَدْعُو - دَعْوَةً وَدُعَاءً . Dalam kamus-kamus bahasa Arab, kata ini mempunyai banyak erti, antara lain ialah: meminta dan memanggil⁴⁴, memohon atau meminta.⁴⁵ Ia juga bermakna *al-Nida'* yang bererti panggilan.⁴⁶

⁴² _____ (1986), *Al-Munjid al-Abjadi*. Beirut: Dār al-Mashriq Publishers, hal. 188.

⁴³ Munir al-Ba'labaki (1986), *al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-A'lām*. Beirut: Maktabah Sharqiyyah, c. 18, h. 36.

⁴⁴ Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Muqri al-Ghoyūmi (tt), *al-Misbāh al-Munīr*. Mesir: Ṭab'ah Muṣṭafā al-Bābi al-Hallābi Wa Awlādīhi, h. 208. Lihat juga Abi al-Qasim Muhammad bin 'Umar al-Zamakhshari (1979), *Asās al-Balāghah*. Beirut: Dār al-Mārifah, h. 131 dan 189

⁴⁵ Ibrahīm Muṣṭafa(t.t), *al-Mu'jam al-Wasiṭ*. Beirut: Idārah Ihya al-Ṭurāth al-Islāmi, h. 286.

⁴⁶ Muhammad bin Abi Bakr 'Abd al-Qadīr al-Rāzī (1986), *Mukhtār al-Ṣīḥāh*. Beirut: Dār Dāirah al-Ma'ājim, h. 86.

Dakwah juga diambil dari kalimah *al-Shahādah*,⁴⁷ seperti yang terdapat di dalam risalah Nabi Muhammad SAW yang dikirim kepada Raja Hercules. Hal ini juga seperti dalam firman Allah SWT, antara lain:

وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا

Maksudnya: *Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada ugama Allah Dengan taufiq yang diberi-Nya; dan sebagai lampu yang menerangi.*

Surah al-Ahzab (33): 46

Allah SWT berfirman:

قَالَ رَبِّ الْسَّجْنِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونِي إِلَيْهِ ...

Maksudnya: *Yusuf (merayu kehadrat Allah Taala dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara dari apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya.*

Surah Yusuf (12): 33

Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى دَارِ الْسَّلَمِ وَهَدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Maksudnya: *Dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu).*

Surah Yunus (10): 25

⁴⁷ Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram ibn Manzūr al-Ifriqī al-Misri (1956), *Lisān al-‘Arb*. Beirut: Dār Ṣādir Wa Dār Beirut, j. 8, h. 1386-1388.

Selain daripada tersebut di atas, dalam kamus *al-Munawwir* disebutkan bahawa dakwah mempunyai banyak erti, antara lain: memanggil (*to call*), menjemput (*to invite*), mengajak (*to summon*), menyeru (*to propose*), mendorong (*to urge*) dan memohon (*to pray*).⁴⁸ Manakala Muhammad Fuad Abd al-Baqi menyebutkan bahawa di dalam al-Qur'an perkataan *al-Da'wah* dan perkataan-perkataan yang terhasil daripadanya disebut sebanyak 213 kali.⁴⁹

Setelah mengetahui pengertian dakwah dari aspek bahasa, pengertian dakwah akan bertambah jelas jika difahami dari sudut istilah. Pengertian dakwah termasuklah bahagian yang sangat penting dalam pengajian Islam, hal itu terbukti dari berbagai pengertian dan maksud dakwah yang datang daripada para ulama. Di antara pandangan mereka itu ialah:

Ali Mahfuz dalam kitabnya *Hidayah al-Murshidīn* menyebutkan bahawa dakwah ialah:⁵⁰

حَثُّ النَّاسِ عَلَى الْخَيْرِ وَاهْدِي وَالْأَمْرِ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهِيٌّ عَنِ الْمُنْكَرِ لِيُفُورُوا بِسُعَادَةٍ
الْعَاجِلِ وَالْأَجِلِ.

Dalam pandangan Ali Mahfuz, dakwah hanya diertikan dalam konteks isi kandungannya sahaja, iaitu sebagai usaha menyeru manusia kepada kebajikan dan petunjuk serta menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemunkaran

⁴⁸ Warson Munawwir (1994), *Kamus al-Munawwir*. Surabaya: Pustaka Progresif, h. 439. Lihat juga Siti Muriah (2000), *Metode Dakwah Kontemporer*. Yogyakarta: Mitra Pustaka, h. 1.

⁴⁹ Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (tt), *al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Alfāz al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 120, 692 dan 693.

⁵⁰ 'Ali Mahfuz (1975), *Hidāyah al-Murshidīn Ila Turuq al-Wa'zi Wa al-Khiṭābah*. Madinah: Maktabah al-'Ilmiyah, h. 14.

supaya mereka mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, apabila yang disampaikan adalah perkara yang boleh membawa kepada keburukan dan kecelakaan atau bahkan menjerumuskan manusia kepada kehancuran, maka seruan tersebut tidaklah disebut sebagai dakwah.

Pengertian yang melihat dari aspek isi kandungan seperti di atas, sesuai dengan pandangan Ibnu Taimiyah yang menyebutkan bahawa dakwah ialah satu seruan menuju keimanan kepada Allah SWT dan beriman ke atas apa yang dibawa oleh rasul-rasul-Nya dengan membenarkan apa-apa yang diceritakan dan mentaati segala apa yang diperintahkan serta mencakupi keyakinan kepada rukun iman dan rukun Islam.⁵¹ Manakala al-Tabari lebih memberikan definisi yang ringkas bagi dakwah menjadi satu makna yang lebih mendalam, menurutnya dakwah iaitu proses mengajak manusia dengan ucapan dan perbuatan.⁵²

Selanjutnya ada pula ulama yang memberikan definisi dakwah dengan memandang dari aspek sasaran dan tujuan dakwah, seperti Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. Beliau mendefinisikan dakwah dengan satu redaksi yang lebih sesuai dengan isu semasa, iaitu: satu proses penyampaian Islam kepada manusia dengan mendedahkan nilai-nilai yang ada pada Islam dan menerapkannya dalam realiti kehidupan.⁵³

⁵¹ Ibn Taimiyah, *Majmū' Fatāwa*, (15/1507). Lihat juga *al-Fatāwa al-Kubrā*. Riyadh: Maṭābi' al-Riyādh, J. 15, h. 1508.

⁵² Muhammad bin Jarīr bin Kathīr bin Ghālib al-Amali, Abu Ja'far al-Tabāri, (2000), *al-Jāmi' al-Bayān Fi Takwīl al-Qur'an*. Jeddah: Muassasah al-Risalah, j. 11, h. 53.

⁵³ Muhammad Abu al-Fath al-Bayanūni (1991), *al-Madkhāl Ila 'Ilm al-Da'wah; Dirāsah Manhajiyah Shāmilah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 17.

Pengertian sedemikian sesuai dengan definisi dakwah menurut Muhammad al-Ghazali dan Ab. Aziz Mohd. Zin. Kedua-dua cendikiawan tersebut menyebutkan bahawa dakwah sebagai sebuah program yang terencana dan menyeluruh dalam mendorong dan merangsang (*to motivate*) untuk membangunkan semua potensi diri sehingga mencapai kejayaan, kebahagiaan yang sebenar dan keredaan Allah SWT.⁵⁴

Ulama lain berpandangan bahawa dakwah adalah usaha kemanusiaan yang mempunyai nuansa Ilahi, seperti yang dikemukakan oleh Abu al-Majid Nawfal. Dakwah iaitu satu pekerjaan yang hanya boleh dilakukan oleh seorang muslim yang mempunyai kemampuan dalam menasihati dan membina manusia dengan nilai dan ajaran Islam, sama ada dalam aspek akidah ataupun jalan hidup, serta memperingati mereka daripada selain Islam dengan menggunakan cara dan sarana tertentu.⁵⁵ Hal ini senada dengan pandangan Abu Bakar Dhikri yang menyatakan bahawa dakwah ialah bangkitnya para ulama Islam untuk mengajarkan Islam kepada umat Islam agar mereka faham tentang agama dan kehidupan, sesuai kemampuan setiap ulama.⁵⁶

Roslan Mohamed (2001) dalam artikelnya, *Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah: Satu Tinjauan*, memberikan satu definisi yang mempunyai ruh perubahan, gerakan dan kebangkitan umat. Beliau mengatakan bahawa

⁵⁴ Muhammad al-Ghazālī (1981), *Ma'a Allah; Dirāsāt Fi al-Da'wah Wa al-Du'āt*. Beirut: Dār Ihya al-Turāth al-Islāmi, h. 17. Dan Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 2. Lihat juga Muhammad al-Khadir Husayn, *al-Da'wah Ila al-Islāh*, h. 17, yang secara jelas menyebut sebagai usaha merangsang manusia menuju kebaikan dan petunjuk Allah, sehinggalah mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

⁵⁵ Abu al-Majd Nawfal (1977), *al-Da'wah Ila Allah; Khaṣāisuhā, Muqawwimātuḥā, Maṇāhijuhā*. h. 18.

⁵⁶ Abu Bakar Dhikri (t.t), *al-Da'wah Ila al-Islām*. Kaherah: Maktabah Dār al-'Arubah, h. 8.

dakwah merupakan satu langkah penting dan utama ke arah pembinaan dan pembangunan insan demi menundukkan seluruh kehidupan mereka kepada Allah SWT dan pada masa yang sama untuk mencapai keredhaan-Nya.⁵⁷

Menurut hemat penulis, definisi yang diberikan oleh Roslan Mohamed adalah satu definisi yang sangat baik yang mengandungi ruh perjuangan dakwah semasa dan memiliki semangat membina, membangun dan menjana ummat secara progresif. Pendakwah tidak sahaja dituntut untuk menyampaikan dan menyerukan kebenaran sahaja, tetapi ia dituntut untuk membina dan membangun kegemilangan umat Islam dalam semua aspek kehidupan.

Dari penjelasan di atas, dapatlah diberikan satu kesimpulan yang ringkas bahawa program dakwah merupakan satu usaha yang mengandungi perancangan dalam mengajak manusia ke arah kebaikan dan keberkatan hidup mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Kondisi kebaikan yang dimaksud di atas ialah situasi yang mengikut panduan Allah SWT sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT, iaitu:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوكُمْ إِلَىٰ اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۝
18

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata".*

Surah Yusuf (12): 108

⁵⁷ Roslan Mohamed (2001), “Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah: Satu Tinjauan”. Jurnal YADIM, bil. 2, h. 34.

Dakwah juga merupakan satu kesatuan usaha bersama untuk meyatakan potensi dan seluruh sumber organisasi sehingga matlamat dakwah boleh dicapai secara berjaya. Oleh itu, program dakwah hendaklah dilaksanakan mengikut panduan yang telah Allah SWT tetapkan dengan menyeru manusia supaya beriman kepada-Nya, melaksanakan amar makruf dan menjauhi kemunkaran.⁵⁸ Dakwah juga bermakna mengajak untuk mengimani Allah SWT dengan melakukan ketaatan atas risalah nabi Muhammad SAW. Sehingga dakwah Islam ditujukan kepada semua manusia disetiap zaman dan tempat.⁵⁹

Di samping perkara tersebut, dakwah juga merupakan aktiviti yang mempunyai hubungkait dengan perkataan dan perbuatan (*al-Muḥāwalah al-Qawliyyah Wa al-‘Amaliyyah*) yang bertujuan untuk membuat sasaran meyakini sesuatu. Pengertian dakwah dari sudut pandang ini memiliki berbagai-bagai macam pengertian, antara lain:⁶⁰

- a. Mematuhi Allah dan merealisasikan nilai ajaran dalam kehidupan sehari-hari tanpa ragu.
- b. Menerima agama yang telah diturunkan oleh Allah ke atas muka bumi sebagai panduan hidup manusia untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.
- c. Peraturan umum dan perlembagaan yang lengkap mengenai masalah hidup dan perilaku manusia yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.
- d. Perkataan yang mempunyai makna dan pengertian yang sama atau serupa dengan dakwah adalah *al-Tabligh*.

⁵⁸ ‘Abd al-Karīm Zaydān (1976), *Usūl al-Da’wah*. Baghdad: al-Manār al-Islamiyyah, h. 269.

⁵⁹ ‘Abd al-‘Azīz Barghūth (2001), *Manāhij al-Da’wah; Nuskħah Munaqqahah Wa Muzayyadah*. Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd, C. 3, h. 18.

⁶⁰ Sohirin M. Solihin (2008), *Islamic Da’wah; Theory and Practice*. Kuala Lumpur: IIUM Press, h. 4-7.

Dari pemahaman di atas, maka siapa sahaja yang mengajak, memanggil dan menyeru suatu perkara disebut dengan *al-Dā'i* atau *al-Dā'iyah* dalam bentuk tunggal dan *al-Duāt* dalam bentuk kumpulan. Dalam bahasa Melayu, individu yang mengambil peranan menyebarkan agama Islam disebut pendakwah atau juru dakwah. Iaitu orang yang mempunyai kepakaran dalam menyeru manusia untuk memeluk Islam dan menghayatinya sama ada dengan seruan ataupun menggunakan media yang dibenarkan yang bersesuaian dengan dakwah.

Selain daripada kata dakwah, terdapat istilah-istilah lain yang mempunyai makna seperti kata dakwah. Istilah-istilah ini meskipun mempunyai perbezaan dengan dakwah, tetapi matlamat yang hendak dicapai adalah sama. Istilah-istilah ini antara lain: *al-Tablīgh*, *al-'Amr Bi Al-Ma'ruf Wa al-Nahy 'An al-Munkar*, *al-Tawsiyah*, *al-Khiṭābah*, *Al-Mauizah*, *al-Irshād*, *al-Taw'iyah*, *al-Tadhkirah* dan lain-lain istilah

2.3. Matlamat Program Dakwah

Perbincangan mengenai matlamat program dakwah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan matlamat dakwah itu sendiri. Oleh itu, perkara penting dalam dakwah adalah mengenal pasti matlamat yang hendak dicapai. Program dakwah mempunyai matlamat supaya umat manusia boleh menerima Islam secara sempurna, teratur dan menyeluruh.⁶¹ Hal ini bermakna bahawa seorang muslim

⁶¹ Nawfal (1977), *op.cit.*, h. 18.

hendaklah dapat menerima, memeluk dan menghayati Islam dengan penuh kesedaran diri tanpa ada paksaan dan keraguan.

Yusuf al-Qaradawi menjelaskan matlamat program dakwah ialah untuk membawa orang lain kepada agama Allah SWT dan mengikuti petunjuk dengan cara mengesakan-Nya dalam peribadatan, pembebasan manusia dari thaghut, berfikir secara logik dan rasional, menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran serta berjihad di jalan-Nya.⁶² Dakwah Islamiah menurut pengertian di atas difahami sebagai sebuah proses penindasan dan penghancuran kesemua fahaman jahiliyah dan membina semula fahaman Islamiah yang seuai dengan panduan Allah SWT. Proses aktiviti dakwah seperti ini dikenali dengan kaedah *al-Hadm Wa al-Binā*, iaitu proses meruntuhkan dan membina.

Sementara itu, Ab. Aziz Mohd. Zin menyatakan bahawa matlamat dakwah ialah mengandungi matlamat diturunkannya Islam itu sendiri, iaitu membawa masyarakat kearah kesejahteraaan hidup di dunia dan di akhirat, melalui pelaksanaan tugas sebagai khalifah di bumi. Dakwah sebenar mempunyai hala tuju menjadikan masyarakat terbaik, umat tertinggi, umat terkuat dan termulia dikalangan umat-umat yang lain.⁶³

Quraish Shihab berpendapat bahawa matlamat dakwah adalah mengubah kondisi hidup menuju yang lebih baik dan sempurna, sama ada kehidupan peribadi maupun masyarakat. Matlamat dakwah tidak terhad pada proses

⁶² Yūsuf al-Qaraḍawi (1983), *Thaqāfah al-Dā'iyyah*. Beirut; Muassasah al-Risālah, h. 1-2.

⁶³ Ab. Aziz bin Mohd. Zin (2005), *Peranan Dakwah dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Malaya, h. 24.

pemahaman agama yang lebih baik dalam amalan dan perbuatan sahaja, tetapi juga menuju aspek yang lebih luas mengikut perkembangan hidup yang berteknologi dan berkemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan.⁶⁴ Oleh kerana itu, dakwah ialah membina dan membangun ummah sekaligus membentuk suatu metode yang boleh mempengaruhi sikap dan cara berfikir serta tindakan yang sesuai dengan panduan Ilahi sama ada sasarannya kepada individu atau masyarakat dengan harapan ajaran Islam dapat dipraktikan dalam seluruh aspek kehidupan.⁶⁵

Dari pandangan para ulama di atas, dapatlah disimpulkan bahawa matlamat program dakwah mengandungi dua perkara yang amat penting. Iaitu matlamat dari aspek individu dan matlamat yang berhubungkait dengan kemasyarakatan atau umat Islam sejagat sebagai sebuah ummah yang satu. Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, dalam bahagian berikut akan didedahkan tiap-tiap matlamat yang dimkasudkan.

2.3.1. Matlamat Individu

Tujuan dari pesan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah tidak terhad kepada idea-idea falsafah dalam dunia pemikiran intelektual. Tetapi ia merupakan jalan hidup yang mesti wujud secara praktikal dalam kehidupan. Pada tahapan yang sangat penting, kerja-kerja dakwah terfokus pada perubahan individu yang dimulai dari kekuatan rohani kepada Sang Khalik. Perkara ini

⁶⁴ Quraish Shihab (1996), *Membumikan al-Qur'an*. Bandung: Mizan, h. 194.

⁶⁵ Amrullah Ahmad (1985), *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta: PLP2M, h. 2.

disebut oleh Sohirin M. Sholihin bahawa matlamat dakwah adalah untuk perubahan diri pribadi (*Individual Reform*).⁶⁶

‘Ali Abdul Halim Mahmud berpandangan secara lebih luas dan mendalam bahawa program dakwah mempunyai banyak tujuan dan matlamat. Beliau mendedahkan sepuluh matlamat program dakwah; sama ada dari sudut individu ataupun kemasyarakatan. Dalam hubungkaitnya dengan individu muslim, ia menyatakan sebanyak empat tujuan. Di bawah ini adalah matlamat yang berhubung kait dengan individu, ialah:⁶⁷

1. Membantu dan mengarahkan manusia untuk beribadah kepada Allah SWT secara benar.
2. Membantu dan mengarahkan manusia untuk menghidupkan sunnah Nabi Muhammad SAW.
3. Membantu dan mengarahkan manusia untuk mengubah kondisi kehidupan yang rosak menuju kehidupan Islami dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mewujudkan kemaslahatan mereka.
4. Melakukan usaha membina pribadi muslim kearah syakhsiyah Islamiyah yang mencakupi seluruh aspek kehidupannya sama ada dalam aspek ruhiyah, akal, moral dan fizikal serta sosial kemasyarakatan.

⁶⁶ Sohirin M. Solihin (2008), *op.cit.*, h. 113-115.

⁶⁷ ‘Ali ‘Abd al-Halīm Mahmūd (1991), *al-Mar’ah al-Muslimah Wa al-Fiqh al-Dā’wah Ila Allah*. Kaherah: Dār al-Wafā, h. 168-172.

Dengan bahasa dan ungkapan yang berbeza, Samsul Munir Amin menyebutkan empat matlamat dakwah dari sudut pandang individu, iaitu:⁶⁸

1. Mengajak umat manusia yang telah memeluk agama Islam untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Iaitu dengan sentiasa menjalankan segala perintah dan meninggalkan larangan-Nya.
2. Membangun dan membina pemikiran secara Islami kepada pemeluk agama Islam yang baru (*Muallaf*).⁶⁹
3. Mengajak manusia supaya mengimani Allah SWT dengan memeluk agama Islam.
4. Apabila manusia tidak menerima sesuatu seruan yang dijalankan keatasnya, para pendakwah hendaklah paling minimum menyeru mereka supaya mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mereka supaya tidak menyimpang dari fitrah semula jadi.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dijelaskan di atas, dapat disimpulkan bahawa matlamat yang ingin dicapai melalui dakwah itu beberapa peringkat, mulai dari mengajak manusia ke jalan Allah SWT kemudian mempengaruhi cara berfikir, cara bertindak dan kecenderungan mereka supaya sesuai dengan prinsip-prinsip dan panduan Islam. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

⁶⁸ Samsul Munir Amin (2009), *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Penerbit Amzah, h. 62.

⁶⁹ *Muallaf* ertinya orang yang perlu mendapat perhatian supaya hatinya menjadi lunak dan dapat menerima agama Islam dengan baik. Di Malaysia, golongan ini disebut dengan beberapa istilah lain, antara lain dengan saudara baru, saudara seiman dan lain-lain.

وَاللَّهُ يَدْعُونَا إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَبِيَبْيَنِ آيَتِهِ لِلنَّاسِ
 لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: *Sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya).*

Surah al-Baqarah (2): 221

Ibn Kathir dalam menafsirkan ayat ini mengatakan bahawa Allah SWT mengajak dan menyeru manusia kepada syariat yang berupa suruhan dan larangan, apabila perkara tersebut dilaksanakan dengan baik ia memperoleh syurga dan keampunan.⁷⁰ Suruhan dan larangan inilah dalam ilmu feqah disebut sebagai panduan dan syariat dari Allah SWT.

2.3.2. Matlamat Kemasyarakatan

Meskipun para ulama membahagikan tujuan dakwah kepada dua bahagian; iaitu ke atas individu dan juga masyarakat, tetapi yang paling penting dari kesemua tujuan dan matlamat dakwah ini ialah supaya agama Islam menjadi pemandu kehidupan dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT serta mewujudkan kedaulatan-Nya di atas muka bumi ini.⁷¹

⁷⁰ Abu al-Fidā Ismaīl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashi al-Dimshaqi (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Madinah: Dār Ṭayyibah, j. 1, h. 584.

⁷¹ Jamaluddin Kafie (1993), *Psikologi Dakwah*. Surabaya: Indah Press, h. 66.

Oleh itu setiap pendakwah dan institusi-institusi yang bertanggung-jawab hendaklah berusaha dengan sedaya upaya supaya tujuan dan matlamat yang Allah SWT tetapkan ini menjadi kenyataan. Dari sudut kemasyarakatan, dakwah ini bertujuan untuk membina satu masyarakat yang berbudi, handal dan penuh keteladanan.

Muhammad Natsir mendedahkan sebuah gambaran masyarakat yang hendak dibina dan dibangun melalui aktiviti program dakwah. Menurutnya, matlamat dakwah ialah:⁷²

1. Menyeru manusia kepada syariat dan memberikan solusi ke atas persoalan hidup bermula dengan persoalan individu, rumah tangga, kemasyarakatan, bangsa dan juga persoalan negara.
2. Menyeru manusia kepada fungsi hidup yang sebenar sebagai hamba Allah SWT, serta fungsi mereka sebagai pelopor dan saksi ke atas umat manusia yang lain.
3. Menyeru kepada matlamat hidup yang hakiki, iaitu menyembah Allah SWT.

Pandangan Muhammad Natsir tersebut dipertegas dalam bukunya *Fiqhud Dakwah* yang secara terang menyebut bahawa intisari yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah agar manusia menjaga nilai dan martabat kemanusiaannya, supaya tidak sampai turun kepada darjah haiwan. Bahkan bakat

⁷² Muhammad Natsir (1975), *Dakwah dan Tujuan, Serial Media Dakwah*. Jakarta: Media Dakwah Islamiyah Indonesia, no. 28, h. 2-4.

dan potensinya akan membangun, kualitinya terjaga dan terbina sampai ke tingkat yang paling tinggi atau ke tingkat yang lebih tinggi.⁷³

Secara lebih terperinci, ‘Ali Abdul Halim Mahmud menyebutkan bahawa matlamat dakwah dari sudut masyarakat dilihat dalam enam perkara berikut:⁷⁴

1. Melakukan usaha kearah membina rumah tangga muslim sesuai pedoman dan panduan Islam.
2. Melakukan usaha kearah membina masyarakat muslim yang mampu melakukan amar ma’ruf dan nahi munkar.
3. Melakukan usaha kearah membina pemerintahan Islami yang menerapkan hukum Allah SWT serta mewujudkan keadilan dan nilai-nilai kebaikan.
4. Melakukan usaha untuk menghalang musuh-musuh Islam yang sentiasa melakukan kezaliman keatas umat Islam.
5. Melakukan usaha untuk mengembalikan kesatuan umat Islam dengan kaedah yang lebih bersesuaian.
6. Melakukan usaha penyebaran Islam keseluruh dunia dengan keyakinan bahawa Islam adalah agama untuk semua bangsa dan kaum.

Perkara tersebut adalah sependapat dengan Muhammad Amin Hasan Muhammad Bani Amir yang menyatakan bahawa matlamat akhir dari dakwah adalah supaya Islam menjadi agama yang unggul dan menguasai peraturan hidup.⁷⁵ Keunggulan ini sesuai dengan makna sabda Nabi Muhammad SAW

⁷³ Muhammad Natsir (tt), *Fiqhud Dakwah*. (tanpa tempat dan nama penerbit), h. 4.

⁷⁴ ‘Ali ‘Abd al-Halīm ‘Ali Mahmūd (1991), *op.cit.*, h. 168-172.

⁷⁵ Muhammad Amin Hasan Muhammad Bani ‘Amir (1999), *Asālib al-Da’wah Wa al-Irshād*. Saudi: Jāmi’ah al-Yarmuk, h. 17.

bahawa Islam ini adalah agama yang tinggi dan tidak ada yang setanding dengannya.⁷⁶

Untuk mewujudkan hal demikian, dakwah perlulah dilakukan dengan cara bertahap dan beransur-ansur, sama ada dari segi sasaran, metode dan pendekatan dalam kerja dakwah. Sehinggalah pada satu kesimpulan bahawa individu dan peribadi yang telah difahamkan dengan Islam, mencintai Islam dan memperjuangkan Islam dengan ikhlas adalah bahagian daripada usaha untuk mewujudkan matlamat dakwah itu sendiri, iaitu mewujudkan masyarakat yang Islami dan pada akhirnya akan terbentuk Islam dengan mudah dalam usaha untuk dijadikannya sebagai undang-undang, jalan hidup (*Way of Life*) dan kedaulatan hidup.

Selain daripada pembahagian matlamat dakwah dari sudut kepada sasaran dakwah yang hendak dicapai, Asmuni Syukir membahagikan matlamat dakwah kepada dua perkara. Matlamat ini dikenali dengan Tujuan Umum Dakwah (*Major Objektive of Da'wah*) dan Tujuan Khusus Dakwah (*Minor Objective of Da'wah*).⁷⁷

Yang dimaksudkan dengan tujuan umum dakwah ialah merupakan suatu perkara asas dan penting yang hendak dicapai dari kesemua aktiviti dakwah. Maknanya kesemua aktiviti program yang dijalankan haruslah ditujukan dan

⁷⁶ Lihat hadis selengkapnya dalam Ahmad bin ‘Ali bin Hajar Abu al-Fadl al-‘Asqalani al-Shāfi’i (1397), *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Beirut: Dār al-Ma’rifah, juz.1, h. 421.

⁷⁷ Asmuni Syukir (1983), *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlas, h. 51-54.

diarahkan dengan titik orbit yang sama. Oleh kerana itu, tujuan umum dakwah ini adalah merupakan tujuan yang paling dicita-citakan oleh kaum muslimin, iaitu supaya manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT:

رَبَّنَا آءِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
T.1

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka*".

Surah al-Baqarah (2): 201

Manakala tujuan khusus dakwah merupakan perincian dan penjelasan daripada tujuan umum uakwah yang sudahpun ditetapkan. Hal itu kerana proses dakwah untuk mencapai kehidupan yang baik seperti terkandung dalam tujuan umum dakwah sangatlah luas dan ia mencakupi kesemua aspek kehidupan. Semua aktiviti dan program-program dakwah yang terperinci dan berbagai inilah yang disebut dengan tujuan khusus dakwah.⁷⁸

Menurut Endang Saifuddin Anshari, bahawa tujuan dan matlamat dakwah dibezakan dalam dua perkara, iaitu: Matlamat vertikal dan matlamat horizontal. Matlamat vertikal iaitu hal perkara dakwah yang berhubungkait dengan hubungan manusia dengan Allah SWT. Matlamat vertikal ini boleh difahami sebagai citacita yang hendak dicapai daripada perhubungan seorang hamba dengan Allah SWT. Tujuan vertikal ini tampak dari keinginan manusia untuk mendapatkan keredaan daripada Allah SWT. Manakala matlamat horizontal ialah tujuan

⁷⁸ Samsul Munir Amin (2009), *op.cit.*, h. 60-62. Lihat juga A. Rosyad Shaleh, *op.cit.*, h. 21. Secara khusus, ia menyatakan bahawa matlamat dakwah terbahagi keatas Tujuan Utama Dakwah dan Tujuan Departemen Dakwah (tujuan wasilah dan perantara).

dakwah untuk memperolehi rahmat bagi segenap alam semesta, sama ada sebagai individu, ahli keluarga, masyarakat dan penduduk dunia.⁷⁹ Kedua-dua tujuan tersebut seringkali dikenal dengan istilah *al-Habl Min Allah* dan *al-Habl Min al-Nās*.

Sebagai kesimpulan dari penjelasan mengenai matlamat program dakwah di atas, matlamat terbesar dari kesemua matlamat yang sudah digariskan oleh para ulama adalah menjadikan agama Islam ini hidup di dalam sanubari umat manusia dan menjadi panduan dalam mengurus dan menjayakan kehidupan dunia.

Oleh kerana itu, dakwah mestilah dilakukan dengan melihat keutamaan serta dilaksanakan secara bertahap dan beransur-ansur. Apabila ulama sepakat bahawa matlamat dakwah adalah untuk menyebarkan agama Islam sehingga ia menjadi pemimpin dan mengungguli agama lain dalam semua aspek kehidupan, maka ia harus dimulai dari gerakan pembinaan dan penghayatan.

Penghayatan dan pembinaan yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan kebertahapan dan melalui fasa yang jelas. Iaitu dimulai dengan membina dan mengembangkan keperibadian muslim, keluarga Islami dan masyarakat Islami. Jika hal itu tidak dilakukan, maka mustahil agama Islam boleh dijadikan sebagai pemimpin dan rahmat bagi segenap alam.

⁷⁹ Endang Saifuddin Anshari (1990), *Wawasan Islam; Pokok-pokok Fikiran Tentang Islam dan Ummatnya*. C. 2. Jakarta: Rajawali Press, h. 192.

2.4. Bentuk-bentuk Program Dakwah

Seorang pendakwah yang senantiasa menyebarkan ajaran Islam, hendaknya memahami bentuk-bentuk program dakwah dengan baik. Perkara ini adalah syarat utama dalam menentukan kejayaan dakwah. Bentuk-bentuk program dakwah boleh berubah-ubah disesuaikan dengan perubahan tempat dan masa seiring dengan peradaban, tamadun dan perkembangan zaman. Bentuk-bentuk program yang dahulunya dianggap sesuai oleh sasaran dakwah, kemungkinan ia tidak lagi menjadi bentuk yang menarik pada masa kini kerana adanya bentuk-bentuk program lain yang lebih baik dan lebih sesuai untuk diterapkan pada masa kini.

Hal yang seumpama ini telah diperkatakan oleh Hasan al-Banna dalam *Majmū'ah al-Rasā'il* bahawa metode penyampaian dakwah yang ada sekarang sangat berbeza dengan yang ada di zaman dahulu. Zaman dahulu hanya terhad pada perkataan yang disampaikan di dalam khutbah atau ceramah sahaja. Namun kini dakwah boleh dilakukan dengan pelbagai cara, di antaranya melalui penerbitan, majalah, *leafleat*, teater, radio dan lain-lain. Kesemua ini dilakukan dengan satu matlamat iaitu menyampaikan mesej dakwah tersebut, sama ada lelaki ataupun perempuan, di dalam rumah mereka, di kedai, di ladang ataupun di kilang-kilang dan di lain-lain tempat. Oleh itu, pembawa misi dakwah hendaklah memahami bentuk-bentuk media dakwah dengan baik agar usaha mereka mendatangkan hasil yang diharapkan.⁸⁰

⁸⁰ Hasān al-Bannā (tt), *Majmu'ah al-Rasā'il*, Kaherah: Risālah Da'watuna, al-Rasā'il al-Thulātha, h. 99-100.

Dalam perbahasan ini akan didedahkan bentuk-bentuk program dakwah yang boleh digunakan dalam dakwah. program dakwah ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian berikut: dakwah dengan ucapan, dakwah dengan teladan yang baik dan yang terakhir ialah dakwah dengan amal perbuatan.

2.4.1. Dakwah dengan Ucapan

Dakwah dengan ucapan merupakan tuntutan yang paling baik dilakukan oleh para pendakwah. Kerana ucapan adalah merupakan suatu perkara yang istimewa yang dimiliki oleh manusia. Tanpa ucapan, manusia menjadi satu makhluk yang kurang keupayaan dan keistimewaan. Dengan lisan pula, manusia boleh menyampaikan apa yang dirasai, difikir dan dicita-citakan.⁸¹ Terlebih lagi apabila apa yang dirasai, difikir dan cita-citakan merupakan perkara yang disukai Allah dan mendatangkan rahmat-Nya.

Apabila manusia dianggap sempurna kerana lisan dan ucapan, maka para pendakwah adalah orang yang paling memerlukan lisan supaya dakwah mereka berjalan dengan sempurna. Kerana ucapan juga, aktiviti dakwah disebut sebagai aktiviti yang paling baik (*ahsan*) oleh Allah SWT. Sepertimana dalam firman-Nya:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنْ

آلُّمُسْلِمِينَ

⁸¹ Hisham Yusuf Muhammad Banan (1996), *al-Manhaj al-Da'awi Fi Uṣūl al-Muḥāḍarah al-Da'awiyah*. Madinah: Dār al-Mujtama', h. 24-25.

Maksudnya: *Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah sepenuhnya kepada Allah).*

Surah Fusilat (41): 33

Para Nabi dan Rasul yang diutus oleh Allah SWT tidak ada yang dalam kategori pekak ataupun bisu. Mereka semua telah menjadikan lisan dan ucapan sebagai tuntutan utama dalam menjalankan dakwah kepada agama Allah SWT. Para Nabi dan Rasul termasuk Rasulullah SAW sendiri diperintahkan untuk berdakwah dengan ucapan yang boleh difahami oleh sasaran dakwah. Seperti dalam firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ هُمْ فَيُضْلِلُ اللَّهُ
مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya, juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dia lah juga yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Surah Ibrahim (14): 4

Para Nabi dan Rasul berdakwah dengan menggunakan kemahiran lisan dan ucapan. Iaitu dengan aktiviti *al-Mujādalah* di hadapan musuh-musuh kebenaran, mendedahkan hukum hakam dan bukti (*al-Burhān*) dengan ucapan supaya kebenaran menjadi terang.⁸²

⁸² Hisham Yusuf (1992), *op.cit.*, h.36.

Nabi Ibrahim a.s sebagai contoh, ia menggunakan ucapan dan hujjah ketika melakukan bantahan terhadap musuh dakwah dari golongan kaumnya. Seperti firman Allah SWT:

اَلَّمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ اَنْ ءَاتَنَاهُ اللَّهُ اَلْمُلْكَ اِذْ
 قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الَّذِي يُحِبِّي وَيُمِيتُ قَالَ اَنَا اُحِبُّي وَأُمِيتُ
 قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأَنْتَ بِهَا مِنَ
 الْمَغْرِبِ فَبِهِتَ الَّذِي كَفَرَ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: *Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhanmu, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? ketika Nabi Ibrahim berkata: Tuhanmu ialah yang menghidupkan dan yang mematikan. ia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan. Nabi Ibrahim berkata lagi: Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?, maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.*

Surah al-Baqarah (2): 258

Nabi Musa a.s. pula mendedahkan kebenaran kepada Fira'un dengan menggunakan ucapan, sebelum ia menunjukkan bukti yang nyata dengan kehebatan mukjizat yang Allah SWT kurniakan kepadanya. Sesuai dengan firman Allah SWT:

قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ اَبَائِكُمْ اَلْأَوَّلِينَ ﴿٣٦﴾ قَالَ اِنَّ رَسُولَكُمُ الَّذِي
 اُرْسَلَ إِلَيْكُمْ لَمْ جَنُونٌ ﴿٣٧﴾ قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا
 بَيْنَهُمَا اِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣٨﴾ قَالَ لَئِنْ اَخْذَتَ اِلَهًا غَيْرِي

لَا جَعَلْنَاكَ مِنَ الْمَسْجُونِينَ ﴿٢٦﴾ قَالَ أَوْلَوْ جِئْتُكَ بِشَيْءٍ مُّبِينٍ

﴿٢٧﴾ قَالَ فَأَتَتِيهِ إِن كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ

Maksudnya: Nabi Musa menegaskan lagi: "Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu." Firaun berkata (kepada orang-orangnya): "Sebenarnya Rasul yang diutuskan kepada kamu ini, sungguh gila?" Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaannya dengan) berkata: "Dialah yang memiliki dan menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya; kalau kamu orang-orang yang berakal tentulah memahami-Nya!" Firaun berkata: "Demi sesungguhnya! jika engkau menyembah tuhan yang lain daripadaku, sudah tentu aku akan menjadikan engkau dari orang-orang yang dipenjarakan". Nabi Musa menjawab: "Adakah (engkau akan memenjarakan daku juga) walau pun aku membawa kepadamu sesuatu bukti yang jelas nyata?" Firaun berkata: "Kalau demikian, bawalah bukti itu jika betul engkau dari orang-orang yang benar".

Surah al-Shu'ara (26): 28-31

Begitu juga di dalam kisah Nabi Isa a.s., ketika membantah orang yang menghina ibunda Maryam dan menjelaskan proses kelahirannya serta membela kehormatannya, sebagaimana firman Allah SWT:

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ إِاتَنِي الْكِتَبَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Ia menjawab: "Sesungguhnya Aku ini hamba Allah; ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan ia telah menjadikan daku seorang Nabi.

Surah Maryam (19): 30

Begitu juga dengan sikap Rasulullah SAW dalam membendung arus celaan, penghinaan dan cemuhan yang dikeluarkan oleh orang kafir. Baginda menggunakan ucapan yang nyata, jelas dan tegas. Semua itu dilakukan dengan

satu matlamat agar orang kafir memahami dan menerima ajaran agama Islam.

Firman Allah SWT:

﴿سَيَقُولُ الْسُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَنْهُمْ عَنْ قِبْلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا
عَلَيْهَا قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ
مُّسْتَقِيمٍ﴾

Maksudnya: *Orang-orang yang bodoh (kurang akal pertimbangan) akan berkata: Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini? Katakanlah (Wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah, (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhi-Nya); Allah yang memberikan petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus".*

Surah al-Baqarah (2): 142

Seorang Nabi dan Rasul diutus dengan menggunakan bahasa mereka dan diperintahkan untuk menyampaikan ajaran dengan bahasa yang ringkas dan mudah supaya risalah yang diturunkan boleh difahami dengan baik oleh kaumnya.⁸³ Yang demikian itu sesuai dengan firman Allah SWT:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ
الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: *Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.*

Surah al-Nahl (16): 43

⁸³ Hisham Yusuf (1992), *op.cit.*, h. 39-40.

Bahkan Rasulullah SAW diperintahkan Allah SWT supaya menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh sasaran dakwah. Sehingga tidak dibenarkan berdakwah dengan bahasa, istilah atau isyarat yang tidak difahami oleh sasaran dakwah. Sabda Rasulullah SAW:⁸⁴

حَدَّثَنَا النَّاسُ بِمَا يَعْرِفُونَ، أَخْبَرُونَ أَنَّ يُكَذِّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ.

Maksudnya: *Berbicaralah kepada manusia sesuai dengan yang mereka ketahui. Apakah engkau suka apabila Allah SWT dan Rasulullah SAW didustai?.*

Demikianlah kepentingan ucapan dalam dakwah dan penyebaran agama Islam. Oleh sebab itu, sebahagian ulama menjadikan ucapan atau pertuturan sebagai perkara yang wajib dipelajari. Ibnu al-Muqaffa⁸⁵ berkata: “*Belajarlah berbicara sebagaimana engkau belajar mendengar*”.⁸⁶

Di antara kaedah supaya ucapan menjadi sebuah tuntutan dakwah yang efektif dan memberi kesan yang mendalam adalah dengan memilih ungkapan dan bahasa yang mudah dan bersesuaian. Rasulullah SAW adalah individu yang dikenali mempunyai ungkapan dan kata-kata yang menarik dan bermakna. Ungkapan ini dikenali dengan *al-Jawāmi’ al-Kalim*. Dalam perkara ini, Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Ubay bin Ka’ab:⁸⁷

⁸⁴ Majd al-Dīn Abu al-Sa’ādāh al-Mubārak bin Muhammad al-Jazari ibn al-Athīr (1972), *Jāmi’ al-Uṣūl fi Ahādīth al-Rasūl*. No. hadith. 5844, Beirut: Dār al-Fikr, j. 8, h. 16.

⁸⁵ Ia adalah Abdullah bin al-Muqaffa’. Seorang penulis terkenal dalam bidang ilmu bahasa (balaghah). Pada mulanya beliau adalah seorang yang beragama Majusi dan setelah itu memeluk Islam melalui Isa bin ‘Ali, bapa saudara khalifah al-Mansur semasa pemerintahan Khalifah ‘Abbasiyah.

⁸⁶ Qāshim ‘Ashūr (2002), *Mā Qalla Wa Dalla*. Beirut: Dār Ibn Hazm, h. 248.

⁸⁷ Muhammad bin Isma’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Mā Yajūzu Min al-Shi’ri Wa al-Khidā, no. hadith. 5679. juz. 19. h. 116. Lihat juga Ibn al-Athīr (1972), *op.cit.*, no. hadith. 3217, juz. 5, h. 163.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنَ الشِّعْرِ حِكْمَةً.

Maksudnya: *Bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: Sesungguhnya diantara syair terdapat hikmah.*

Secara umumnya, syair berbentuk ungkapan yang ringkas dan singkat tetapi memiliki makna yang sesuai dan tepat. Berdasarkan perkara ini, ianya memperlihatkan kepada kita betapa eratnya hubungan antara hikmah dengan pilihan ungkapan. Salah satu ciri orang yang bijaksana juga ialah orang yang berfikir dahulu sebelum berkata-kata. Jika demikian halnya, perkataan yang akan keluar adalah perkataan yang bermakna dan mempunyai kebijaksanaan. Di antara dakwah dengan perkataan ialah:

a. Khutbah

Tidak diragukan lagi bahawa khutbah, sama ada khutbah Jumaat ataupun khutbah hari raya adalah merupakan bentuk program dakwah yang sangat berfaedah. Kerana ia adalah salah satu aktiviti yang menghubungkan pendakwah dengan ramai kaum muslimin.⁸⁸ Khutbah juga mempunyai kedudukan yang sangat istimewa dalam perjalanan dakwah Islam. Kerana ia dilakukan secara terus menerus dalam proses perubahan umat Islam. Oleh kerana itu, tidak berlebihan jika dikatakan bahawa khutbah adalah wasilah yang paling penting dalam dakwah Islamiah.

⁸⁸ Muhammad ‘Abd al-Qādir Abu Faris (1992), *Usūs Fi al-Da’wah Wa Wasāili Nashriḥa*, Jordan: Dār al-Furqān, h.109.

Secara khusus, khutbah Jumaat mempunyai kedudukan yang berbeza dengan khutbah-khutbah lainnya, kerana setiap hadirin atau jamaah yang melaksanakan solat Jumaat wajib mendengarkannya. Khutbah memiliki karakteristik yang berbeza dengan bentuk-bentuk program dakwah lain, antara lain:⁸⁹

1. Kaum muslimin yang mengikuti solat Jumaat memiliki kesedaran untuk mendengarkan khutbah Jumaat dan mereka mampu memberi perhatian dengan baik.
2. Kaum muslimin yang datang mengikuti solat Jumaat datang dari tempat dan status sosial yang berbeza. Dalam situasi ini, sangatlah sesuai bila kandungan dakwah disampaikan dalam masa yang lama.

Di samping kedua ciri tersebut, setiap jamaah yang datang untuk solat Jumaat telah bersiap sedia untuk mendengar khutbah. Telinga dan mata hati telah pun dibuka untuk mendengar untaian nasihat yang akan diberikan oleh khatib dalam kondisi dan suasana yang hening semasa naik ke atas mimbar. Suasana dan kondisi ini tentu berbeza dengan suasana majlis dan ceramah-ceramah lainnya.

Oleh itu, menjadi tuntutan bagi seorang khatib untuk kelihatan menarik di hadapan para pendengar serta menguasai mereka. Sang Khatib hendaklah datang lebih awal daripada jamaah salat Jumaat, ia juga harus menggunakan pakaian yang memberikan kesan kewibawaan dan memakai wewangian dan perfum.

⁸⁹ Sohirin M. Solihin (2008), *op.cit.*, h. 199.

Sebagai tambahan ia juga harus menyampaikan pesan dakwahnya dengan rendah hati, ringkas, dengan bahasa yang jelas dan mudah difahami.⁹⁰

Seorang khatib sepatutnya mengambil kesempatan yang baik ini dengan menggunakan kata-kata yang ringkas dan penuh makna. Perkara ini sepertimana sabda Nabi SAW:⁹¹

أَنَّهُ كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلْمَةٍ أَعْادَهَا ثَلَاثًا حَتَّىٰ تُفْهَمَ عَنْهُ وَإِذَا أَتَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلَاثًا.

Maksudnya: *Ialah Rasulullah SAW apabila berkata dengan sebuah perkataan, diulang-ulang hingga tiga kali supaya perkataanya boleh difahami. Dan apabila datang pada suatu kaum, Ia mengucapkan salam sebanyak tiga kali.*

Apabila bahasa yang ringkas dan ungkapan yang mudah difahami adalah ciri-ciri penarik dari sesebuah khutbah, maka bahasa yang tinggi dan ungkapan yang bercirikan falsafah akan membuat khutbah kehilangan daya tariknya. Begitu juga dengan masa yang digunakan terlalu panjang dalam sesi penyampaian khutbah. Islam melarang berlebih-lebihan dalam segala sesuatu, termasuklah dalam mengambil waktu semasa berkhutbah. Hal itu kerana matlamat teras daripada khutbah Jumaat adalah membimbang kaum muslimin dalam menghadapi cabaran dan isu-isu sosial semasa sesuai dengan panduan dan perspektif agama Islam.

⁹⁰. Secara lebih terperinci lihat Mansur Ubayd al-Rifa'i, *al-Mimbar wa Atharuhu fi Ittijāh al-Ra'y al-'Ām*. Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmi, h. 61.

⁹¹ Ṣahih Bukhāri no. 94 dan 95. Lihat juga Ibn Hajar al-Asqalāniy (1379), *op.cit.*, juz. 2, h. 188-189.

Maka isi kandungan dakwah hendaklah sesuai dan mengikuti isu-isu sosial kemasyarakatan semasa. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Jabir:⁹²

إِنَّ مَنْ أَحَبَّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبَكُمْ مَنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنَكُمْ أَخْلَاقًا وَإِنَّ
أَبْغَضَكُمْ إِلَيَّ وَأَبْعَدَكُمْ مَنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ وَالْمُتَفَهِّمُونَ.
قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ عَلِمْنَا الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ، فَمَا الْمَتَفَهِّمُونَ؟.

Maksunya: *Orang yang paling aku cintai dan paling dekat dengan Aku pada hari kiamat ialah yang paling sempurna akhlakmu. Manakala orang yang paling aku benci dan paling jauh dengan Aku pada hari kiamat ialah al-Tharharun wa al-Mutashaddiqun wa al-Mutafayhiqun.* Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, kami mengetahui al-Tharharun wa al-Mutashaddiqun, tetapi siapakah al-Mutafayhiqun itu?.

Ibn Athir menjelaskan bahawa yang disebut dengan *al-Tharthar* dalam hadis itu ialah orang yang banyak berucap dan terkeluar dari had kelaziman, manakala *al-Mutashaddiq* ialah orang yang suka berkata-kata (tempoh lama) dan sompong dengan apa yang diperkatakannya. Begitu juga *al-Mutafayhiq*, ia bermakna orang yang banyak cakap tanpa faedah dan merasa bahawa ucapannya sangat berwibawa dan sompong.⁹³

Oleh itu, apabila ingin berjaya dalam dakwah, seorang pendakwah hendaklah bercakap dengan bahasa yang mudah, menggunakan masa dengan cukup dan menghadkan percakapan sesuai dengan keperluan serta tidak sompong semasa bercakap.

⁹² Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, juz. 4, h. 6. Lihat juga Sunan al-Tirmidhi, no. hadith 1941 dan 2019.

⁹³ Ibnu al-Athīr, *op.cit.* h. 6-7.

b. Ceramah Agama

Ceramah ataupun kuliah agama adalah bahagian dari cara menyampaikan Islam dengan perkataan. Dalam bahasa Arab, ceramah juga disebut dengan *al-Muḥādarah*. Disebut demikian kerana biasanya seorang yang memberikan ceramah (*al-Muḥādir*) akan membincangkan suatu perkara di tengah orang ramai yang hadir dalam majlis itu.⁹⁴ Dalam istilah lain, ia juga disebut dengan *al-Tadhkīrah* ataupun *al-Mauizah al-Hasanah*. Disebut demikian kerana ia dilakukan dengan tujuan bukan untuk membincangkan satu masalah yang fundamental, tetapi dalam rangka untuk membuat satu kenyataan untuk mengingatkan kaum muslimin.

Dalam *Ensiklopedia Malaysiana* disebutkan bahawa ceramah merupakan satu proses sehala dari penceramah kepada orang ramai (jamaah) untuk memberikan informasi tertentu. Ia merupakan program yang sering dilaksanakan dalam latihan, kursus dan sebagainya.⁹⁵ Metode yang dilaksanakan dalam program ini ialah lebih banyak menggunakan syarahan atau penjelasan dari seorang tokoh yang pakar dalam masalah agama. Disampaikan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, diselitkan dengan cerita dan kisah-kisah lucu dan kisah-kisah pengajaran.

⁹⁴ Tawfiq Yūsuf al-Wa'iy (1995), *al-Da'wah Ila Allah; al-Risālah, al-Wasīlah, al-Hadīf*. Al-Mansūrah: Dār al-Yaqīn, h. 283.

⁹⁵ Hasan Hamzah *et.all.* (1995), *Ensiklopedia Malaysiana*. Shah Alam: Anzagain Sdn., Bhd., juz. 3, h. 239.

Secara amnya, ceramah agama ini biasanya dilakukan dengan membincangkan satu perkara yang sangat penting yang disampaikan oleh seorang pakar dalam bidang tertentu dan disampaikan dengan metode ilmiah yang betul dan bertanggung-jawab. Walaupun demikian, ia dilakukan dalam situasi yang menarik dan kondisi yang menyeronokkan. Dilaksanakan tidak kurang dari lima minit dan tidak lebih dari satu jam secara langsung di tengah jamaah.⁹⁶

Di antara perkara yang dilakukan oleh penceramah dalam menyampaikan kuliah agama ialah mendedahkan suatu perkara dengan terang dan jelas dengan menyampaikan semua aspek yang berkaitan dengan tajuk ceramah. Penceramah juga sepatutnya mampu membawa jamaah memahami mengapa tajuk yang tengah dibincangkan merupakan tajuk yang sangat penting. Oleh itu, ia harus menyampaikan bukti dan dalil-dalil secara baik tanpa melupakan pandangan dan pendapat orang lain. Penceramah juga perlu membuat satu kesimpulan dengan ungkapan dan intisari yang betul sebelum menyampaikan cadangan dan saranan dalam mencari solusi yang sesuai ke atas permasalahan yang sedang dibincangkan.

Kesemua perkara di atas perlu dilaksanakan kerana ceramah agama mempunyai matlamat yang sangat penting. Di antara matlamat yang hendak dicapai dalam pelaksanaan ceramah atau kuliah agama ialah:⁹⁷

⁹⁶ Muhammad Ziyād Ḥamdan (tt), *al-Muḥādarah al-Hadīthah; Mabādiḥa Wa Ṭatbiqātuhā al-Tarbiyyah*. (Riyadh: Dār al-Nasr Li al-Ṭibā’ah al-Islamiyyah, h. 21 dan 24).

⁹⁷ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Mahmūd (1993), *Fiqh al-Da’wah Ila Allah*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā, juz. 2, c. 4, h. 174.

1. Mendedahkan satu tajuk dan permasalahan yang mempunyai nilai kepentingan dalam kehidupan umat Islam.
2. Melakukan kajian dan analisis ke atas permasalahan yang wujud di tengah-tengah kehidupan, sama ada permasalahan ini berhubungkait dengan politik, sosial, budaya dan ilmu pengetahuan.
3. Menyampaikan satu penemuan dan inovasi moden yang boleh dimanfaatkan untuk dakwah dan amal dakwah. Untuk menambah tarikan dan faedah dari tajuk ceramah, ceramah boleh dilakukan dalam suasana terbuka dan dilaksanakan secara dialog dengan sasaran dakwah.

Program dakwah dalam bentuk ceramah ini biasanya dilaksanakan dalam program-program dakwah yang melibatkan orang ramai, khususnya dalam meraikan hari-hari kebesaran Islam seperti Tarhib Ramadhan, Isra' dan Mi'raj, Ma'al Hijrah, Maulidul Rasul dan sebagainya.⁹⁸ Di samping itu, ceramah juga digunakan dalam program dakwah tetap mingguan ataupun bulanan. Topik-topik yang dibincangkan dalam program dakwah ini adalah berkaitan dengan aspek kemasyarakatan, isu-isu semasa umat Islam, kekeluargaan dan sebagainya.

c. Seminar dan Diskusi Ilmiah

Seminar dan diskusi merupakan bentuk program moden yang wujud dalam kehidupan umat Islam kini. Pada awal permulaan Islam dan setelahnya, model program dakwah seumpama ini belum lagi dikenali dan ia lebih tertumpu kepada

⁹⁸ Abd. Kodir Sallah (1997), "Dakwah di Kalangan Kerajaan Kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur. Kajian Khusus Tentang Penglibatan dan Keberkesanannya". (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 175-176.

khutbah dan ceramah agama. Model program dakwah seumpama ini biasanya disampaikan oleh dua orang ataupun oleh sekumpulan panel dan diikuti oleh para audien yang ramai. Apabila diskusi dilakukan oleh dua orang, maka setiap seorang diberikan masa untuk menyampaikan pandangan, idea dan gagasan ke atas tajuk perbincangan secara bergantian. Selepas itu tiap-tiap pihak diberi keizinan untuk menolak atau mengkritik pendapat, di samping mengemukakan persoalan kepada pihak lain. Setelah kedua-dua pihak selesai memberikan pandangan masing-masing, para hadirin diberikan masa untuk menyampaikan pandangan mereka, sama ada bersetuju, menolak pandangan ataupun mengajukan persoalan.

Dan apabila dilakukan oleh sekumpulan panel, biasanya diketuai oleh seorang moderator yang akan memimpin perjalanan seminar. Untuk menjana sebuah seminar dan diskusi ilmiah yang berkualiti, ia boleh dilakukan secara bekerjasama dengan pihak universiti yang akan memperkenalkan seorang atau sekumpulan cendikiawan dalam mempromosikan satu projek dakwah.⁹⁹

Walaupun seminar ini merupakan program dakwah yang sangat berfaedah, tetapi tidak semua orang digalakkan untuk hadir ke dalam majlis ini. Kerana yang sepatutnya hadir pada majlis seumpama ini adalah orang-orang yang mempunyai kepakaran yang telahpun dipilih secara baik. Hal ini supaya mereka boleh mengikuti perjalanan majlis dan memahami pendapat yang dikemukakan oleh tiap-tiap kumpulan, bahkan supaya boleh memberikan satu

⁹⁹ Sohirin M. Solihin (2008), *op.cit.*, h.206-207.

penilaian yang baik ke atas pihak yang berbeza di dalam majlis. Oleh sebab itu, majlis seumpama ini tidak bersesuaian untuk orang awam yang tidak mempunyai kepakaran dan hubungkait dengan majlis ini kerana dikhuatiri tidak akan membawa faedah malah kemungkinan akan membawa kerosakan dalam majlis yang diadakan.¹⁰⁰

Kepentingan dan keberkesanan seminar ini tampak dari manfaat pemikiran yang diambil dari tokoh-tokoh yang pakar dalam berbagai bidang ilmu yang dijemput. Seminar ini dilaksanakan berdasarkan kepada kertas kerja yang ditulis terlebih dahulu dan kemudiannya diedarkan semasa acara seminar berlangsung. Kebiasaannya seminar dilakukan dalam jangka masa beberapa hari diantara satu hingga tujuh hari. Iaitu dengan membuka sesi pada tiap-tiap hari sesuai dengan jadual dan dihadkan kepada kertas kerja tertentu. Untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan seminar, pengumumannya boleh dilakukan pada awal bulan-bulan sebelum tarikh seminar dan diiklankan secara terbuka melalui surat atau media.¹⁰¹

Untuk mengetahui sejauhmana kualiti dan kuantiti seminar yang dianjurkan dan kepentingan tajuk yang dibawakan, boleh juga dilihat dari pihak yang menganjurkan. Seminar yang dianjurkan oleh kerajaan ataupun universiti biasanya mempunyai kepentingan dan keperluan yang tinggi berbanding seminar yang dianjurkan oleh masjid ataupun lembaga-lembaga di luar kerajaan.

¹⁰⁰ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Mahmūd (1993), *op.cit.*, h. 183.

¹⁰¹ Asnah Haji Omar (1996), *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18-20.

d. Bimbingan Usrah

Perkataan usrah berasal dari bahasa Arab, *Usrah* (أُسرة) yang bermaksud keluarga.¹⁰² Dalam istilah lain, program dakwah ini juga disebut dengan *Halaqah* (حَلَقَة). Program dakwah ini dapat ditakrifkan sebagai satu kumpulan yang mempunyai cita-cita untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mengaitkan diri dengan satu perkara untuk dikongsi bersama.¹⁰³

Manakala Abdul Wahab Zakaria mendefinisikan ia sebagai sekumpulan individu yang beriman kepada Allah SWT, bertolong-menolong dalam memahami dan menghayati Islam.¹⁰⁴

Memandang kepada definisi yang diberikan oleh para ulama dapatlah disimpulkan bahawa terdapat 3 unsur dalam usrah. Yang pertama ialah ahli usrah, yang kedua matlamat dan yang ketiga ialah *al-Manhaj*. Unsur yang pertama ialah ahli usrah, sama ada ia sebagai ahli biasa ataupun sebagai mentor (*Murabbi*). Manakala matlamat yang hendak dicapai ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui kajian dan penghayatan Islam secara bersama. Dan *al-Manhaj* yang digunakan ialah ajaran Islam yang sohib bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith.

¹⁰² İbrahim Muṣṭafa *et.all.* (t.t), *al-Mu'jam al-Wasiṭ*. Kaherah: Dār al-Da'wah, juz. 1, h. 17.

¹⁰³ Mahmudah Nawai (2004), "Keberkesanan Program Dakwah Tenaga Nasional Berhad Bangsar, Kuala Lumpur Di Kalangan Kakitangannya". (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 37.

¹⁰⁴ Abdul Wahab Zakaria (1992), *Konsep Kepemimpinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 158.

Oleh itu bimbingan usrah adalah merupakan salah satu program dakwah yang boleh digunakan dalam pelaksanaan dakwah, kerana ia adalah sebahagian dari salah satu metode *al-Tarbiyah* yang dilaksanakan Rasulullah SAW. Di antara matlamat yang utama dari bimbingan usrah ini ialah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan ahli mengenai ajaran Islam ke arah menentukan panduan dalam menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan.¹⁰⁵

Oleh karena itu, menurut hemat pengkaji semakin ramai remaja dan pemuda yang terlibat dalam program usrah, maka semakin ramailah umat Islam yang akan menjalankan dakwah dan memperjuangkan agama Islam di atas muka bumi.

2.4.2. Dakwah dengan Teladan yang Baik (*al-Qudwah al-Hasanah*)

Secara bahasa *al-Qudwah* bererti *al-Uswah* yang bermakna teladan atau contoh, dan apabila disifatkan dengan kata *al-Hasanah* akan membawa makna contoh atau teladan yang baik.¹⁰⁶ Hal ini kerana, seseorang boleh menjadi contoh atau teladan yang baik ataupun contoh dan teladan yang buruk. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadis:¹⁰⁷

¹⁰⁵ Sulaiman Ibrahim (1997), “Tarbiyah Dakwah Untuk Golongan Remaja: Satu Tinjauan Terhadap Manhaj al-Ikhwan al-Muslimun”. (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dakwah dan Perubahan Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia, 5-6 November 1997), h. 17.

¹⁰⁶ Ahmad Muṣṭafā al-Marāghi (1996), *Tafsīr al-Marāghi*. Semarang: CV. Toha Putra, h. 104.

¹⁰⁷ Ibnu al-Athīr (1971), *op.cit.*, no. hadith 4663, juz. 6, h. 457.

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هَا وَأَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفُصَ مِنْ أُوزَارِهِمْ شَيْءٌ.

Maksudnya: *Siapa sahaja yang mencipta satu sunnah yang baik dalam Islam, maka baginya satu pahala dan pahala sesiapa sahaja yang mengikutinya selepasnya tanpa mengurangi pahala mereka. Dan siapa sahaja yang mencipta satu sunnah yang jelek, maka baginya satu dosa dan dosa sesiapa sahaja yang mengikutinya selepasnya tanpa mengurangi pahala mereka.*

Yang dimaksud dakwah dengan teladan yang baik ialah setiap perilaku baik yang boleh membawa kepada kecintaan sasaran dakwah kepada Islam dan kebaikan serta meninggalkan kejahatan dan kekufuran. Teladan yang baik adalah tanda dan merupakan konsep Islam yang hidup dalam diri seorang pendakwah. Oleh kerana itu, para ulama sangat memberi perhatian yang besar terhadap keteladanan dakwah ini sebagai puncak kesejahteraan dakwah.

Mahmud al-Hudaybi menyatakan sebagaimana yang disebut oleh Jum'ah Amin, ia mengatakan bahawa tegakkanlah daulah Islam dalam hatimu, maka ia akan tertegak diatas muka bumi.¹⁰⁸ Hal ini membawa maksud bahawa jika ingin menyebarkan agama Islam diatas muka bumi maka tegakkanlah terlebih dahulu nilai-nilai Islam dalam diri dan kehidupan.

Rasulullah SAW adalah orang yang pertama menjalankan dan mempraktikkan agama Islam dalam hidupnya sebelum ia berdakwah dan menyebarkan agama Islam sehingga ia menjadi agama yang besar. Semua

¹⁰⁸ Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz (1977), *Al-Da'wah; Qawāid Wa Uṣūl*. Iskandaria: Maktabah al-Iskandariya, h. 109.

perkara ini membuktikan bahawa keteladanan akan membawa kesan yang besar dalam perjalanan dan kejayaan dakwah. Keteladanan dan ketaatan Rasulullah SAW ini diteruskan dan diikuti oleh para sahabat dalam menyebarkan Islam.¹⁰⁹

Diriwayatkan oleh Imam Bukhari bahawa Abi bin Abi Rabiat berkata:
Saya melihat Umar bin Khattab sedang mencium Hajar Aswad seraya berkata: “Ketahuilah bahawa engkau adalah batu yang tidak memberi faedah dan mendatangkan malapetaka. Kalaulah seandainya aku tidak melihat Rasulullah SAW menciummu, nescaya aku tidak akan menciummu.

Sebagai pewaris nabi dan individu yang membawa misi penyampaian agama Islam kepada manusia, seorang pendakwah wajib meneladani Rasulullah SAW dalam pembinaan *sahsiah* dan akhlak yang baik. Perkara tersebut adalah kerana dakwah Islam bukan setakat melalui perkataan, tetapi yang lebih penting adalah contoh teladan terhadap penghayatan agama yang benar dan mulia.

Dakwah dengan cara ini akan membawa dua kebaikan, sama ada untuk diri tuannya mahupun untuk sasaran dakwah. Faedah pada diri tuannya ialah kerana perbuatan baik yang dilakukan akan mendatangkan pahala dan ganjaran. Manakala untuk sasaran dakwah ialah mereka boleh mengamalkan Islam dengan kesedaran yang tinggi tanpa ada sebarang paksaan, atau paling kurang mereka boleh memahami bahawa Islam adalah agama yang luhur dan mulia untuk diikuti.¹¹⁰

¹⁰⁹ Faizah, *et.all.* (2009), *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h193-194.

¹¹⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *op.cit.*,h. 165-166.

Walaupun dakwah dengan keteladanan ini sangat berfaedah dan istimewa, tetapi ia mempunyai aspek-aspek negatif. ‘Ali Abdul Halim Mahmud menyebutkan tiga perkara yang menjadi kelemahan dakwah dari sudut keteladanan ini, iaitu:¹¹¹

1. Wujudnya rasa kebanggaan dalam diri pendakwah atas kebaikan dan keteladanan yang dilaksanakannya.
2. Dakwah dengan keteladanan ini boleh menyebabkan kelemahan pada sasaran dakwah. Hal itu kerana, sasaran dakwah diikat dan dilunakkan dengan tubuh peribadi bukan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenarnya. Jika demikian, apabila terjadi kesalahan dalam tubuh peribadi seorang pendakwah, ia akan membawa rasa kecewa dalam diri sasaran dakwah.
3. Bersifat munafik dalam diri seorang pendakwah. Hal itu kerana ia merasa menjadi ikutan dan teladan, lalu ia melakukan perkara yang tidak pada hakikatnya dalam hati dan diri pendakwah.

Menurut hemat pengkaji, meskipun ia mempunyai kekurangan sebagaimana kelebihan yang ada jenis program dakwah ini perlu dilaksanakan ke arah memberi peluang dan kesempatan kepada sasaran untuk lebih dekat dan mencintai serta menghayati agama Islam.

¹¹¹ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1993), *op.cit.*, h. 236.

a. Nilai Moral dan Etika

Dakwah dari perspektif yang sebenar adalah bukan setakat melalui ucapan, tetapi yang lebih penting adalah melalui perbuatan dan amalan yang dilakukan oleh seseorang. Perbuatan dan amalan itu merupakan contoh teladan terhadap penghayatan agama yang bersifat mulia dan benar. Sebagai orang yang membawa misi dan amanah kenabian, seorang pendakwah berkewajipan untuk meneladani Rasulullah SAW dalam berdakwah. Hal itu kerana amalan dan akhlak seorang pendakwah adalah merupakan cerminan kepada dakwahnya.¹¹² Mereka adalah contoh dan teladan dalam kata-kata dan amalan. Sikap dan *sahsiah* pendakwah sangat berkesan dalam kejayaan dakwah dan penyebaran risalah Islam.

Nabi Muhammad SAW menyebarkan dakwah dan mengharungi liku-liku perjalanan dakwah dengan menggunakan senjata akhlak, sebelum menggunakan senjata peralatan perang. Kalauolah bukan kerana kemuliaan dan keagungan akhlak Rasulullah SAW, hasil dan kesan dari dakwah Baginda tidak diterima seramai itu. Kerana contoh teladan yang baik, sasaran dakwah akan lebih senang melihat dan mengikuti ajaran agama.

Banyak dari keterangan dan penjelasan yang menyatakan bahawa orang bukan Islam memeluk dan memasuki Islam kerana kepuasan hati dan pengetahuan mereka tentang akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

¹¹² Luluk Asmawati (2008), *Dasar-dasar Pendidikan Anak Usia Dini Secara Islami*. Jakarta: Penerbit STIT INSIDA, h. 174.

Oleh itu, contoh dan teladan yang baik, yang ditunjukkan oleh seorang pendakwah adalah salah satu *uslub* yang paling berkesan dan berjaya dalam menjalin hubungan sesama manusia.

Oleh itu, akhlak dan etika yang mulia merupakan suatu perkara yang mutlak bagi seorang pendakwah. Ketika seorang pendakwah memulakan aktiviti dakwahnya, pada masa itu juga dia menjadi kepunyaan masyarakat yang akan dicontohi dan diikuti amalannya. Ia tidak boleh berlaku sekehendak dirinya tanpa memikirkan kesan yang akan wujud dari amalannya dalam kehidupan sasaran dakwah. Dakwah dengan teladan yang baik ini bererti membawakan intipati dan isi kandungan Islam.

Al-Qahtani sebagaimana yang disebutkan oleh Ab. Aziz Mohd. Zin menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan akhlak dan nilai moral itu ialah kandungan Islam itu sendiri. Di antara akhlak mulia yang dimaksudkan ialah menepati janji, amanah, rajin, azam yang kuat, berani, berdisiplin, sabar, suka menolong, bersyukur, lemah lembut, sukakan kebenaran, pengampun, mulia hati, benar, adil, menjaga tutur kata dan sifat kasih sayang.¹¹³

Matlamat akhir dari keteladanan akhlak dan etika moral ini ialah adanya kesesuaian dan keselarasan antara yang diperkatakan dengan apa yang diamalkan dalam kehidupan. Hal sedemikian sesuai dengan firman Allah SWT dalam al-Quran:

¹¹³ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Metodologi Dakwah*. h. 165.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ ﴿٢﴾ كَبُرُ مَقْتاً

عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!. Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.*

Surah al-Saf (61): 2-3

Hubungkait antara pendakwah dan sasaran pada masa ini bagaikan ruh dan jasad. Oleh itu pemahaman dan penghayatan Islam tidak boleh dipisahkan dengan akhlak, kerana pengamalan akhlak yang baik adalah cerminan dari penghayatan Islam yang baik.¹¹⁴ Apabila sasaran melihat sifat yang tidak konsisten dalam diri pendakwah, maka mereka akan menjadikan perkara ini sebagai alasan untuk tidak menerima ajakan dan seruan dakwahnya.

Dari pemahaman tersebut maka dapat disimpulkan bahawa ajaran Islam yang agung memerlukan individu yang memberikan teladan yang baik. Ajaran yang agung sahaja tidak cukup, tetapi perlu kepada individu yang memberikan teladan dan contoh yang hidup dari pengamalan ajaran yang agung itu. Rasulullah SAW mentakrifkan bahawa amalan yang paling berat timbangannya ialah akhlak yang baik. Sabda Rasulullah SAW:¹¹⁵

ما مِنْ شَيْءٍ أَثْقَلَ فِي الْمِيزَانِ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ.

Maksunya: *Tidak ada amalan yang lebih berat dalam timbangan mizan daripada akhlak yang baik.*

¹¹⁴ Rahmat Abdullah (2008), *Warisan Sang Murabbi; Pilar-Pilar Asasi Tarbawi*. Jakarta: Tarbawi Press, cet. 2, h. 171.

¹¹⁵ Ibn al-Athīr (1970), *op.cit.*, no. hadith 1977, juz. 4, h. 5. Lihat juga Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (1410), *Sha'b al-Imān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. no. hadith 8003, juz. 6. 238.

b. Sikap dan Gaya Hidup

Secara umumnya, ada dua perkara yang sentiasa dicari dan didambakan oleh manusia dalam kehidupan ini. Perkara pertama ialah kebajikan (*al-Khair*) dan yang kedua adalah kebahagiaan hidup (*al-Sa'ādah*). Kedua-dua perkara inilah yang sentiasa dicari, diperjuangkan dan dibela sehingga ia dapat dinikmati dalam kehidupan seharian.

Akan tetapi, untuk mencapai dua perkara di atas, manusia mempunyai pandangan dan cara yang berbeza-beza. Perbezaan inilah yang menjadi punca wujudnya beraneka gaya hidup dan cara berfikir manusia dalam dunia ini. Dalam pandangan Islam, persoalan sikap, cara berfikir dan gaya hidup merupakan perkara asas dan sangat penting. Hal ini kerana sikap, cara berfikir dan gaya hidup adalah berkait rapat dengan persoalan keimanan dan tauhid kepada Allah SWT.

Oleh itu, dalam pandangan Islam ada dua konsep dalam perkara ini. Konsep yang pertama ialah konsep Islami dan yang kedua ialah konsep Jahili. Konsep Islami yang berkaitan dengan sikap, cara berfikir dan gaya hidup yang mempunyai landasan dan panduan yang kuat dalam Islam. Manakala konsep Jahili adalah konsep yang tidak mempunyai landasan logik yang kuat, khayalan dan terhad pada keseronokan dan kekafiran. Setiap Muslim sudah menjadi keharusan baginya untuk memilih gaya hidup Islami dalam menjalani kehidupannya.

Dalam perkara ini Allah berfirman:

ص
قُلْ هَنِّي سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَّا وَمَنِ اتَّبَعَنِي
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari Segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan Yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain.*

Surah Yusuf (12): 108

Manakala dalam hubung kaitnya dengan orang yang mempunyai gaya hidup jahiliah, Allah SWT berfirman:

ذَرْهُمْ يَأْكُلُوا وَيَتَمَتَّعُوا وَيُلْهِمُ الْأَمَلُ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Biarkanlah mereka makan dan bersenang-lenang dengan kemewahan dunia dan dilalaikan oleh angan-angan (daripada bertaubat dan insaf); kemudian mereka akan mengetahui kelak (bencana perbuatan mereka).*

Surah al-Hijr (15): 3

Oleh kerana itu para pendakwah haruslah menjadi orang pertama melaksanakan Islam dalam hal ini. Sikap dan gaya hidup mestilah mengikuti panduan dan teladan Rasulullah SAW. Meskipun seorang pemimpin, ia meski rendah hati, tawaduk dan sederhana, sama ada dalam aspek ucapan, sikap dan gaya hidup sehari-hari.

c. Berpakaian dan Tempat Tinggal

Rumahtangga seorang pendakwah pada hakikatnya merupakan cerminan keperibadian tentang sejauhmana ajaran Islam dilaksanakan oleh pendakwah. Apabila rumahtangga dan keluarganya baik dan berakhhlak dengan akhlak Islam, pendakwah tersebut boleh dianggap orang yang baik dan beramal dengan Islam. Namun, apabila tempat tinggal dan rumahtangganya diliputi permasalahan, kemungkaran dan dosa, maka pendakwah tersebut dianggap gagal dalam dakwahnya.¹¹⁶

Oleh itu, seorang pendakwah hendaklah menjaga dan menghiasi rumah-tangganya dengan nilai dan ajaran Islam yang baik. Hal itu kerana Islam bagaikan satu bangunan kukuh. Keluarga bukan saja sebagai sendi terpenting dalam bangunan tersebut, tetapi juga menjadi unsur pokok bagi kewujudan umat Islam secara keseluruhan. Oleh sebab itu, agama Islam memberikan perhatian khusus tentang pembentukan sebuah keluarga. Perhatian istimewa terhadap pembentukan usrah tersebut tercermin dalam beberapa hal, iaitu:

Pertama, Al-Qur'an menjelaskan secara terperinci tentang pembinaan keluarga. Ayat-ayat yang menyatakan tentang pembinaan keluarga termasuk antara yang paling banyak jumlahnya jika dibandingkan dengan ayat-ayat yang menjelaskan tentang perkara lain. Al-Qur'an menjelaskan tentang keutamaan berkahwin, perintah untuk berkahwin, pergaulan suami isteri, menyusukan anak,

¹¹⁶ Rahmat Abdullah (2008), *op.cit.*, h. 297-298.

dan cara mendidik keluarga untuk mencapai keredaan Allah SWT dan sebagainya.

Kedua, dalam al-Sunnah disebutkan secara lengkap mengenai pembentukan keluarga (*Takwīn al-Usrah*) yang berdiri di atas asas takwa, mawaddah dan solehah. Iaitu dengan cara memilih calon pasangan yang soleh atau solehah. Kemudian dengan menekankan proses mengenali pasangan dan khitbah secara Islami, dengan tetap menjunjung tinggi adab, kesopanan, budi bahasa dan kesederhanaan.

Rumah tangga dan anak-anak pendakwah adalah cerminan dan teladan masyarakat. Apa yang berlaku dalam rumah tangga pendakwah akan menjadi contoh dan ikutan masyarakat. Kebaikan yang ada dalam rumah tangga itu akan dikenang dan berkesan, manakala keburukan yang berlaku dalam rumah tangga pendakwah adalah petanda kegagalan aktiviti dakwah.

d. Pendidikan Anak

Al-Qur'an merupakan sumber pendidikan dan ilmu pengetahuan yang memberikan panduan dan pedoman kepada manusia. Kitab al-Qur'an dengan ajaran-ajaran yang dibawanya membawa satu pemahaman yang baru mengenai pendidikan dan berusaha mengajak para ilmuwan untuk sentiasa menggali maksud isi kandungannya agar manusia lebih dekat kepada-Nya. Dalam masalah pendidikan, al-Qur'an mempunyai perhatian yang sangat dalam dan terperinci.

Hal itu dapat dilihat dari ayat-ayat yang bercerita mengenai kepentingan pendidikan dan pembentukan peribadi Islamiah.¹¹⁷

Nabi Muhammad SAW juga dipandang sebagai manusia yang berjaya dalam mendidik dan membina masyarakat pada masa itu. Satu masyarakat yang sebelumnya jahil, tidak beradab dan suka bermusuh-musuhan, bertukar menjadi satu masyarakat yang berbudi pekerti tinggi dan berakhlak mulia. Rasulullah SAW dengan risalah yang mulia ini juga telah mengubah masyarakat pada ketika itu menjadi bangsa yang berbudaya, bertamaddun, berhemah tinggi, bermoral serta mencintai ilmu pengetahuan. Melalui ajaran yang terkandung di dalam al-Quran, Rasulullah SAW telah menunjukkan jalan yang lurus bagi mencapai kebahagiaan kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُّلَ السَّلَمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ
الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ


Maksudnya: Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.

Surah al-Taubah (9): 16

Menurut Muhammad Natsir, pendidikan adalah suatu pimpinan jasmani dan rohani ke arah menyempurnakan kelengkapan manusia dengan erti yang sebenarnya.¹¹⁸ Endang Saefuddin Anshari memberi pengertian secara lebih

¹¹⁷ Luluk Asmawati (2008), *op.cit.*, h. 158-159.

¹¹⁸ Muhammad Natsir (1954), *Kapita Selekta*. Bandung: Gravenhage, h. 87.

terperinci dan teknikal, pendidikan Islam sebagai proses bimbingan, sama ada berbentuk bimbingan dan cadangan yang dilakukan oleh pendidik terhadap perkembangan jiwa raga, fikiran, perasaan dan kemahuan anak didik dengan bahan-bahan materi tertentu, pada jangka waktu tertentu, dengan metode tertentu dan dengan alat kelengkapan yang ada ke arah terciptanya peribadi tertentu disertai ulangkaji sesuai ajaran Islam.¹¹⁹

Manakala Yusuf al-Qardhawi memandang sebagaimana disebut oleh Azyumardi Azra bahawa pendidikan Islam iaitu pendidikan yang mencakupi aspek manusia sempurna, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan keterampilannya. Kerana pendidikan Islam mempersiapkan manusia untuk menghadapi kehidupan dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi masyarakat dengan segala kebaikan dan kejahatannya, manis dan pahitnya.¹²⁰ Dengan demikian, pendidikan Islam adalah suatu proses pembentukan individu berdasarkan ajaran-ajaran Islam yang diwahyukan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW.

Untuk itu seorang pendakwah hendaklah memberi teladan yang baik dalam mendidik dan mengajarkan anak-anak mereka dengan ajaran Islam.¹²¹ Di antara aspek-aspek yang mesti ditanamkan kepada anak-anak ialah:

¹¹⁹ Endang Saefuddin Ansari (1976), *Pokok-Pokok Pikiran tentang Islam*. Jakarta: Usaha Enterprise, h. 85

¹²⁰ Azyumardi Azra (1198), *Pendidikan Islam; Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baru*. Jakarta: Logos, Wacana Ilmu, h. 5.

¹²¹ Zakiah Darajat (2001), *Kesehatan Mental*. Jakarta: Gunung Agung, h. 127.

Pertama: Rajin Beribadah dan Beramal. Amal ibadah dan kebaikan yang dilakukan oleh ibubapa akan memberi kesan dalam proses membina keperibadian seorang anak. Amal ibadah yang ikhlas akan membolehkan kesan maknawi yang sangat kuat di pihak orang tua terhadap anak-anaknya. Dengan kesan maknawiyah yang kuat ini, ibu bapa boleh mendidik anak-anak dengan sifat hormat, patuh dan berbudi bahasa. Rasa hormat dan keteladanan yang baik ini boleh menentukan kejayaan dalam mendidik anak-anak, di samping mampu memelihara kestabilan rumah tangga.¹²²

Di samping faedah yang besar tersebut, ibadah yang dilakukan oleh seorang hamba juga boleh memberikan kesan kepada keperibadiannya, antara lain mempertingkatkan keimanan kepada Allah SWT yang pada fitrahnya akan meningkatkan ketenteraman jiwanya. Ibadah juga boleh mempertingkatkan kepercayaannya dan keteguhan dirinya yang hanya akan takut kepada Allah SWT sahaja.

Sebaliknya, orang tua yang sentiasa berbuat maksiat, apalagi dosa-dosa besar misalnya berzina, minum minuman keras sehingga mabuk dan hilang kawalan akan memberi kesan yang tidak baik terhadap anak. Seorang anak akan kehilangan potensi hati nurani sebagai pengendali dirinya dalam mengatasi cabaran kehidupan.

¹²² Luluk Asmawati (2008), *op.cit.*, h. 146.

Kedua: Bergaul dengan Jiran. Sebagai ahli dalam masyarakat, manusia tidak mungkin hidup tanpa kumpulan manusia lain. Gambaran bagi situasi tersebut ialah hidup berjiran yang mengundang banyak hal-hal positif dan negatif. Dengan kehidupan secara berkelompok, mereka mampu bergotong-royong dan menyelesaikan masalah-masalah yang bersangkut dengan kepentingan umum atau pekerjaan yang besar dan berat, bekerjasama mengupayakan keperluan hidup, mengusir musuh yang mengancam dan sebagainya.

Dalam hubungannya dengan pendidikan anak-anak, pendakwah dapat memberikan teladan dalam aspek berikut ini, antara lain¹²³:

1. Ibu bapa yang sentiasa berakhhlak baik dengan jiran tetangga, sentiasa menyambung silaturahim, dan saling memberi dan menerima kebaikan.
2. Akhlak tersebut akan membina hubungan yang lebih akrab antara orang tua dengan anak dan antara rumah tangga yang satu dengan lainnya.
3. Dari hubungan seperti itu, secara psikologinya akan timbul rasa aman, dan bagi pihak anak-anak sendiri akan turut merasakannya, baik di dalam maupun di luar rumah tangga.
4. Orang tua yang berakhhlak mulia seperti itu di samping mampu memberi teladan yang baik, anak-anaknya juga akan tertarik untuk menirunya.

Ketiga: Benar dan Menepati Janji. Orang tua haruslah secara ikhlas memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang sentiasa benar dan menepati janji,

¹²³ J. Abdullah (1997), *Memilih Dongeng Islami Pada Anak*. Jakarta: PT. Amanah, h. 2.

baik di dalam maupun di luar rumah tangga.¹²⁴ Di dalam rumah tangga ia meski bersikap benar dan menepati janji antara sesamanya juga dengan anak-anaknya. Ia tidak boleh menganggap bahawa anaknya, meskipun masih kecil dan belum mengetahui apa-apa, boleh sahaja dibohongi.

Maka janji-janji kepada anak harus ditepati, lebih-lebih lagi kerana sifat-sifat itu akan dijadikan sebagai contoh dalam diri. Oleh itu, orang tua sepatutnya memberi contoh yang baik serta menampilkannya dalam perbuatan yang nyata. Sebaliknya orang tua yang senang berdusta serta tidak menepati janji, sebenarnya dia tidak mengharapkan dari anaknya kecuali sifat yang sama seperti yang dimilikinya.

Keempat: Suka Menolong. Manusia pada hakikatnya suka menolong kerana sebagai individu dalam sesebuah masyarakat, ia sendiri pada satu-satu masa memerlukan pertolongan. Sementara itu, ada orang yang suka menolong kerana mengharapkan sesuatu dari mereka yang ditolongnya. Sebaliknya, ada pula orang yang memberikan pertolongan secara ikhlas, hanya dengan mengharapkan keredaan Allah. Dalam rangka mendidik anak, menolong dengan ciri individu yang kedua tersebut adalah yang paling bermakna dan akan menanamkan kesan yang sangat positif dalam jiwanya.

Saling tolong-menolong dalam perkara-perkara yang terpuji sangat dianjurkan oleh Islam, terutamanya sesama ahli keluarga dalam rumah tangganya,

¹²⁴ Abdul Fattah Abu Ghuddah (2009), *40 Metode Pendidikan dan Pengajaran Rasulullah SAW*. Bandung: Irsyad Baitus Salam, h. 156.

termasuk menolong anak melalui kegiatan pendidikan. Dalam konsep keteladanan bahawa dengan sikap suka menolong itu, pihak orang tua telah membina lingkungan yang baik bagi anaknya. Dan dari sudut psikologi, sikap seperti itu akan membina ketenangan jiwa yang terpancar dalam tingkah laku orang tua sehari-hari. Suasana ini akan membuat anak itu turut merasakan ketenangan serta seronok untuk tinggal di rumah dan tertarik meneladani orang tuanya.

Kelima: Cintakan Ilmu. Di dalam kegiatan belajar, setiap anak memerlukan motivasi dan kondisi yang menyokong. Belajar atas dasar hanya kerana disuruh atau diperintah, dikhuatiri hasilnya nanti tidak akan memuaskan. Anak amat memerlukan motivasi dan kondisi tersebut.¹²⁵ Jika orang tua tidak berkesempatan atau tidak mampu untuk membaca, ia harus memperlihatkan dirinya dihadapan anak sebagai seorang yang amat senang akan ilmu.

Orang tua yang mengharapkan agar berhasil mendidik anaknya dituntut untuk memperlihatkan kegemarannya akan ilmu terlebih dahulu. Cara-cara berikut dapat membantu memotivasi anak-anak untuk belajar:

1. Melengkapkan buku-buku dan alat-alat tulis anak.
2. Menyediakan bilik belajar yang baik, meja, kerusi dan lampu yang memadai.
3. bertanyakan tentang kegiatan belajar anak sehingga ia merasa diperhatikan.

¹²⁵ Abu Bakar Baraja (2006), *Mendidik Anak Dengan Teladan*. Jakarta: Studi Press, h. 41.

4. Memberikan perhatian yang besar, walaupun sebentar kepada anak pada saat ia sedang belajar.
5. Menceritakan tentang para ilmuwan, ulama, pemimpin atau pejuang terkemuka yang berhasil dan dikenali sebagai orang yang berilmu.

Perkara-perkara yang dijelaskan diatas dipandang sebagai satu perkara yang sangat penting, hal itu kerana anak adalah amanah Allah yang mesti dididik, dibina dan dibangunkan semua potensi baiknya. Terlebih lagi sebagai seorang pendakwah yang menjadi contoh dan teladan masyarakat yang akan memberikan kesan kepada keberjayaan dakwah Islamiah.

2.4.3. Dakwah dengan Amal

Apabila dicermati dengan mendalam. Sesungguhnya kata kunci atas semua usaha manusia dalam hidup mereka adalah terletak pada kata perubahan (*al-Taghyir*).¹²⁶ Rahmat Abdullah menjelaskan secara lebih terperinci perubahan yang dimaksud menjadi tiga bahagian, iaitu perubahan dalam aspek maklumat, pemakanan dan keperluan hati atau ruhiyah. Sebagai cara agar manusia tetap wujud dalam kehidupan yang harmoni dan penuh dengan kebahagiaan, manusia hendaknya melaksanakan dakwah dengan amal. Sebab hanya dengan tertegaknya dakwah sahajalah, kehidupan akan tetap terpelihara dan sentosa.

¹²⁶ Rahmat Abdullah (2008), *op.cit.*, h. 39.

Di antara dakwah-dakwah tersebut ialah dakwah dalam usaha amar makruf nahi munkar dan berkongsi dalam amal jamaah yang mendatangkan faedah yang baik kepada manusia.

a. Usaha Amar Makruf dan Nahi Munkar

Usaha amar makruf dan nahi munkar adalah sebahagian dari bentuk program dakwah yang sangat penting. Hal itu kerana secara umumnya agama Islam mengandungi dua perkara yang sangat prinsip, lebih-lebih lagi berkaitan dengan ilmu feqah. Dua perkara itu ialah perkara suruhan dan selanjutnya perkara larangan. Kerana itu apa juga perkara yang sepatutnya dilaksanakan oleh umat Islam, ia mesti didakwahkan dan diajarkan kepada orang ramai.

Dan apa juga perkara yang menjadi larangan, ia patut dicegah, ditinggalkan, dan dilarang untuk dilaksanakan oleh orang Islam. Kesemua perkara di atas perlulah dilaksanakan kerana adanya kemaslahatan dalam suruhan dan larangan tersebut. Umat Islam juga perlu difahamkan dengan kefahaman bahawa apa-apa yang disuruh oleh Allah SWT untuk dilaksanakan, pastinya akan mendatangkan kemaslahatan dan mendatangkan keburukan apabila dilanggarnya.¹²⁷ Semua perkara yang dilarang akan membawa kepada keburukan apabila dilaksanakan, dan sebaliknya akan mendatangkan kemaslahatan apabila ditinggalkan.

¹²⁷ Bassām al-‘Amush (2005), *op.cit.*, h. 159-160.

Agama Islam yang telah berkembang dan sampai kepada generasi sekarang juga adalah kerana tertegaknya amar makruf dan nahi munkar dalam kehidupan. Amar makruf dan nahi munkar adalah merupakan akhlak dan keutamaan dalam Islam. Manakala orang-orang yang memberi komitmen dengan Islam, mereka mempunyai kewibawaan, kehormatan dan maruah dalam memperjuangkan Islam. Mengapa kewibawaan, kekuatan dan kehormatan penting dalam menjalankan ajaran Islam.

Tidak diragukan lagi bahawa Islam mengajarkan kepada pengikutnya untuk berdakwah dan melaksanakan ajaran Islam dengan baik. Dalam aktiviti dan pelaksanaan dakwah, seorang muslim akan menemui permasalahan, dugaan dan cabaran, sama ada yang datang dari faktor dalaman umat Islam ataupun orang-orang bukan Islam yang tidak suka dengan agama Islam. Lalu bagaimana Islam akan menjadi guru di atas dunia ini, apabila kaum muslimin dalam kondisi yang lemah dan tidak berdaya menegakkan amar makruf dan nahi munkar?. Bagaimana mungkin syariat dan undang-undang Islam - yang boleh memayungi semua manusia sama ada ia muslim atau bukan muslim- dapat dilaksanakan dengan baik, melainkan ia dilaksanakan oleh pemerintahan yang kuat dan kukuh.

Oleh itu, Islam menuntut kepada penganutnya untuk memiliki kekuatan, kehormatan dan maruah sehingga membolehkan untuk menegakkan amar makruf dan nahi munkar. Hal itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

كُنْتُمْ حَيْرَ أُمَّةٍ أَخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ... ﴿١١﴾

Maksudnya: *Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*

Surah Ali Imran (3): 110

‘Ali Abdul Halim Mahmud menyebutkan bahawa ayat di atas mengandungi beberapa landasan dasar dalam dakwah, iaitu keunggulan dan keutamaan sesuatu kaum atau bangsa tidak wujud kerana suku kabilah, bahasa dan warna kulit, tetapi umat tersebut mempunyai sifat-sifat yang agung. Sifat-sifat itu ialah: Iman kepada Allah SWT, amar makruf dan nahi munkar.¹²⁸

Walaupun amar makruf dan nahi munkar ini mempunyai keutamaan dan kepentingannya yang besar, Islam memberikan panduan dan pedoman dalam melaksanakannya. Di antara panduan tersebut ialah bahawa matlamat usaha ini adalah untuk memperbaiki, bukan dengan maksud atau matlamat yang lain, atau juga tidak dilakukan dengan cara paksaan dan kekerasan. Selanjutnya usaha untuk mencegah kemunkaran ini mestilah tidak mendatangkan kemunkaran yang lebih besar. Hal ini adalah kerana matlamat dari nahi munkar itu sendiri adalah menghilangkan kemunkaran dan sudah semestinya dilakukan dengan cara dan kaedah yang lembut dan menyejukkan.¹²⁹

¹²⁸ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1993), *op.cit.*, h. 134.

¹²⁹ Untuk penjelasan lebih lengkap dan terperinci, sila lihat dalam Abu Ḥamīd al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā Ulūm al-Dīn*. Syria: Maktabah al-Halb, juz. 2, h. 269. Juga Bassām al-‘Amush (2005), *op.cit.*, h. 159-165.

b. Berkongsi dalam Amal Jama'i atau Organisasi

Kebiasaannya kelompok atau kumpulan yang berkongsi dalam sebuah ‘*amal jama'i* ini disebut dengan jamaah, lembaga, organisasi ataupun *foundation*. Untuk itu dapatlah disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan amal jamai ialah satu kumpulan manusia yang mempunyai satu matlamat dan berjalan di atas satu format dan kerangka kerja. Sesebuah jamaah, lembaga atau organisasi, walaupun mempunyai ciri yang berbeza, tetapi secara umum, ia berjalan di atas matlamat yang sama, iaitu berkongsi dan saling menolong untuk mencari keredaan Allah SWT.

Kehidupan berjamaah seperti situasi di atas, prinsip kerjasama dan tololng menolong adalah perkara yang amat terpuji dan sangat dituntut oleh Islam. Manakala yang dilarang oleh Islam ialah apabila terdapatnya jamaah yang mewujudkan perpecahan dan pertikaian di kalangan umat Islam.¹³⁰ Perkara ini sesuai dengan firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ ۝ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوِّنِ ۝
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).*

Surah al-Madiah (5): 2

¹³⁰ Muhammad Surūr bin Nayyif Zayn (t.t), *Manhāj al-Anbiya fi al-Da'wah ila Allāh*. (tanpa tempat): Dār al-Arqām, h. 168.

Oleh itu, para pendakwah sepatutnya berada dalam jamaah dengan sentiasa menjaga adab berjamaah, melaksanakan program dan aktiviti yang bermanfaat. Para pendakwah juga sepatutnya memulakan penubuhan organisasi-organisasi ini dari kecil yang boleh mencukupi keperluan individu dan keluarga dalam jamaah itu, kemudian dengan berjalannya masa ia akan menjadi organisasi yang besar yang akan mendatangkan manfaat bagi masyarakat dan mendapat kedudukan yang istimewa di hati masyarakat.

Perkara ini menunjukkan bahawa para pendakwah hendaklah melakukan perencanaan dakwah dengan baik, bersabar dengan perancangan yang telah ditetapkan, ikhlas menjalankan program dakwah untuk kemajuan Islam. Di samping itu pendakwah mestilah mempunyai kelapangan dan keikhlasan dalam melewati cabaran, rintangan dan masalah-masalah yang akan timbul dalam perjalanan dakwah.

Jika musuh-musuh Islam telah membina dan menubuhkan berbagai institusi dan pertubuhan untuk merosak aqidah ummah Islam dan kekuatan islam, maka sebagai individu yang mempunyai keajiban membina dan membangunkan ummah Islam hendaknya menggunakan cara yang boleh menghadang dan melawan musuh-musuh Islam. Oleh itu, pendakwah akan merasakan satu kesatuan tubuh manakala berada dalam barisan sebuah organisasi dakwah.

2.5.Penutup

Dari pendedahan di atas dapatlah disimplkan bahawa dakwah ialah merupakan kewajiban keatas ummah Islam dengan tujuan mencapai keberkahan Allah SWT. Usaha ini hendaklah dilakukan dengan bersama-sama ada secara individu ataupun melalui organisasi dengan mengadakan dan mencetuskan berbagai-bagi macam jenis program dan aktiviti kearah kehidupan yang maju, sentosa dan mendapat cucuran kasih sayang dan keberkahan.

Sebagai ahli agama, pendakwah hendaklah menggunakan berbagai cara dan metode dalam berdakwah. Perkara ini supaya sasaran dakwah benar-benar tertarik dan terkesan dengan Islam. Di samping itu, adanya keikhlasan, kerja keras, disiplin dan keteladanan pendakwah menjadi kunci keberjayaan dakwah di masa hadapan.

BAB TIGA
SEJARAH PENUBUHAN
IKATAN DA'I INDONESIA (IKADI)

3.1. Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan secara khusus tentang sejarah singkat mengenai Ikatan Da'i Indonesia (IKADI). Untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang berkaitan bagi kajian ini, penulis telah mencuba membuat satu penelitian terhadap beberapa sumber maklumat yang telah tersedia di masa lalu yang kemudian telah direkodkan, sama ada dalam akhbar yang telah diterbitkan, risalah-risalah, fail-fail, dokumen-dokumen yang berkaitan dan sebagainya. Kesemua sumber maklumat tersebut kemudian diteliti dan dijadikan satu format yang boleh difahami.

Dalam memperkayakan maklumat kajian ini, penulis juga mengadakan temu bual dengan pihak-pihak tertentu, sama ada pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan mengenai sejarah dan latar belakang organisasi ini ataupun pihak-pihak yang secara langsung mempunyai hubungkait dengan penubuhan IKADI. Untuk memantapkan lagi data-data yang diperolehi melalui metode di atas, penulis juga mengadakan pemerhatian terhadap beberapa aktiviti yang terpilih dalam kajian ini bagi membolehkan perincian maklumat yang lebih tepat mengenai IKADI.

3.2. Latar Belakang Penubuhan

Permasalahan dakwah dan ummah Islam semakin hari semakin bertambah kompleks, ia memerlukan respon yang serius dari semua pihak terutama dari para penguasa dan ulama. Hal itu kerana mereka ialah orang yang berdiri di garis terdepan dalam melakukan pembinaan dan pembelaan terhadap ummah.¹³¹ Di tangan merekalah kemajuan dan kebaikan ummah Islam ditentukan. Apabila mereka berada di atas jalan yang baik, maka ummah ini akan terbimbing ke arah kebaikan. Tetapi apabila mereka lalai, zalim dan tidak bertanggungjawab, ummah Islam pun akan menjadi ummah yang tidak bernilai, tidak mempunyai hemah dan kepemimpinan.

Pada permulaan tahun 1980, terjadi arus pengiriman pelajar secara besar-besaran ke Negara-negara Arab. Negara-negara yang menjadi tumpuan para pelajar itu antara lain: Saudi Arabia, Sudan, Mesir dan Syria. Meskipun secara majoriti mereka datang untuk mempelajari ilmu keislaman, tetapi sesetengah pelajar yang lain juga ada yang mempelajari ilmu-ilmu sains, seperti perubatan, kejuruteraan dan ilmu-ilmu lain. Gelombang kebangkitan Islam di Negara Arab seperti di Mesir dengan gerakan *al-Ikhwān al-Muslimūn*, di Pakistan dengan *Jamā'ah Islamiyyah* dan sebagainya menjadi modal dan ruh perjuangan ketika para pelajar kembali ke Tanah Air.

¹³¹ IKADI Pusat (2009), *Lamḥah ‘An Rābiṭah al-Du’āt al-Indūniyyin*. Jakarta: Pustaka IKADI, h. 2.

Para cendekiawan muslim mengatakan bahawa gerakan *al-Ikhwān al-Muslimūn* sangat mempunyai kesan yang sangat besar ke atas semangat kebangkitan Islam di seluruh penjuru dunia. Di Indonesia, sebagaimana diperkatakan oleh Yon Machmudi, gerakan *al-Ikhwān al-Muslimūn* Mesir dan *Jamā'ah Islamiyyah* Pakistan telah merubah dan membawa paradigma yang bagus bagi sebahagian anak muda.¹³² Pemahaman ke atas permasalahan dakwah dan umat Islam tersebut dibuktikan melalui aktiviti *al-Halāqah* dan *al-Tarbiyyah* di kalangan mereka. Aktiviti ini diketahui bermula pada akhir tahun 1980-an dan mulai tersebar di seluruh kampus dan universiti di Jakarta dan kemudian diikuti oleh beberapa universiti besar di daerah-daerah lain.

Kesan yang ditimbulkan oleh aktiviti tersebut sangat baik dan mendapat sambutan yang amat luar biasa di hati kaum muslimin yang merindukan kejayaan Islam. Hal itu terbukti dengan kemajuan dan bertambahnya ahli yang mengikuti aktiviti tersebut. Secara lebih terperinci, terdapat beberapa tempat yang menjadi pusat aktiviti tarbiyah di kampus-kampus metropolitan. Di Jakarta terdapat masjid Abdul Rahman Hakim di Universitas Indonesia (Masjid ARH UI). Di Bogor terdapat Masjid al-Hurriyah yang menjadi pusat aktiviti Islam di Institut Pertanian Bogor (IPB).

Manakala di Bandung terdapat Masjid Salman yang menjadi pusat aktiviti tarbiyah kampus Institut Teknologi Bandung (ITB). Selain daripada kampus-kampus, terdapat pula Yayasan Islam yang menjadi pusat aktiviti ini, iaitu

¹³² Yon Machmudi (2006), “Islamising Indonesia: The Risk Jemaah Tarbiyah and Prosperous Justice Party (PKS)”. (Thesis PhD , South-east Asia Center, Faculty of Asian Studies, The Australian National University), Australia: The ANU Press, h. 60 dan 217.

Yayasan Islamic Center IQRO (YIC IQRO) di Bekasi Jawa Barat¹³³ dan Ma'had al-Hikmah di Jakarta.¹³⁴ Pertumbuhan dan kemajuan aktiviti ini berlangsung dan berkembang pada akhir tahun 1990 hingga awal tahun 2000. Sejak diisytiharkan era reformasi di Indonesia pada tahun 1998, terjadi berbagai-bagai macam perubahan dalam seluruh aspek kehidupan umat Islam termasuklah dalam aspek dakwah keagamaan.

Menurut majalah Gatra, paling tidak ada dua isu yang wujud pada masa itu.¹³⁵ Pertama, semakin menguatnya identiti gerakan kelompok keagamaan di luar kelompok perdana dalam masyarakat Islam Indonesia, iaitu Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Gerakan keagamaan yang dimaksud adalah seperti Front Pembela Islam (FPI),¹³⁶ Majelis Mujahidin Indonesia (MMI),¹³⁷ Hizbut Tahrir Indonesia (HTI),¹³⁸ dan sebagainya.

Kedua, lahirnya parti politik berasaskan keagamaan. Apabila pada masa Orde Baru parti politik keagamaan hanya diwakili oleh Parti Persatuan Pembangunan (PPP),¹³⁹ tetapi pada era reformasi ini lahirlah banyak parti politik berasaskan keagamaan.

¹³³ Yayasan Islamic Center IQRO (YIC IQRO) ditubuhkan pada 25 Julai 1990 oleh KH. Rahmat Abdullah.

¹³⁴ Ma'had al-Hikmah ditubuhkan pada tahun 1992 oleh KH. Abdul Hasib, Lc.

¹³⁵ Majalah Dwi-mingguan Gatra, edisi 6 Mei 2006, h. 23.

¹³⁶ Front Pembela Islam (FPI) ditubuhkan di Jakarta pada 17 Ogos 1998 M oleh para Ulama dan Habaib. Diketuai oleh Habib Muhammad Rizieq, Lc.

¹³⁷ Majelis Mujahidin Indonesia (MMI) ialah lembaga yang ditubuhkan melalui Kongres Mujahidin I di Yogyakarta, pada 5-7 Jumadil Ula 1421 H, bertepatan 5-7 Ogos 2000 M.

¹³⁸ Hizbut Tahrir Indonesia (HTI) diasaskan oleh Abdurrahman al-Bagdadi; aktivis Hizbut Tahrir Australia, dikembangkan bersama KH Abdullah bin Nuh pada tahun 1983.

¹³⁹ Ditubuhkan pada 5 Januari 1973 M. Ia merupakan gabungan dari empat parti keagamaan, Parti Nahdlatul Ulama (PNU), Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII), Perti dan Parmusi.

Parti politik tersebut ada yang merupakan parti yang mewakili organisasi Islam, seperti Parti Amanat Nasional (PAN)¹⁴⁰ yang merupakan dari aspirasi warga Muhamamdiyah dan Parti Kebangkitan Bangsa (PKB)¹⁴¹ yang merupakan cermin aspirasi dari warga organisasi Nahdhatul Ulama. Ada juga yang merupakan parti baru seperti Parti Bulan Bintang (PBB),¹⁴² serta Parti Keadilan Sejahtera (PKS) dan lain-lain.¹⁴³

Manakala Mark Woodward membahagikan respon umat Islam atas perubahan di masa selepas Orde Baru ke dalam lima bahagian.¹⁴⁴ Pertama, *Islamic indigenized*, merupakan sebuah ekspresi umat Islam yang bersifat lokal; secara formal mereka mengaku beragama Islam, tetapi biasanya mereka lebih mengikuti aturan-aturan ritual tempatan. Dalam hubungkait antara politik dan agama, golongan ini mempunyai cara berfikir yang sekular dan tidak mahu membawa masalah agama ke dalam aspek negara dan pemerintahan. Dalam konteks masyarakat Jawa, para sejarawan menyebut golongan ini dengan istilah Islam Abangan.

¹⁴⁰ Ditubuhkan pada 23 Ogos 1998 dan rasmi didaftarkan melalui Departemen Kehakiman dan Hak Asasi Manusia (HAM) No. M-20.UM.06.08, tarikh 27 Ogos 2003 M.

¹⁴¹ Ditubuhkan pada 29 Rabiul Awwal 1419 H bersamaan 23 Julai 1998 M di Jakarta. Diasaskan oleh lima Alim Ulama Nahdatul Ulama, iaitu: KH. Munasir Ali, KH. Ilyas Ruchiyat, KH. Abdurrahman Wahid, KH. A. Mustofa Bisri dan KH. A. Muhith Muzadi.

¹⁴² Ditubuhkan pada 17 Julai 1998 M di Jakarta. Ditubuhkan oleh Alim Ulama MASYUMI yang kini aktif di Dewan Dakwah Islamiah Indonesia (DDII), antara lain: Yusril Ihza Mahendra, Sumargono dan lain-lain, dilancarkan pada 26 Julai 1998 di Masjid Agung Al-Azhar Jakarta Pusat.

¹⁴³ Ia merupakan kepanjangan tangan dari Parti Keadilan (PK) yang ditubuhkan pada 26 Rabi'ul Awwal 1419 H bersamaan 20 Julai 1998 M. Kerana tidak mencapai *Electoral Treshold* (ET) pemilihan umum 1999, ia berubah menjadi PKS yang ditubuhkan pada 9 Jumadil 'Ula 1423 H bersamaan 20 April 2002 M.

¹⁴⁴ Woodward, M (2001), *op.cit.*, h. 29-37.

Kedua, golongan tradisional Nahdlatul Ulama (NU).¹⁴⁵ Organisasi NU adalah penganut aliran Sunni terbesar di Indonesia yang dianggap memiliki memiliki ciri khas yang tidak dimiliki oleh kelompok lain,¹⁴⁶ mereka juga menerima dan mensebatikan adat kebiasaan Islam masyarakat tempatan selagi ia tidak bertentangan dengan Islam. *Ketiga*, kelompok Islam moden yang tercermin dalam organisasi Muhammadiyah.¹⁴⁷ Organisasi ini menfokuskan aktivitinya kepada perkhidmatan sosial kemasyarakatan seperti pendidikan dan kesihatan.

Keempat, golongan Islamis. Gerakan ini membawa misi penyebaran konservatif dan literalistik, tetapi juga di dalam dirinya terdapat paradigma ideologi Islam Arab. *Kelima*, golongan neo-modenisme Islam. Ia lebih dicirikan dengan gerakan intelektual dan kritikannya terhadap doktrin Islam yang pasti. Ia berasal dari berbagai-bagai kelompok, termasuk kalangan tradisional ataupun dari kalangan modenis. Mereka biasanya bergabung dalam berbagai lembaga bukan kerajaan dan institut-institut penyelidikan, Perguruan Tinggi Islam (PTI) dan pemimpin Islam tradisional tertentu.

Melihat persoalan dakwah yang sedemikian, maka tentu ia memerlukan sebuah wadah yang memberikan arahan pada umat melalui pembentukan wadah da'i yang professional, bermoral, bermisi dan bervisi dalam merancang serta

¹⁴⁵ Organisasi ini diasaskan pada tahun 1924 di Surabaya. Pengasasnya antara lain iaitu KH. Wahab Hazbullah, KH. Hasyim Asy'ari dan lainya.

¹⁴⁶ Di antara ciri yang membezakan NU dengan organisasi lain di Indonesia ialah kehidupan pesantren dan penghormatan yang sangat tinggi kepada Tuan Guru atau Kyai Haji, program tahfiz dan yasinan serta legitimasi agama berada di tangan Kyai dan Pesantren.

¹⁴⁷ Organisasi ini diasaskan oleh KH. Ahmad Dahlan pada tahun 1912 di Jogjakarta. Meski lebih dahulu diasaskan tetapi, para sejarawan menyebutnya sebagai organisasi terbesar kedua setelah Nahdlatul Ulama yang ditubuhkan pada 1924.

mencipta langkah-langkah, rancangan dan aksi-aksi dakwah di masa hadapan.¹⁴⁸ Di samping hal itu, bidang pekerjaan dan aktivitinya tidak memasuki bidang-bidang yang dilaksanakan oleh organisasi dan pertubuhan yang sudah sedia ada.

Wadah tersebut hendaknya bertujuan untuk menjalankan dakwah dan da'i dalam usaha membina dan membentuk pandangan umat terhadap tugas-tugasnya sebagai pemikul panji moraliti yang berdasarkan Al-Qur'an dan Sunnah. Dengan demikian adalah diharapkan lahirnya Islam yang memberikan makna *Rahmatan li al-'Alamin* dalam dunia nyata, memberikan pembelaan terhadap nilai-nilai kebenaran, dan memiliki kepekaan yang tinggi terhadap nilai-nilai Islam yang universal.

Keampuhan dakwah dalam menghadapi gelombang dan tantangan globalisasi memerlukan langkah-langkah yang progresif, proaktif, intensif, terancang dan seimbang. Semua langkah ini diharapkan melahirkan pandangan baru umat yang melihat Islam sebagai pemberi solusi bagi semua persoalan umat dan kemanusiaan. Rancangan pembangunan wadah dakwah sebegini bertujuan untuk memberikan pencerahan secara mendalam pada kaum muslimin agar mereka tidak terjerat dalam kesesatan yang menggelincirkan mereka dari jalan kebenaran.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA., Ketua Umum Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) Pusat. Temu bual pada 1 hb Julai 2010.

¹⁴⁹ IKADI Pusat (2009). *Lamḥah 'An Rābiṭah al-Du'āt al-Indūnisīyyin*. h. 3.

Keinginan yang kuat untuk memberikan sumbangsih positif dan memperkayakan potensi ummah inilah yang mendorong para aktivis dakwah pada masa itu mendirikan dan mengasaskan sebuah wadah yang menaungi para da'i. Wadah itu pada akhirnya dinamai dengan nama Ikatan Da'i Indonesia (IKADI).¹⁵⁰

3.3. Nama, Penubuhan dan Asas Organisasi

Organisasi ini bernamakan Ikatan Da'i Indonesia yang disingkat dengan istilah IKADI. Dalam bahasa Inggeris, IKADI biasa disebut dengan *Indonesian Dawat Association*, manakala dalam bahawa Arab secara rasmi ianya disebut dengan رابطة الدعاة الأندونيسيين.¹⁵¹

Untuk memudahkan dalam menyebutannya, baik pengurus ataupun orang ramai cukup menyebut dengan istilah IKADI sahaja. Secara terminologi, dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Ikatan Da'i Indonesia dapat diartikan sebagai berikut:¹⁵²

1. Ikatan : pertalian, persatuan dan perkumpulan
2. Da'i : pendakwah
3. Indonesia : Negara Indonesia

¹⁵⁰ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, Temu bual pada 1 hb Julai 2010.

¹⁵¹ Tim penyusun IKADI Pusat (t.t), *Lamḥah ‘an Rābiṭah al-Du’āt al-Indūniyyin*. h. 3.

¹⁵² Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani, et.all., (2007), *Kamus Dewan*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd., edisi keempat, h. 304 dan 563.

Dari pengertian di atas, dapat disimpulkan bahawa Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) adalah sebuah wadah organisasi yang mempertemukan, menyatukan dan mengumpulkan para pendakwah Indonesia, sama ada mereka tinggal di dalam negeri ataupun di luar Negara, sama ada mereka adalah para pendakwah yang mempunyai pekerjaan khusus ataupun yang tidak.¹⁵³

Nama organisasi ini secara sengaja menggunakan istilah ikatan dengan tujuan supaya organisasi ini boleh menyatukan para pendakwah dan *al-Asatidhah* dari latar belakang dan fahaman keagamaan yang sedia ada. Di samping ia mencita-citakan adanya kerjasama antara ulama dan pendakwah dalam melaksanakan tugas dakwahnya serta mengurangi pertikaian dan persengketaan yang disebabkan oleh perbezaan mazhab dan pandangan keagamaan.¹⁵⁴

IKADI ditubuhkan di Jakarta pada hari Jumaat, tarikh 1 hb Jumadil Awwal 1423 H bertepatan dengan tarikh 12 Julai 2002 M. Meskipun ditubuhkan pada tahun 2002, untuk mempersiapkan segala sesuatu yang berhubungkait dengan undang-undang, kanun dan penyempurnaan pengurus wilayah barulah diisytiharkan di khalayak ramai pada 3 Maret 2003 di Asrama Haji Pondok Gede-Jakarta Timur dan secara rasmi tercatat sebagai badan hukum pada 11 November 2003, nombor 120 Departemen Dalam Negeri Republik Indonesia (Depdagri).¹⁵⁵

¹⁵³ Profesi khusus pendakwah adalah seorang yang mempunyai aktiviti tetap sebagai pendakwah, manakala profesi tidak khusus pendakwah ialah sesiapa yang mempunyai pengetahuan tentang agama dan berusaha menyebarkannya meskipun ia sebagai peniaga, peguam, pegawai kerajaan dan lainnya.

¹⁵⁴ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 1 hb Julai 2010 jam 12.

¹⁵⁵ IKADI Pusat (2009). *Laporan PP IKADI Pra Munas*, h. 1, data diperolehi dari pejabat sekretariat PP IKADI.

Menurut Ahmad Kusyairi Suhail,¹⁵⁶ para pendakwah yang bergabung dalam wadah IKADI tidak hanya disatukan dalam satu aktiviti, tetapi mendapatkan pembekalan ilmu agama dan pengetahuan, kemahiran dan ilmu komunikasi serta penyatuan fikrah strategik ke arah mencapai matlamat kejayaan Islam dan kaum muslimin yang agung.¹⁵⁷ Dalam pandangan pengkaji, perkara sedemikianlah yang menjadi salah satu punca keberkesanan dan pengaruh dakwah IKADI dalam menggalang dan menyatukan pendakwah di Indonesia.

3.4. Visi dan Misi, Tujuan dan Kegiatan

3.4.1. Visi dan Misi IKADI

Dalam buku yang menjelaskan mengenai sejarah dan latar belakang penubuhan organisasi ini, IKADI hendak menjadi lembaga kerjaya da'i yang mampu mengoptimalkan potensi para anggotanya dalam menegakkan nilai-nilai Islam sebagai *Rahmatan Li al-'Alamin*.¹⁵⁸

Menurut Achmad Satori Ismail bahawa fokus dakwah Nabi Muhammad SAW adalah menyebarluaskan nilai-nilai yang sesuai dengan fitrah insan semula jadi. Nilai-nilai tersebut tercermin dalam ajaran jujur, kasih mengasihi, lemah lembut dan keharmonian. Oleh itu, dakwah IKADI sangat fokus dalam menyebarluaskan nilai

¹⁵⁶ Ketua Bidang Dakwah IKADI Pusat periode 2009-2014.

¹⁵⁷ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Ketua Bidang Dakwah Ikatan Da'i Indonesia (IKADI) Pusat. Temu bual pada 5 hb Julai 2010 jam 7 pagi di Bekasi.

¹⁵⁸ IKADI Pusat (2009), *Lamḥah 'an Rābiṭah al-Du'āt al-Indūniyyin*. h. 3.

Islam yang *Rahmatan Li al-'Alamīn*, baik dari aspek nilai ajaran, metode dakwah dan strategi yang digunakan.¹⁵⁹

Hal ini dilakukan kerana kesedaran yang dimiliki oleh IKADI yang melihat musuh-musuh Islam tengah ramai memperkatakan bahawa Islam adalah agama pelampau, teroris, tidak mencintai harmoni dan cinta keganasan.¹⁶⁰ Di samping itu, tujuan diasaskannya IKADI ialah untuk mewadahi aktiviti para dai dalam membina dan mengembangkan potensinya untuk kemaslahatan umat dan bangsa melalui aktiviti dakwah Islamiyah yang membawa rahmat.¹⁶¹

3.4.2. Tujuan IKADI

Setiap kumpulan dan pertubuhan pastilah mempunyai tujuan dan matlamat yang hendak dicapai bersama. Di antara tujuan yang hendak dicapai dan menjadi halatuju IKADI ialah:¹⁶²

1. Membangun pemahaman Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah sesuai dengan manhaj ulama salafus saleh bagi segenap umat manusia.
2. Membangun sikap hidup Islam yang *Rahmatan Li al-'Alamīn*.
3. Menyebarluaskan, mengamalkan dan membela nilai-nilai Islam.
4. Meningkatkan ukhuwah Islamiyah antara ummah.
5. Meningkatkan kemampuan dan peranan da'i dalam kehidupan bangsa dan negara

¹⁵⁹ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 1 hb Julai 2010.

¹⁶⁰ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

¹⁶¹ IKADI Pusat (2009), *Lamḥah 'An Rābiṭah al-Du'āt al-Indūniyyin*. h. 3.

¹⁶² IKADI Pusat (2009), *ibid*, h. 3.

3.4.3. Kegiatan IKADI

Kegiatan-kegiatan IKADI adalah semua bentuk aktiviti yang mempunyai matlamat menghadirkan kerahmatan Islam di atas alam raya. Di antara matlamat yang hendak dicapai dalam setiap aktiviti ialah:¹⁶³

1. Membangun potensi da'i Muslim dalam melaksanakan amanat penyebaran dakwah kepada masyarakat dalam rangka merealisasikan Islam *Rahmatan Li al- 'Ālamīn*.
2. Menjalin kerjasama dengan lembaga-lembaga Dakwah Islam dan organisasi lain untuk pembinaan dan pengembangan kegiatan sosial, budaya, intelektual dan ekonomi.
3. Mengembangkan perlembagaan pendidikan Islam, antara lain dengan meningkatkan Sumber Daya Manusia (SDM), pendidikan dan murid peserta didik.
4. Meningkatkan keterlibatan da'i muslim dalam kegiatan penghayatan agama dan pembinaan akhlak umat.
5. Memberikan sumbangan pemikiran dalam mengembangkan sistem pendidikan kepada lembaga-lembaga pendidikan terutama pesantren-pesantren dan lembaga pendidikan Islam.
6. Menyelenggara dan mengupayakan biasiswa bagi pelajar dan mahasiswa muslim.
7. Menyelenggarakan takaful da'i.

¹⁶³ IKADI Pusat (2009), *op.cit*, h. 4

8. Menyelenggarakan penelitian, kajian ilmiah dan Islamisasi ilmu pengetahuan serta penerbitan masalah-masalah keIslamahan.
9. Turut serta berpartisipasi dalam mewujudkan ukhuwah Islamiyah dalam bingkai kehidupan berbangsa dan bernegara.
10. Menyelenggarakan kegiatan-kegiatan lain yang bermanfaat untuk umat.

3.5. Sifat dan Ciri IKADI

Sifat dan ciri IKADI ialah:¹⁶⁴

1. IKADI merupakan organisasi kemasyarakatan yang bersifat keIslamahan yang diwujudkan dalam bentuk ukhuwah dan silaturahim dalam membina dan mengembangkan saling mengenal (*al-Ta’āruf*), saling menolong (*al-Ta’āwun*), dan saling berwasiat (*al-Tausiyah*) di jalan kebenaran guna untuk memperkuat kesatuan dan persatuan bangsa serta mengangkat darjat dan martabat umat manusia.
2. IKADI adalah organisasi berciri keterbukaan dalam penerimaan ahli, menampung aspirasi, penyertaan, penglibatan, dan cadangan yang datang daripada ahli organisasi.
3. Berciri kemandirian yang dicerminkan dalam sikap organisasi yang memiliki kemandirian dalam aspek pemikiran, pengambilan keputusan, penyelenggaraan kegiatan secara amal jama’i terutama bertumpu pada

¹⁶⁴ IKADI Pusat (2009), *.op.cit*, h. 5.

kemampuan pemikiran, upaya, dan sumber daya sendiri sesuai dengan program yang telah ditetapkan.

4. Berciri kekeluargaan yang diterapkan dalam pengembangan wawasan kebangsaan dan kebersamaan untuk menumbuhkan sikap kekeluargaan da'i dan serta turut serta dalam menyatukan ummah, masyarakat, bangsa dan negara

3.6. Susunan dan Struktur Organisasi IKADI Pusat

3.6.1. Dewan Syura IKADI

Dewan Syura di dalam IKADI adalah sebuah kepengurusan yang mempunyai peranan penting dalam menentukan perkara strategik dan arah gerak perjalanan organisasi ke hadapan. Dewan Syura dalam IKADI dipimpin oleh seorang ketua Dewan Syura dan beberapa ahli Dewan Syura. Dari awal penubuhannya hingga 2009 telah terjadi beberapa kali penggantian. Penggantian yang sangat penting adalah terjadinya dua kali pergantian pada ketua Dewan Syura.¹⁶⁵

Pada awal penubuhan IKADI yakni tahun 2002, ketua Dewan Syura IKADI diketuai oleh Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA. Penggantian pengurus pertama terjadi manakala Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA., dirasmikan menjadi Ketua Majelis Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (MPR RI) untuk tempoh 2004-2009. Setelah melalui Musyawarah Nasional (MUNAS), pada 2004

¹⁶⁵ IKADI Pusat (2009), Dokumentasi Kepemimpinan IKADI dari awal penubuhannya hingga tahun 2009. Data diperolehi dari pejabat sekretariat PP IKADI.

posisi ketua Dewan Syura diamanahkan kepada Prof. Dr. KH. Didin Hafiduddin, MSc yang pada masa itu menjadi ahli Dewan Syura. Meskipun Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA., menjadi Ketua MPR RI, namun pada masa yang sama beliau masih lagi menjadi ahli Dewan Syura.¹⁶⁶

Pergantian kali kedua terjadi semasa Prof. Dr. KH. Didin Hafiduddin, MSc., dirasmikan menjadi Ketua Umum Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) oleh Presiden Republik Indonesia, Dr. H. Susilo Bambang Yudoyono. Menurut Ahmad Satori, kembalinya posisi ketua Dewan Syura kepada Dr. Hidayat Nur Wahid, MA., dilatarbelakangi oleh beberapa perkara iaitu:¹⁶⁷

1. Posisi ketua Dewan Syura adalah posisi yang sangat strategik dan memerlukan tokoh yang mempunyai amanah, pengetahuan dan kehebatan. Sehingga diperlukan tokoh yang sesuai dalam membawa bahtera organisasi IKADI.
2. Kemampuan dan ketokohan Hidayat dianggap masih mengungguli tokoh-tokoh lain, sehingga dianggap mampu melaksanakan amanah IKADI. Apalagi pada saat ini beliau mempunyai masa yang banyak, kerena sudah tidak menjawat jawatan sebagai Ketua MPR RI.
3. Ketua Dewan Syura adalah lembaga tertinggi organisasi yang ia memerlukan keteladanan dan keikhlasan. Keteladanan dan keikhlasan tersebut wujud pada sahsiah Dr. Hidayat Nur Wahid, MA.

¹⁶⁶ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA.Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

¹⁶⁷ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA., *ibid.*

Setelah MUNAS II pada tahun 2009, ditetapkan bahawa susunan Pengurus Dewan Syura IKADI adalah sebagai berikut:¹⁶⁸

Ketua Dewan Syuro : Dr. Hj. M. Hidayat Nur Wahid, MA

Wakil Ketua Dewan Syuro : K.H. Abdul Hasib Hasan, Lc.

Anggota-Anggota : Prof. Dr. KH. Achmad Satori Isma'il

Dr. KH. Ahzami Sami'un Jazuli, MA

Dr. KH. M. Idris Abdul Shomad, MA

Hj. M. Aniq Syahuri, Lc

Dr. KH. Abdul Jabbar Majid, MA

Dr. Hj. Ahmad Hatta. MA

Hj. Samson Rahman, MA

Dr. Hj. Nurmahmudi Isma'il, M.Sc

Drs. Hj. Ahmad Yani

Hj. Mutammimul 'Ula, SH

Hj. Harjani Hefni, MA

K.H. Tulus Musthofa, MA

Drs. Hj. Sakhira Zandi, M.Si

Dr. Hj. Khairan Ma'arif, MA

Hj. M. Sholeh Drehem, MA

¹⁶⁸ IKADI Pusat (2009), *Profil Ikatan Dai Indonesia (IKADI)*, Jakarta: Pustaka IKADI, h. 3.

3.6.2. Pengurus Pusat IKADI

Pimpinan Harian:

Ketua Umum	: Prof. Dr. KH. Ahmad Satori Ismail, MA.
Sekretaris Jenderal	: Dr. KH. M. Idris Abdul Shomad, MA.
Bendahara Umum	: Hj. Muhammad Aniq Syahuri, Lc.

Ketua-Ketua Bidang :

Ketua Bidang Dakwah	: Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA.
Ketua Bidang Pendidikan	: KH. Abdul Jabbar Majid, MA.
Ketua Bidang Riset dan Kajian	: Hj. Samson Rahman, MA.
Ketua Bidang Humas dan Organisasi	: Hj. Suryana Padma A, MA.


Kepala-Kepala Departemen:

Kepala Departemen Dakwah	: Hidayatullah, Lc.
Kepala Departemen Pendidikan	: Ahlul Irfan, MM. M.Pd.
Kepala Departemen Riset & Kajian	: Hj. Tajuddin, MA.
Kepala Departemen Humas & Org.	: Dr. Hj. Baharuddin Husin, MA.
Kepala Kesekretariatan	: Hj. Syamsul Arifin, Lc.

Carta Organisasi:
Struktur Organisasi Pengurus Pusat

Ikatan Da'i Indonesia (IKADI)

Periode 2009-2013



3.7. Pengurus Wilayah dan Pengurus Daerah IKADI

3.7.1. Pengurus Wilayah IKADI

Pengurus Wilayah (PW) IKADI ialah struktur organisasi IKADI di peringkat provinsi.¹⁶⁹ Menurut data terakhir yang diperolehi bahawa jumlah Pimpinan Wilayah yang telah dibuka dengan berjaya ialah sebanyak 29 provinsi dari jumlah keseluruhan provinsi-provinsi yang ada di Indonesia¹⁷⁰. Berikut adalah senarai PW IKADI yang telahpun berjaya dirasmikan oleh Pimpinan Pusat (PP) IKADI hingga tahun 2010.

Jadual 3.1
Senarai Pengurus Wilayah IKADI

No.	PW IKADI	Alamat Pejabat
1.	Aceh	Jl. T. Nya' Arief , Jambotape Banda Aceh
2.	Bali	Jl. Petulaka 3 M Perumahan Peninjauan Permai Peguyangan Denpasar Bali
3.	Bangka Belitung	-
4.	Banten	Jl. Ayip Usman Kebaharan Dukuh Serang
5.	Bengkulu	Jl. Merapi No.88 Bengkulu
6.	DI Jogyakarta	Jl. Tasura No.42 Maguwoharjo Sleman Yogyakarta
7.	DKI Jakarta	-
8.	Irian Jaya Barat	Jl. Serma Suwandi Komp.Blok SKMA Manokwari Papua Barat
9.	Jambi	Perum Yeyes Lestari III Blok H No.99 Jl.Lemas Somad Kotabaru Jambi
10	Jawa Barat	-

¹⁶⁹ Provinsi adalah istilah pembahagian wilayah pemerintahan selepas Negara, di Malaysia wilayah ini disebut dengan pemerintahan peringkat Negeri.

¹⁷⁰ Jumlah provinsi di Indonesia adalah 33 provinsi.

11.	Jawa Tengah	Jl. Karonsih Baru III /112 Ngalian Semarang Jawa Tengah
12.	Jawa Timur	Ruko Graha Indah Wisesa Blok B-6 No. 44, Jl. Gayung Kebonsari Surabaya
13.	Kalimantan Barat	Gedung Islamic Center Komp. Masjid Raya Mujahidin Pontianak Kalimantan Bara
14.	Kalimantan Selatan	Jl. A Yani Km 5,7 Banjarmasin
15.	Kalimantan Tengah	Jl. Pilau No. 22 Palangkaraya Kalimantan Tengah 73112
16.	Kalimantan Timur	Jl. Letjen Suprapto, Kompleks RUKO Century No.6 Samarinda Kaltim
17.	Kepulauan Riau	Perum Valiant Permai Jl.Adi Sucipto Blok E No.8 KM.11 Tanjungpinang Kep. Riau
18.	Kepulauan Riau	-
19.	Lampung	Jl. ZA Pagar Alam No.13 Gedung Meneng, Rajabasa Bandar Lampung 35145
20.	Maluku	Komp. BTN Bukit Manusela Blok C No. A Maluku
21.	Nusa Tenggara Barat (NTB)	Jl. Majapahit 20 Mataram NTB
22.	Nusa Tenggara Timur (NTT)	Pesma El-Fata Jl. Gedung Keuangan Kupang Nusa Tenggara Timur
23.	Papua	Jl. Veteran No.7 Abepura Jayapura Papua
24.	Riau	Jl. Tuantu Tambusai Komp. Taman Mella Blok. G-4 Pekanbaru Riau
25.	Sulawesi Tengah	Jl. Ramba I Birobuli Palu Selatan Palu Sulawesi Tengah
26.	Sumatera Barat	Jl. Delima No.7B Ujung Gurun Barat Padang - Sumatera Barat
27.	Sumatera Selatan	Yayasan Ash -Shaff. Jl. Bukit Baru III Rt 04/06 No.3390 Kelurahan Bukit Baru Palembang 30139

28.	Sumatera Utara	Perumahan Andansari No.14 B PSR VI Terjun Medan Marelan Sumatera Utara
-----	----------------	---

Sumber: Pengurus Pusat IKADI (2010), Laporan Pra Munas IKADI, h. 13-14.

3.7.2. Pengurus Daerah IKADI

Pimpinan Daerah IKADI (PD IKADI) adalah struktur organisasi IKADI di peringkat daerah kabupaten ataupun kota madya dan ia merupakan kepanjangan tangan dari PP IKADI. Hal itu kerana, dalam setiap melaksanakan program dakwahnya Pengurus Daerah akan mengikut arahan dan panduan yang telahpun disusun dan ditetapkan oleh PP IKADI. Meskipun demikian hasil pemerhatian pengkaji dari aktiviti yang dilaksanakan, PD mempunyai peluang untuk mencipta dan mengadakan program-program dakwah sesuai dengan tuntutan dan kepentingan mengikut masing-masing daerah.

3.8. Sejarah Perkembangan Dakwah IKADI

Sebagaimana dimaklumkan di atas bahawa IKADI adalah sebuah wadah para pendakwah yang diasaskan pada tahun 2002. Perjalanan IKADI dari masa ke masa menunjukkan adanya gerakan yang dinamik dan dialektika dakwah yang

sangat aktif. Bahkan, ia dipandang sebagai organisasi yang mempunyai kecemerlangan di masa hadapan.¹⁷¹

Memahami perkara ini, IKADI senantiasa menjalankan dakwah Islamiah dengan memegang teguh kepada prinsip dan undang-undang Islam. Kemajuan dan prestasi di pelbagai bidang, sama ada dalam pembangunan syahsiah remaja, pembinaan pondok pesantren, masjid dan *Islamic Centre* diseluruh cawangan hingga pada kemunculan para tokoh yang mengambil posisi penting dan strategik dalam pentadbiran Negara Indonesia sama ada di peringkat pusat maupun daerah menjadi bukti kepada perkembangan dakwah IKADI.

Untuk menjelaskan dan memperincikan sejarah perkembangan dakwah IKADI dari awal penubuhannya hingga kini secara baik, pengkaji akan membahagikannya kepada tiga tahap. Dalam tiap-tiap tahap, akan didedahkan perkara-perkara penting yang menjadi perhatian IKADI dalam membesarkan organisasi dan menjalankan program dakwah Islamiah. Ketiga-tiga fasa itu ialah Fasa Penubuhan, Fasa Peluasan Wilayah Dakwah dan yang terakhir ialah Fasa Pengukuhan dan Penguatan Gerakan Dakwah.

¹⁷¹ Hasil dari pemerhatian dan interaksi pengkaji dengan sebahagian pengurus dan aktiviti yang dijalankan di wilayah Jakarta.

3.8.1. Fasa Penubuhan (*Marhalah Ta'sisiyyah*)

Fasa ini merupakan fasa pertama yang dilalui oleh IKADI dan sekaligus tahap yang menjadi titik tolak bagi perjalanan dakwah IKADI di masa hadapan. Fasa ini dimulakan dengan wujudnya kesedaran dan kegelisahan yang sangat mendalam dalam diri para da'i mengenai kondisi umat Islam di Indonesia secara khususnya. Para da'i dan ulama yang majoritinya adalah berkelulusan timur tengah merasakan betapa kondisi umat Islam sangatlah jauh dari prinsip dan ajaran Islam. Umat Islam dilanda dengan kebodohan terhadap agama mereka sendiri, masalah perbezaan mazhab yang berkesan kepada pertikaian, umat Islam mulai tidak bangga dengan agama Islam dan masalah-masalah lain.

Masalah di atas ditambah lagi dengan perjalanan dakwah di Indonesia yang sangat memperihatinkan, khususnya mengenai kebebasan berdakwah dan menyebarkan nilai-nilai Islam. Kerajaan Indonesia sama ada dalam Orde Lama maupun Orde Baru dinilai oleh banyak pihak sebagai kerajaan yang tidak menyokong perlaksanaan ajaran Islam dengan baik, bahkan aktiviti-aktiviti dakwah yang tidak sejalan dengan kehendak kerajaan dianggapnya sebagai aktiviti yang berbahaya dan meski dihalang dalam pelaksanaan dakwah.¹⁷²

Hal itu terbukti dengan peristiwa seperti di Madiun, Ngawi dan peristiwa Tanjung Priok yang mengambil nyawa ratusan umat Muslim. Bahkan pada masa pemerintahan Presiden Soeharto, beliau mewajibkan semua organisasi yang ada

¹⁷² Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

untuk menjadikan pancasila sebagai landasan organisasi dan larangan untuk menggunakan apa-apa landasan selain daripada pancasila.¹⁷³

Atas dasar inilah, ditubuhkan Yasayan LP2SI (Lembaga Pelayanan Pesantren dan Studi Islam) al-Haramain yang diketuai oleh Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA.¹⁷⁴ Yayasan ini adalah hasil dari sebuah perbincangan oleh beberapa pelajar Indonesia yang tengah belajar di Timur Tengah pada era 1990-an. Matlamat dari organisasi ini adalah memberikan bimbingan dan perkhidmatan kepada pondok pesantren untuk mengembangkan dan mempertingkatkan lagi kualiti dan kemahiran para pelajar pesantren.¹⁷⁵ Meskipun didapati banyak Pesantren, tetapi dari aspek pengurusan dan pelayanan masih lagi menggunakan pengurusan traditional dan terkebelakang. Begitu juga meskipun didapati ramai pelajar yang belajar di Pesantren, tetapi dalam aspek kemahiran berbahasa Arab dan keilmuan, masih lagi dinilai kurang maksimum.

Setelah al-Haramain mendapat tempat di hati masyarakat, capaian kerja dan prestasi para pengasas dan para tokoh sudah pun dirasai di dalam kehidupan bernegara, para musuh-musuh dakwah mulai menganggu dan melakukan usaha untuk mematikan gerak langkah al-Haramain. Sebagai titik kemuncak dari semua dugaan itu adalah disebutkannya al-Haramain dalam senarai organisasi yang mendapat bantuan dana dari organisasi al-Qaeda yang digunakan untuk membiayai para pengganas dan pelampau yang menggunakan nama agama.

¹⁷³ Undang-undang ini pada masa Orde Baru dikenali dengan sebutan Asas Tunggal, iaitu adanya satu-satunya asas yang boleh digunakan sebagai asas dalam mana-mana kumpulan dan organisasi.

¹⁷⁴ LP2SI Al-Haramain berdiri di Jakarta pada 12 Januari 1993, dan terdaftar dalam Akta Notaris Nombor 366 Tahun 1993, pada Kantor Notaris Misahardi Milamarta, SH.

¹⁷⁵ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

Akan tetapi, setelah Hidayat Nur Wahid melakukan pendedahan dan komunikasi dengan pihak Kedutaan Besar Amerika Syarikat masalah ini dapat diselesaikan. Kedutaan Besar Amerika Syarikat melalui Duta Besar Ralph L. Boyce menyatakan permohonan maaf dan mengakui bahawa tuduhan ini adalah salah. Hingga pada akhirnya LP2SI al-Haramaian pimpinan Hidayat Nur Wahid dihapuskan dari senarai organisasi pengganas.¹⁷⁶ Secara lebih jelas, Hidayat Nur Wahid membantah tuduhan Amerika Syarikat yang mengaitkan organisasinya dengan pengganas, bahkan tuduhan ini sengaja dilakukan sebagai usaha untuk meruntuhkan dan merosakkan citra parti Islam yang dipimpinnya, iaitu Parti Keadilan Sejahtera (PKS).¹⁷⁷

Meskipun akhirnya pihak Kedutaan Besar Amerika Syarikat melalui Duta Besarnya, Ralph L. Boyce mengajukan permintaan maaf atas kesalahan ini, tetapi untuk menjaga *Aṣālah al-Da'wah* yang dijalankan dan sekaligus untuk memperbesarkan gerak langkah dakwah, maka didirikanlah IKADI sebagai organisasi baru yang akan melanjutkan dakwah al-Haramain dan menambah gerak dakwah serta garapan dalam masyarakat.¹⁷⁸

Dari peristiwa di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa meskipun dakwah dihadapkan kepada berbagai fitnah dan tohmahan, tetapi akan sentiasa mendapat penjagaan dan perlindungan dari Allah SWT. Oleh itu, para pendokong dan

¹⁷⁶ Majalah Dwi Mingguan Gatra, edisi 12 hb Februari 2004, h. 27.

¹⁷⁷ Dr. Hj. Hidayat Nur Wahid, MA. Hasil temu bual dengan pewarta Radio Nederland Wereldomroep pada 26 hb April 2004. Sila rujuk: www.ranesi.rl.

¹⁷⁸ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

pendakwah hendaklah senantiasa komitmen dengan dakwah dan disokong dengan *siyāsah al-Da'wah* yang baik dan sesuai.

Dalam fasa ini, IKADI mengambil perhatian yang sangat besar kepada tiga perkara yang amat besar, antara lain: Pertama: mengembalikan gambaran masyarakat mengenai tokoh al-Haramain. Usaha ini dilakukan untuk meluruskan persepsi yang salah yang telah pun dilabelkan oleh Amerika Syarikat mengenai tokoh-tokoh al-Haramain sebagai tokoh-tokoh pengganas. Usaha ini dilakukan dengan menampakkan dan memberikan teladan dengan sifat santun, berakhlek mulia dan mencintai perdamaian, sama ada dalam aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh IKADI ataupun dalam materi-materi dakwah yang disampaikan oleh ahli-ahli IKADI dalam tazkirah, khutbah jumaat dan lain-lain.¹⁷⁹

Kedua: melakukan usaha ke arah menampakkan dan menunjukkan jati diri IKADI sebagai organisasi dakwah kemasyarakatan. Dalam hal ini, IKADI berusaha untuk memperkenalkan organisasi ini kepada khalayak ramai mengenai matlamat dan gerak dakwah yang akan dijalankan IKADI. Meskipun ia adalah organisasi yang baru saja diasaskan, tetapi merupakan organisasi yang siap untuk bekerjasama dan memberikan perkhidmatan kepada umat dalam bidang pembinaan akhlak mulia dan sahsiah.

¹⁷⁹ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

Manakala perhatian yang terakhir adalah melakukan gerak kerja sosial dan bekerjasama dengan organisasi yang sedia ada. Dalam hal ini IKADI senantiasa aktif dalam aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) Pusat. Melalui wadah ulama Indonesia yang tergabung dalam MUI, IKADI dengan cepat dapat dikenal dan diiktiraf sebagai organisasi kemasyarakatan yang bergerak dalam bidang dakwah dan sosial.¹⁸⁰

Meskipun organisasi ini baru ditubuhkan, hasil dari usaha inilah bergabungnya para tokoh IKADI sebagai pengurus MUI Pusat. Bahkan dalam Kongres Umat Islam (KUI) yang dianjurkan di peringkat kebangsaan, Dr. KH. Surahman Hidayat, MA yang merupakan tokoh IKADI menjadi salah satu tokoh yang menjadi panel dan membentangkan kertas kerja.¹⁸¹

Dari pendedahan di atas dapatlah disimpulkan bahawa dalam fasa ini IKADI berusaha agar ia dapat diterima dengan baik, sama ada oleh masyarakat muslimin sebagai objek dakwah maupun oleh MUI dan organisasi-organisasi lain yang sudah sedia ada.

3.8.2. Fasa Perluasan Wilayah (*Marhalah Tawsi' Dāirah al-Da'wah*)

Setelah melewati masa 2 tahun (tahun 2002 hingga 2004) IKADI telahpun berjaya dalam meletakkan pondasi organisasi dan menampakkan kemajuan gerakan dakwah dalam masyarakat, maka IKADI melakukan usaha ke arah

¹⁸⁰ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual pada 5 hb Julai 2010 jam 7 pagi di Kediaman Bekasi.

¹⁸¹ Data diperoleh dari website rasmi Majlis Ulama Indonesia. www.mui.or.id.

memperluaskan jaringan wilayah di seluruh provinsi di Indonesia. Fasa ini dimulai pada tahun 2005 hingga 2007, iaitu dengan memperbanyakkan dan membuka cawangan. Mengikut data yang diperolehi, pada tahun tersebut jumlah cawangan IKADI di peringkat Provinsi sebanyak 27 Dewan Pimpinan Wilayah (DPW), manakala dalam peringkat daerah sebanyak 161 Dewan Pimpinan Daerah (DPD)¹⁸².

Sebagai organisasi yang baru ditubuhkan, IKADI tergolong dalam organisasi yang berjaya dalam membuka cawangan. Di antara sebab-sebab keberjayaan ini ialah:¹⁸³

1. IKADI mampu menghimpun para pendakwah dalam berbagai-bagai kepakaran, sama ada ia Ustaz, peniaga, pensyarah dan lain-lain kerjaya. Keunikan ini, secara langsung boleh menjadi daya tarik sendiri bagi para pendakwah untuk masuk menjadi ahli IKADI.
2. IKADI mampu menghimpun para pendakwah tanpa memandang latar belakang mazhab fiqh dan pemahaman. Jika organisasi NU yang sedia ada tampak sebagai organisasi yang bermazhab Syafii dan Muhammadiyah sebagai organisasi moden, maka IKADI mampu menghimpun para pendakwah dari latar belakang yang berbeza, sama ada ia syafii ataupun moden selama ia masih dalam konteks ahli sunnah wa al-jamaah.
3. IKADI membuka peluang kepada ahli pendakwah yang masih muda belia. Jika organisasi-organisasi yang sedia ada telah pun dipenuhi oleh ulama

¹⁸² IKADI Pusat (2009), *Laporan PP IKADI Pra Munas*, h. 14, data diperolehi dari pejabat sekretariat PP IKADI

¹⁸³ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual pada 5 hb Julai 2010 jam 7 pagi di Kediaman Bekasi.

dan tokoh dari generasi tua dan susah untuk member peluang kepada generasi muda, maka IKADI dengan senang hati menerima pendakwah muda yang bersemangat, mempunyai *Kafāah Shar'iyyah* yang memadai dan siap untuk berjuang di jalan Allah. Oleh itu, tidak menghairankan apabila ahli IKADI diramaikan oleh generasi muda.

Di samping IKADI berjaya memperolehi sambutan hangat dan mendapat tempat di masyarakat, IKADI mempergunakan beberapa jaringan dan cara dalam membuka cawangan di Indonesia. Beberapa jaringan dan cara-cara yang digunakan IKADI ialah sebagai berikut:

a. Jaringan al-Haramain

Karena IKADI adalah organisasi yang melanjutkan kegiatan dan gerakan dakwah al-Haramain, maka secara langsung semua jaringan, kerjasama dan harta benda yang dimiliki oleh al-Haramain menjadi milik IKADI.¹⁸⁴ Sebagai bukti yang paling jelas dan kuat adalah dijadikannya wakil ketua LP2SI Al-Haramain Achmad Satori Ismail sebagai Ketua Umum IKADI dan tokoh-tokoh lain seperti Aniq Sahuri, Ahmad Hatta dan lainnya. Hal ini merupakan modal besar yang dipunyai IKADI dalam membuka dan memperluaskan jaringan dakwah di Indonesia. Dengan wujudnya jaringan al-Haramain yang sudah ada, maka IKADI boleh membuka cawangan-cawangan di wilayah Indonesia dengan cepat.

¹⁸⁴ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010 jam 12.

b. Jaringan Timur Tengah

Cara ini diguna pakai sebagai metode untuk memperkenalkan dan membuka cawangan IKADI di Indonesia.¹⁸⁵ IKADI dilahirkan dari hasil diskusi para pelajar semasa mereka belajar di Timur Tengah, maka para pengasas IKADI melakukan komunikasi dengan sesama pelajar yang sudah pun kembali ke tanah air dan tersebar di seluruh Provinsi di Indonesia. Setelah misi dan kegiatan dakwah IKADI diperkenalkan maka para pendakwah tersebut bersepakat untuk bersama-sama melanjutkan dakwah Islam melalui jalur organisasi IKADI.

Di antara tokoh-tokoh IKADI yang berkelulusan Timur Tengah ialah: Dr. KH. Muslih Abdul Karim, MA. (BA, MA dan PhD di Universiti Imam Ibn Soud-Madinah), Prof. Dr. Achmad Satori Ismail, MA. (BA dan MA di Universitas al-Azhar Kaherah, Phd di Univesiti al-Miniya), Dr. H. Ahmad Hatta, MA., (BA dan MA di Univesiti Riyadh) dan lain-lain.

c. Jaringan Pondok Modern Gontor

Pondok Modern Gontor Ponorogo - Jawa Timur adalah pondok moden terbesar di Indonesia yang pelajarnya mencapai lebih 8000 orang sama ada pelajar putera maupun puteri. Selain itu, Gontor juga mempunyai cawangan Pondok Modennya sebanyak 13 pondok yang tersebar di Indonesia.¹⁸⁶ Potensi inipun belum ditambah

¹⁸⁵ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual pada 5 hb Julai 2010 jam 7 pagi di Kediaman Bekasi.

¹⁸⁶ Data diperolehi dari laman rasmi Pondek Modern Gontor. <http://gontor.ac.id>, diakses pada 12 oktober 2010.

dengan jaringan pesantren-pesantren yang dibina oleh para graduannya yang tidak kurang dari 120 pesantren di Indonesia.

Pondok Modern Gontor mempunyai jalinan persaudaraan yang kuat dan fanatik kepada institusi almamater. Potensi dan kekuatan ini dimanfaatkan oleh para tokoh IKADI untuk memperkenalkan dan mempromosikan pembukaan cawangan IKADI di seluruh Indonesia. Di antara para tokoh yang melakukan usaha ini ialah Hidayat Nur Wahid yang juga Ketua Dewan Syura IKADI pusat, sebab dia adalah ahli Badan Wakaf Pondok Modern ahli Badan Gontor.¹⁸⁷ Selain itu, Ketua Umum IKADI Pusat, Achmad Satori Ismail adalah graduan Gontor terbaik di zamannya yang pada masa ini diangkat menjadi Ketua Dewan Redaksi Majalah Gontor.¹⁸⁸ Selain tokoh-tokoh tersebut, antara graduan Pondok Modern Gontor yang menjadi tokoh penting IKADI ialah: Dr. H. M. Idris Abdul Shomad (Sekretaris Jenderal IKADI Pusat), Ustaz Ahmad Kusyairi Suhail, MA. (Ketua Bidang Dakwah IKADI Pusat) dan lain-lain.

d. Peranan Tokoh Nasional

Seiring dengan perjalanan dan keberhasilan dakwah yang dijalankan IKADI, maka ia telahpun berjaya menempatkan para tokoh IKADI dalam pengurusan Negara Indonesia, sama ada di peringkat kebangsaan maupun daerah. Di antara tokoh IKADI yang berjaya menjadi tokoh Nasional ialah:¹⁸⁹

¹⁸⁷ Satu badan tertinggi dalam struktur kepemimpinan Pondok Modern Gontor.

¹⁸⁸ Majalah Rasmi Dwi Mingguan yang diterbitkan oleh Pondok Modern Gontor.

¹⁸⁹ Hasil kajian dan penelitian dari dokumen mengenai profil IKADI.

1. Dr. H. Nur Mahmudi Ismail, MSc. (Ahli Dewan Syura IKADI Pusat tempoh 2002 hingga 2006) yang menjadi sebagai Menteri Kehutanan Republik Indonesia (Menhut RI) pada tahun 1999 hingga 2004.
2. Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA. (Ketua Majlis Sura IKADI Pusat) yang menjadi Ketua Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (MPR RI) tahun 2004 hingga 2009.
3. Dr. H. Salim Seggaf al-Jufri, MA. (Ahli Dewan Syura IKADI Pusat tempoh 2007 hingga 2012) yang menjadi Menteri Sosial Republik Indonesia (Mensos RI) tahun 2009 hingga 2014.
4. Dr. KH. Surahman Hidayat, MA. (Ahli Dewan Syura IKADI Pusat tempoh 2002 hingga 2006) yang menjadi wakil ketua Komisi III Dewan Perwalian Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) tahun 2009 hingga 2014.
5. Manakala tokoh daerah yang menjadi tokoh nasional kerana menjadi ahli parlimen dalam Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI) seramai 4 orang, antara lain Abdi Sumaiti, Lc., KH. Amang Syafruddin, Lc., dan lainya.

Para tokoh dakwah yang kini menjadi tokoh nasional tersebut senantiasa memperjuangkan supaya IKADI menjadi organisasi dakwah yang bermartabat, sungguh-sungguh dan berjalan di atas panduan Islam ke arah mencapai matlamat izzul Islam wal muslimin. Bahkan perjuangan dan usaha mereka telah pun memberikan sumbangan kepada IKADI ke arah perluasan wilayah dan cawangan IKADI yang kini berjumlah 30 cawangan di tingkat Provinsi dari seramai 33 provinsi di Indonesia.

3.8.3. Fasa Penguatan Dakwah (*Marhalah Ta'zīz Harakah al-Da'wah*)

Setelah IKADI berjaya menjadi organisasi yang disenangi dan dekat dengan masyarakat, mampu bekerja sama dengan berbagai organisasi Islam, berjaya membuka cawangan di Indonesia, para tokoh dakwahnya telah pun dipercayai dan diberi amanah untuk mentadbir negera bahkan diiktiraf sebagai rakan kerjasama positif bagi kerajaan dan MUI, maka masuklah IKADI kepada fasa selanjutnya, iaitu fasa penguatan gerakan dakwah.

Fasa ini dapat dilihat dari cara IKADI menanamkan dan melaksanakan ajaran Islam yang santun, damai dan berakhhlak mulia melalui program-program IKADI keseluruh Indonesia, IKADI diterima dalam kancang gerakan dakwah sama ada dalam aktiviti keagamaan di peringkat kebangsaan mahupun dunia dan IKADI telah berjaya dalam memperkenalkan para tokohnya dalam dunia dakwah, bahkan diterima dalam kehidupan bernegara.

Perkara pertama yang menjadi tanda penghayatan ajaran Islam dalam dakwah IKADI adalah dilaksanakannya program MAKKAH (Majlis Akhlakul Karimah) di seluruh cawangan peringkat wilayah di seluruh Indonesia.¹⁹⁰ Majlis yang dilaksanakan pada tiap-tiap bulan ini adalah merupakan satu majlis yang dianjurkan oleh IKADI untuk memberikan perhatian, pembinaan dan pencerahan kepada muslimin. Dengan menugaskan seorang atau beberapa ahli panel, IKADI

¹⁹⁰ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual pada 5 hb Julai 2010 di Kediaman Bekasi.

Pusat berusaha menyampaikan satu isu dan materi dakwah yang sudah disusun secara sistematik mengikut kurikulum dan berasas pengurusan yang baik.

Di samping itu, program PENA (Pengajian Pekanan) juga dianjurkan untuk tujuan pembinaan kader-kader semakin mendalam dan berkesan. Program MAKKAH dianjurkan untuk menjemput orang ramai, manakala program PENA lebih mengutamakan kepada pembinaan dan perekutan ahli dan penyokong dakwah IKADI.¹⁹¹

Manakala tanda yang kedua adalah diterimanya IKADI dalam kancang dakwah nasional dan internasional. Dalam kancang gerakan dakwah nasional, IKADI mampu berjaya dalam melaksanakan program dakwah dan sosial dengan organisasi. Dalam bidang dakwah dilaksanakan dengan Majelis Ulama Indonesia (MUI), Nahdatul Ulama, Muhammadiyah, PERSIS, Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII), As-Syafi'iyyah, Wisata Hati, Majlis az-Zikra dan lain-lain. Manakala dalam program sosial kemasyarakatan dilaksanakan dengan Dompet Dhuafa Republika (DD Republika), Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), Bulan Sabit Merah Indonesia (BSMI) dan lain-lain. Manakala dengan organisasi yang bertaraf antarabangsa, IKADI melakukan kerjasama dengan pertubuhan *al-Atiyyah Charity Qatar, Sharjah Charity, World Islamic Call Society (WICS)* yang bermarkaz di Tripoli – Libya, *Ihsan al-Ummah* di Riyadh dan beberapa lembaga kebajikan yang lain.¹⁹²

¹⁹¹ Dr. KH. Atabik Lutfi, MA. Ketua Pengurus Wilayah Ikatan Da'i Indonesia (PW IKADI) DKI Jakarta. Temu bual pada 27 hb September 2010 di Jakarta.

¹⁹² Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

Tanda yang ketiga ialah kejayaan IKADI dalam memperkenalkan para pendakwahnya kepada masyarakat umum. Kerana kemahiran dan pengetahuan IKADI dalam *Fiqh al-Da’wah* dan *Siyāsah al-Da’wah*, tokoh-tokoh IKADI banyak yang telah berjaya menjadi ahli parlimen baik di parlimen Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DRD I dan II) maupun dalam parlimen Dewan Perwakilan Rakyat Pusat (DPR Pusat). Angka ini ditambah dengan pendakwah IKADI yang berjaya telah menjadi Bupati atau Wakil Bupati dan Gubernur atau Wakil Gubernur.¹⁹³

Manakala pendakwah IKADI yang berjaya menjadi tokoh Nasional ialah, sebagai berikut: Dr. H. Nur Mahmudi Ismail, MSc. sebagai Menteri Kehutanan Republik Indonesia (Menhut RI) pada tahun 1999 hingga 2004, Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA., menjadi Ketua Majlis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia (MPR RI) tahun 2004 hingga 2009, Dr. H. Salim Seggaf al-Jufri, MA., yang menjadi Menteri Sosial Republik Indonesia (Mensos RI) tahun 2009 hingga 2014, Dr. KH. Surahman Hidayat, MA. yang menjadi wakil ketua Komisi III Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) tahun 2009 hingga 2014. Manakala tokoh daerah yang menjadi tokoh nasional kerana menjadi ahli parlimen dalam Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPD RI) seramai 4 orang, ialah: Abdi Sumaiti, Lc., KH. Amang Syafruddin, Lc., dan lainnya.

¹⁹³ Bupati atau walikota ialah pemimpin tertinggi di tingkat daerah, manakala gubernur ialah pemimpin tertinggi di tingkat provinsi.

Dalam fasa ini, sesuai dengan perkembangan dan kemajuan dakwah IKADI terdapat beberapa usaha dan gerak kerja yang dilaksanakan oleh IKADI ke arah tercapainya pengukuhan gerakan dakwah. Di antara usaha dan program kerja itu ialah sebagai berikut:¹⁹⁴

1. Mewujudkan data bank mengenai jumlah pendakwah IKADI dan potensi dari tiap-tiap Pimpinan Wilayah dan Pimpinan Daerah se Indonesia.
2. Mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran pendakwah ahli IKADI dan membuat panduan dakwah untuk pendakwah muda dan pendakwah tingkat belia dan pemuda.
3. Mengusahakan pembinaan perguruan tinggi yang mampu melahirkan pendakwah yang handal dan berwawasan syariah.
4. Menyebarluaskan fikrah dakwah melalui website, buletin dan khutbah Jumaat dan diagihkan kepada seluruh Pimpinan Wilayah dan Pimpinan Daerah di seluruh Indonesia maupun Bidang Kerohanian Islam (ROHIS) di pejabat-pejabat di Jakarta.
5. Menganjurkan berbagai-bagai majlis dan seminar dengan tajuk besar Islam Moderat dengan menjemput para ulama dari dalam dan luar Negara.

¹⁹⁴ Prof. Dr. KH. Acmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 19 hb Ogos 2010.

3.9. Penutup

Dari pendedahan dalam bab tiga di atas, dapatlah disimpulkan bahawa seorang pendakwah hendaklah melaksanakan dakwahnya dengan persiapan dan perancangan yang baik dan dijalankan di atas pengurusan jamaah yang rapi dan baik. Perancangan dan pengurusan yang baik tadi, hendaknya dikuatkan dengan keikhlasan dan istiqamah yang kuat. Perkara ini sangat penting, kerana ikhlas dan istiqamah akan menjadi batu penanda dan kekuatan di saat cabaran dan dugaan dakwah menyapa dan menemui pendakwah.

Dengan perancangan dan pengurusan yang baik, keikhlasan dan istiqamah yang diusahakan oleh pendakwah IKADI, mereka telahpun memberikan sumbangan dan prestasi dalam kancang dakwah Islamiah di Indonesia. Meskipun kesimpulan ini tidak menutupi wujudnya kekurangan dan kelemahan dalam pelaksanaan dakwah yang telahpun dilaksanakan oleh IKADI.

BAB IV

PROGRAM DAKWAH

IKATAN DA'I INDONESIA (IKADI)

4.1. Pendahuluan

Sebagai sebuah organisasi yang gerak langkahnya dalam aktiviti dakwah, maka sudah tentu IKADI mempunyai jabatan khusus mengenai dakwah. Dalam bab ini, penulis akan membahas mengenai program dakwah yang dijalankan oleh Bidang Dakwah. Penulis sangat bergantung kepada hasil temu bual dengan tokoh yang terlibat langsung dengan pelaksanaan dakwah IKADI. Meskipun begitu, untuk mengukuhkan sumber data yang ada, penulis juga berpijak kepada sumber data yang lain, iaitu: buku-buku terbitan IKADI, dokumen tertulis dan pemerhatian langsung dalam aktiviti program dakwah.

4.2. Program Dakwah Unggulan IKADI

Ini merupakan program-program yang menjadi unggulan dan kebanggaan IKADI. Hal itu tampak dari cara IKADI dalam menjalankan program dan dari penerimaan sasaran dakwah mengenai tersebut.¹⁹⁵ Di antara program dakwah unggulan ini ialah: Kafalah *Du'at*, Sertifikasi *Da'i*, Rumah Tahfiz IKADI (RTI) dan Dakwah Bina Desa.

¹⁹⁵ Hasil pemerhatian dan interaksi penulis dengan sebahagian program dakwah.

4.2.1. Kafalah *Du'at*

Yang dimaksud dengan Kafalah *Du'at* adalah suatu program IKADI guna menyantuni dan mengambil berat ke atas nasib pendakwah yang berada di pedalaman dan orang asli.¹⁹⁶ Hal ini bermaksud bahawa IKADI melaksakan satu rangkaian aktiviti guna mengirim pendakwah ke daerah pedalaman dan kampung orang asli. Iaitu mulai dari mendidik dan mencetak kader dakwah, membekali dengan kemahiran yang sesuai untuk pendakwah, mengirimkan dan memberikan satunan berupa rumah yang layak dan gaji bulanan. Program ini dilaksanakan dengan tujuan agar para pendakwah yang ditugaskan di daerah pedalaman merasakan ringan dan lebih fokus dalam menjalankan aktiviti dakwah, tanpa harus terbebani lagi dengan faktor materi dan keperluan hidup.¹⁹⁷

Di samping itu, IKADI juga memberikan perkhidmatan dan mengambil berat kepada para pendakwah yang telah mengabdi di jalan dakwah dalam masa yang sangat lama, khususnya yang sedang bertugas di daerah tertinggal, wilayah transmigran dan lain-lain. Di antara sifat yang meski dimiliki oleh pendakwah untuk mendapat bantuan ialah, pendakwah mestilah menghiasi diri dengan akhlak karimah, dedikasi dan sumbangsih yang besar kepada masyarakat, memahami metodologi dakwah dan berjaya dalam melakukan amar ma'ruf nahi munkar dengan cara yang hikmah dan *mauiżah hasanah* serta ikhlas dalam menjalankan tugas-tugas dakwah yang dipikulkan ke atasnya.¹⁹⁸

¹⁹⁶ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 27 hb September 2010 di Jakarta.

¹⁹⁷ Ibid.

¹⁹⁸ IKADI Pusat (2010), *Dokumen pemberian Kafalah Du'āt*. Data didapatkan dari sekretariat IKADI Pusat.

Sebagai sebuah institusi dakwah yang bercita-cita memperkasakan dakwah Islamiah, IKADI sentiasa mengambil berat kepada kondisi dan keluarga pendakwah. Lebih-lebih para pendakwah yang ikhlas melaksanakan aktiviti dakwah di kampung pedalaman yang jauh dari Bandar. Kondisi lingkungan sedemikian mesti mendapat perhatian, khususnya dari pihak kerajaan dan institusi dakwah supaya pendakwah boleh memberikan kehidupan kepada keluarga dan pendidikan yang baik untuk anak-anak mereka.

Sebagai bahagian dari pengurusan dakwah IKADI dan penyatuan visi misi gerak dakwah, para pendakwah yang mendapatkan dana santunan tersebut diwajibkan memberikan laporan setiap tiga bulan. Laporan tersebut berisikan tentang aktiviti dakwah yang telah dilakukan dan kemajuan yang didapatkan dalam dakwah.¹⁹⁹ Untuk melaksanakan program ini, IKADI bekerja sama dengan pihak bank; sama ada bank kerajaan ataupun swasta seperti Bank Negara Indonesia Syariah (BNI Syariah), Bank Syariah Mega Indonesia (BSMI) dan Lembaga Zakat di Indonesia seperti Pos Keadilan Peduli Ummat (PKPU), Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), Dompet Dhuafa, Rumah Zakat dan lainnya.

Manakala daerah sasaran yang mendapatkan program santunan ini diutamakan untuk daerah-daerah yang sangat memerlukan bantuan kaum muslimin. Daerah-daerah yang dimaksudkan adalah beberapa provinsi di Indonesia yang jumlah orang Islamnya minoritas dan mempunyai kelemahan dalam beberapa aspek, seperti dalam aspek pendidikan, ekonomi dan terbelakang.

¹⁹⁹ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

Di antara provinsi-provinsi itu antara lain: Kalimantan Selatan, Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah, Nusa Tenggara Timur, Sulawesi Tengah, Papua dan Irian Jaya Barat.²⁰⁰

4.2.2. Sertifikasi Da'i

Istilah sertifikasi berasal dari bahasa Inggeris *Certificate* yang mempunyai erti akta, surat keterangan, keterangan kelayakan dan keterangan kecakapan.²⁰¹ Dalam bahasa Arab istilah ini biasa disebut dengan **إجازة و شهادة** yang bererti sijil.²⁰² Perkataan ini digunakan dalam beberapa istilah antara lain, iaitu *Certificate of Worthiness* yang bererti sijil kelayakan udara, *Certificate of Character* ertinya surat keterangan kelakuan baik dan *Teacher's Certificate* yang bererti sijil kelayakan mengajar untuk guru.

Program Sertifikasi Da'i ini adalah merupakan hasil dari keputusan Silaturrahim Nasional (SILATNAS) IKADI yang dilaksanakan pada 19-21 Ogos 2006 tantang peran dakwah dalam pembinaan ummah. SILATNAS ini merupakan satu perhelatan besar dalam organisasi ini, kerana beberapa perkara penting akan diambil sebagai acuan dan panduan dalam gerak dakwah organisasi pada satu tahun ke hadapan. Dalam acara yang dilaksanakan di Asrama Haji Pondok Gede itu, menghasilkan beberapa rekomendasi agar IKADI dapat berperanan secara lebih

²⁰⁰ Untuk data lengkap mengenai daerah-daerah yang mendapatkan program ini, sila rujuk laman sosial: <http://ikadi.or.id>.

²⁰¹ Catherine Soanes, et.all (2005). *Pocket Oxford English Dictionary*. New York: Oxford University Press, (tenth edition), h.139.

²⁰² Ibrahim Mustafa, et.all. (tt), *al-Mu'jam al-Wasīt*. (*tanpa tempat*): Dār al-Da'wah. Tahqīq: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, juz. 1, h. 497.

baik kepada ummah dalam lima aspek. Di antara lima aspek itu ialah menyampaikan (*al-Tabligh*), menyedarkan (*al-Taw'iyyah*), Mengarahkan (*al-Tawjih*), Menunjukkan (*al-Irshād*) dan Menjaga (*al-Himāyah*).²⁰³

Dari lima nilai peranan dakwah tersebut, IKADI memahami bahawa dakwah ialah aktiviti transformasi nilai ajaran Islam ke dalam kehidupan dengan menggunakan media dan cara komunikasi sekaligus ia merupakan perubahan sosial. Selain dari itu dakwah juga bahagian dari aktiviti pembumian nilai-nilai suci yang merupakan gambaran keimanan yang diwujudkan dalam suatu sistem yang teratur. Dari pemahaman demikian, maka sertifikasi ialah merupakan sarana, dan alat dalam menyebarkan prinsip-prinsip dakwah *Rahmatan li al-‘Ālamīn*.²⁰⁴

Sertifikasi yang dimaksudkan oleh IKADI ialah satu standard untuk meningkatkan kemampuan dan kepakaran seorang pendakwah, dan ia bukan suatu penghambat berdakwah ataupun usaha menghadkan ruang gerak ummah Islam untuk berdakwah. Oleh itu, ia diharapkan menjadi standard kemampuan pendakwah dan mengoptimalkan potensi pendakwah dalam melaksanakan aktiviti dalam masayarakat. Sertifikasi ini juga akan mempermudahkan pelaksanaan ulangkaji dan konsolidasi dalam organisasi dalam kerja-kerja dakwah, sehingga peranan dan capaian pendakwah akan lebih dipertingkatkan lagi sesuai dengan jenjang dan tingkatannya.²⁰⁵

²⁰³ Achmad Satori Ismail, *et.all.*, (2008), *Bekal Da'i Muda; Kumpulan Materi Sertifikasi Da'i IKADI*. Jakarta: Pustaka IKADI, h. xvii.

²⁰⁴ Achmad Satori Ismail, *et.all.*, (2008), *op.cit.*, h. xviii.

²⁰⁵ IKADI Pusat (2009), *Program Kerja Ikatan Da'i Indonesia tahun 2009*. Program Departemen Dakwah, lampiran 2.

Untuk mempermudah pengelompokan pendakwah dan peta kepakaran pendakwah, proses sertifikasi ini dibahagikan menjadi empat kumpulan, iaitu:²⁰⁶

1. Sertifikasi Da'i Muda: iaitu sertifikasi yang diberikan kepada sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam yang salih dan mempunyai pengetahuan keislaman dan rasa bangga dengan Islam dan berusaha menyebarkannya.
2. Sertifikasi Da'i Madya: iaitu sertifikasi yang diberikan kepada seorang da'i muda yang memiliki keluasan wawasan dakwah dan kemampuan untuk menyampaikannya kepada masyarakat dengan cara-cara tertentu.
3. Sertifikasi Da'i Utama: iaitu sertifikasi yang diberikan kepada seorang dai madya yang mempunyai kemampuan berdakwah dengan benar dan baik serta mempunyai kemahiran dalam pengurusan dan kepemimpinan.
4. Sertifikasi Da'i Paripurna: iaitu sertifikasi yang diberikan kepada seorang dai utama yang mempunyai kemahiran khusus dalam berdakwah dan kemahiran memimpin secara professional.

Dari pembahagian pendakwah ke dalam beberapa peringkat di atas, penulis memahami bahawa IKADI mencuba membekali dan meningkatkan kemahiran pendakwah. Hal ini dilakukan sebagai cara pemetaan dakwah (*Mapping Da'wah*) yang disimpan dalam data bank IKADI mengenai kondisi dakwah dan perkembangannya. Pembahagiaan ini tidak dimaksudkan untuk menghadkan gerak langkah pendakwah, tetapi justeru sebaliknya memberikan peluang kepada pendakwah untuk meningkatkan dan membangunkan kepakaran yang boleh menunjang keberjayaan dakwah di masa hadapan.

²⁰⁶ Achmad Satori Ismail, *et.all.* (2008), *op.cit.*, h. 3.

4.2.3. Rumah Tahfiz IKADI (RTI)

Kualitas dan kuantitas masa depan ummah Islam di nusantara ini tergantung kepada bagaimana pendidikan Islam diterapkan dan dilakukan kepada generasi hadapan. Program khas penghafal al-Qur'an di Rumah Tahfiz IKADI (RTI) ini adalah salah satu cara pengajaran menghafaz al-Qur'an yang diperuntukkan kepada anak-anak. Meskipun Allah SWT telah memberikan jaminan dalam penjagaan dan kelestarian al-Qur'an, tetapi sesungguhnya program ini ialah merupakan salah satu cara yang dilakukan IKADI untuk menjawab dan memastikan masa depan Islam di negeri Indonesia, khususnya dalam aspek penjagaan kitab Allah SWT. Seperti firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran,
dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Surah al-Hijr (15): 9

Matlamat yang ingin dicapai dari Rumah Tahfiz IKADI (RTI) ini adalah untuk mempersiapkan generasi yang berwawasan *Qur'ani* sejak usia dini,²⁰⁷ iaitu generasi yang hati, lisan dan perilaku kepribadiannya menunjukkan keterbimbingan nilai-nilai al-Qur'an dan sunah Nabi Muhammad SAW.²⁰⁸ Generasi ini memiliki ciri-ciri yang sangat mendasar, di antaranya ialah: mencintai dan menghiasi waktu-waktunya dengan membaca Al-Qur'an serta berusaha menghafaz dan memahami makna yang terkandung di dalamnya.

²⁰⁷ Dr. KH. Atabik Luthfi. MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²⁰⁸ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

Di antara sifat dan kemahiran yang hendak dihasilkan dari graduan Rumah Tahfiz IKADI (RTI) ini ialah:²⁰⁹

1. Santri memiliki wawasan yang baik dan benar, serta memahami makna ayat Al-Qur'an secara komprehensif.
2. Santri dan graduan memiliki sikap semangat pantang menyerah, amanah, percaya diri, disiplin dan konsisten dalam menghafal Al-Quran.
3. Santri dan graduan menjadi contoh teladan sebagai seorang hafiz dengan budipekerti yang Qur'ani.
4. Graduan selalu kompeten dalam tahfiz 30 juzuk, sehingga dapat bermanfaat bagi lingkungannya.

Meskipun setakat ini baru 10 cluster yang berjalan dengan baik, namun keberadaan RTI telah sangat membantu mewujudkan generasi berwawasan *Qur'ani* untuk kemajuan bangsa ke hadapan.²¹⁰ Dalam menjalankan aktiviti ini, IKADI mengutus seorang pimpinan RTI dan dibantu dengan seorang kaki tangan untuk keperluan pengurusan. Manakala pengajar yang bertanggung jawab ke atas pelaksanaan program hafazan ini berjumlah 2 orang yang kedua-duanya ialah penghafal al-Qur'an. Program RTI ini memiliki perbezaan dan nilai istimewa dari pesantren-pesantren yang sedia ada, di antara keistimewaan itu ialah:²¹¹

1. Seorang santri atau pelajar tidak mesti seorang pelajar ilmu-ilmu agama dan duduk di asrama, bahkan sesetengah pelajar adalah pelajar sekolah umum dan tinggal di rumah masing-masing.

²⁰⁹ Untuk lebih lengkap dan terperinci, sila rujuk laman sosial rasmi IKADI: <http://ikadi.or.id/>

²¹⁰ Cluster ialah istilah yang digunakan untuk menyebut tempat RTI. Contoh: cluster Bekasi, cluster Tanjung Priok dan lain-lain.

²¹¹ Untuk lebih lengkap dan terperinci, sila rujuk laman sosial rasmi IKADI: <http://ikadi.or.id/>

2. Jumlah pelajar pada tiap-tiap cluster seramai 20 hingga 25 pelajar, yang terdiri dari 2 kumpulan laki-laki dan perempuan.
3. Jumlah pengajar pada tiap-tiap cluster ialah dua orang. Seorang laki-laki sebagai pengajar pelajar lelaki dan pengajar perempuan untuk pelajar perempuan.
4. Pertemuan antara seorang pengajar dengan pelajar adalah tiga kali dalam seminggu selama 1.5 jam pada tiap pertemuanya.
5. Target minimal dalam menghafaz adalah 1 juzuk pada tiap-tiap tiga bulan sekali. Maknanya tiap-tiap pelajar meski menghafaz 10 baris pada tiap pertemuan.
6. Untuk mendapatkan hasil yang baik, tidak hanya pengajar sahaja yang mendapatkan kafalah, tetapi pelajar juga akan diberikan kafalah semasa mereka mampu mencapai target minimal yang diberikan.

Untuk mempermudah proses menghafaz al-Qur'an dan pengurusan yang baik, RTI memberikan syarat bagi para peserta yang hendak mengikuti program ini, di antara syarat-syarat itu ialah:²¹²

1. Minimal kelas 4 Sekolah Dasar (SD) atau yang sederajat dan maksimal siswa kelas 2 Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau sederajat.²¹³
2. Mampu membaca AlQur'an dengan baik, diutamakan yang telah mampu membaca dengan dasar-dasar tajwid.

²¹² IKADI Pusat (2009), *Pedoman pelaksanaan Program Tahfiz IKADI (RTI)*. Data diperolehi dari sekretariat IKADI Pusat.

²¹³ Sekolah Dasar (SD) ialah Sekolah Rendah, manakala Sekolah Menengah Pertama (SMP) ialah Sekolah Menengah tingkatan 1 hingga 3.

3. Bersedia mengikuti ketentuan seluruh proses pembelajaran di Rumah Tahfiz IKADI (RTI).
4. Mendapat izin dan sokongan dari orang tua atau ibu bapa.

Pada SILATNAS IKADI tahun 2009, salah satu rekomendasi yang ditetapkan dalam mesyuarat itu ialah pembinaan RTI di seluruh wilayah IKADI. Jumlah target minimal yang dicadangkan ialah sebanyak 100 cluster yang tersebar di 5 wilayah di pulau Jawa atau mewakili 50 Daerah IKADI tingkat Kota dan Kabupaten IKADI di seluruh pulau Jawa. Menurut Ketua Umum IKADI Wilayah Jakarta, jumlah RTI di wilayah Jakarta adalah seramai 10 cluster yang tersebar di 5 kota madya di Jakarta yang meliputi Jakarta Timur, Jakarta Utara, Jakarta Selatan, Jakarta Barat dan Jakarta Pusat. Dan seramai 2 cluster lagi di pinggiran Jakarta, tepatnya di Bekasi.²¹⁴

4.2.4. Dakwah Bina Desa

Secara majorinya penduduk Indonesia adalah beragama Islam. Umat Islam tersebut tersebar di seluruh Negara Indonesia, sama ada di kota, desa dan daerah juga pedalaman. Secara amnya, mereka memeluk agama Islam sejak lahir, tapi juga ada yang baru memasuki Islam setelah mereka dewasa. Meskipun telah ramai pihak yang melaksanakan program pembinaan kepada orang pedalaman sama ada kerajaan dalam hal ini Kementerian Agama Republik Indonesia maupun organisasi bukan kerajaan seperti Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII),

²¹⁴ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 18 hb 30 Oktober 2010 di Jakarta.

Muhammadiyah dan juga Nahdhatul Ulama (NU), tetapi pembinaan yang ada perlu kepada pengembangan ke arah yang lebih baik dan berkesan.

Terlebih lagi bagi mereka yang berada di kampung-kampung pedalaman yang jauh dari bandar dan kewujudan para ulama. Penduduk pedalaman tersebut tidak sahaja belum terbina secara baik, bahkan mereka belum memperoleh perhatian. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pagan Nagari sebagaimana dimuatkan dalam Majalah Sabili, banyak dari umat Islam yang keluar dari agama Islam atau *murtad*.²¹⁵

Atas dasar pertimbangan realita tersebut, IKADI terpanggil untuk mengelola dan sekaligus melancarkan program dakwah bina desa guna membentengi umat Islam dari kristenisasi. Program bina desa ini dilaksanakan dengan cara pengiriman dan penugasan para pendakwah ke daerah-daerah yang dianggap rawan dengan krisis keimanan yang memudahkan adanya kristenisasi yang secara khususnya di desa-desa terpencil, lemah dari aspek ekonomi dan tidak mendapatkan pencerahan nilai-nilai Islam.²¹⁶

Di antara tujuan utama yang hendak dicapai melalui program Dakwah Bina Desa ini ialah sebagai berikut:²¹⁷

1. Membina ummah Islam dengan landasan akidah, ibadah dan akhlak karimah yang kuat.

²¹⁵ Majalah Sabili, edisi Rabu 18 November 2009.

²¹⁶ IKADI Pusat (2009). *Program Kerja IKADI Bidang Dakwah*, lampiran 2.

²¹⁷ IKADI Pusat (2009). *Pedoman Pelaksanaan Dakwah Bina Desa IKADI*. Data diperoleh dari sekretariat IKADI Pusat.

2. Memberi pemahaman dan kesadaran ummah mengenai ajaran Islam yang bersifat *Rahmatan li al-‘Alamin*.
3. Mengukuhkan ukhuwah Islamiyah dan kebersamaan serta keharmonian meskipun tinggal di desa terpencil atau daerah pedalaman.

Para pendakwah yang akan ditugaskan dan melaksanakan dakwah di desa tersebut adalah pendakwah yang berpendidikan minimal graduan Madrasah Aliyah dan mempunyai pengalaman berdakwah.²¹⁸ Di samping berkelayakan ijazah pesantren, pendakwah hendaklah memiliki dedikasi dan akhlakul karimah, memahami metodologi dakwah, bersedia melakukan amar ma’ruf nahi munkar, iaitu dilakukan dengan cara yang hikmah dan *mauizah hasanah*.²¹⁹

Para pendakwah yang telahpun ditugaskan, diminta untuk memberikan laporan kemajuan dakwah pada tiap-tiap 3 bulan. Laporan itu mengenai aktiviti dakwah yang telah dilakukan dan pencapaian yang telahpun dicapai. Bahkan dalam perkara yang mustahak, pendakwah dapat menyampaikan laporannya kepada penanggung jawab pada setiap masa. Manakala tempo yang diperlukan untuk program ini ialah dua tahun dan dapat diperpanjangkan lagi untuk dua tahun berikutnya dan seterusnya. Manakala daerah yang menjadi tumpuan program ini diutamakan untuk daerah umat Islam yang belum terdapat seorang da'i, seperti daerah transmigrasi, suku terasing dan desa terpencil.²²⁰

²¹⁸ Madrasah Aliyah (MA) adalah istilah untuk Sekolah Menengah mulai tingkatan 4 hingga lulus.

²¹⁹ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²²⁰ Wilayah ini antara lain wilayah Papua, Nusa tenggara timur, Maluku, Pontianak dan lainnya. Data lengkap mengenai daerah-daerah yang mendapatkan program ini, sila rujuk laman sosial rasmi IKADI: <http://ikadi.or.id/>

4.3. Pelaksanaan Program Dakwah IKADI

Sebagai sebuah organisasi moden, IKADI senantiasa berusaha menjalankan roda organisasi mengikut kaedah pengurusan moden dan perancangan dalam menjalankan program dakwah. Dengan pimpinan yang berlatar belakang keilmuan yang mendalam dan taraf pendidikan yang tinggi, IKADI menjalankan program dakwah dengan perancangan berdasarkan masa dan keperluan. Hal ini dilaksanakan supaya program yang telah dirancang boleh berjalan dengan baik, memudahkan proses ulangkaji dan pemantauan kerja organisasi.

Di antara kaedah yang digunakan oleh IKADI dalam melaksanakan program-program dakwahnya ialah dengan menggunakan kaedah jadual waktu (*timetable method*). Iaitu kaedah yang membahagikan program dakwah mengikut jarak masa dan kemungkinan pelaksanaannya. Pembahagian tersebut ialah terbahagi menjadi program dakwah mingguan, program dakwah bulanan, program dakwah enam bulan, program dakwah tahunan dan program mengikut kondisi atau keperluan. Berikut penjelasan dari tiap-tiap program dakwah tersebut.

4.3.1. Program Dakwah Mingguan

Yang dimaksud dengan program dakwah mingguan ialah program dakwah yang dilakukan pada tiap-tiap minggu. Program ini adalah merupakan program dakwah yang strategik dan menjadi ujung tombak dalam pelaksanaan dakwah IKADI. Hal itu kerana dakwah ini dilakukan secara teratur, berkelanjutan dan terus menerus

dengan satu panduan kurikulum yang jelas dan terpadu.²²¹ Kepentingan dakwah ini juga tampak pada kerapatan pendakwah dengan objek dakwah yang memungkinkan pendakwah untuk mengetahui perkembangan dan perilaku objek dakwah. Di antara program dakwah IKADI yang dilaksanakan pada tiap-tiap minggu ialah khutbah jumaat, kuliah akhir minggu, halaqah dan forum ilmiah.

a. Khutbah Jumaat

Khutbah sebagai bentuk dari ibadah yang dilakukan oleh kaum muslimin sedunia menjadi program yang sangat penting dalam membimbing dan memberikan panduan kepada kaum muslimin. Sebagai organisasi yang sudah diiktiraf dan mendapat sambutan yang baik di hati ummah, IKADI telahpun berjaya dalam menjaring masjid dan pejabat-pejabat dalam melaksanakan solat Jumaat, sama ada jabatan pemerintahan atau jabatan syarikat swasta yang ada.²²²

Dalam penyediaan khatib dan risalah Jumaat yang akan disebarluaskan di masjid-masjid pejabat, IKADI bekerjasama dengan Forum Silaturrahim Masjid Perkantoran Se-Jakarta (FORSIMTA).²²³ Ulama yang tergabung dalam IKADI akan mendapatkan tugas membawakan khutbah Jumaat sesuai dengan jadual yang diberikan oleh FORSIMTA. Khutbah disampaikan mengikut kurikulum risalah yang telahpun diterbitkan oleh IKADI.

²²¹ Hj. Izzudin Abdul Manaf, MA. Setiausaha Pengurus Wilayah Ikatan Da'i Indonesia (PW IKADI) DKI Jakarta. Temu bual pada 27 hb September 2010 di Jakarta.

²²² Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²²³ Forum Silaturahmi Masjid Perkantoran Se-Jakarta (FORSIMPTA) dilancarkan pada hari Jumaat, 09 Juni 2001 bertepatan 7 Rabi'ul Akhir 1422 H di Masjid Plaza Mandiri Jakarta.

Manakala dalam bidang penyusunan kurikulum materi khutbah Jumaat, IKADI secara bersama-sama dengan Lembaga Pengkajian dan Pengembangan Dakwah Khoiru Ummah (LPPD KHOIRU UMMAH) menyusun dan menerbitkah buku panduan serta materi khutbah yang sesuai dengan isu dan keperluan semasa. Seluruh khatib di Indonesia yang tergabung dalam organisasi ini akan menyampaikan materi yang sama mengikut kurikulum dan panduan yang diterbitkan oleh Pimpinan Pusat IKADI.

b. Kuliah Hujung Minggu

Manakala kuliah hujung minggu dilaksanakan pada hari cuti am setiap minggu, sama ada hari sabtu ataupun ahad. Objektif dari kuliah ini adalah upaya penyadaran kepada ummah Islam akan tugas kekhilafahan yang boleh menyelesaikan segala masalah yang ada. Program dakwah kuliah akhir minggu ini dikenali dengan istilah Pengajian Pekanan (PENA).²²⁴ Pada peringkat awalnya, program ini diperkenalkan oleh Pimpinan Wilayah IKADI Jakarta pada tahun 2008 dan diikuti oleh wilayah-wilayah lain di Indonesia.

Kuliah hujung minggu ini merupakan ceramah yang sangat disukai oleh masyarakat dan mendapat sambutan yang cukup ramai di wilayah dan daerah-daerah lain di Indonesia. Di samping kerana pengurusan dakwah yang baik dan penyajian majlis yang berkesan, kemampuan pendakwah dalam membawakan tajuk-tajuk perbincangan menjadi punca keberjayaan IKADI dalam program ini.

²²⁴ Dr. KH. Atabik Luthfi. Lc, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

Untuk semakin memperkuat program ini, dalam beberapa kesempatan seperti pada Hari maulidul rasul, isra mi'raj dan lain-lain kesempatan IKADI menjemput pendakwah terkenal, seperti KH. Muhammad Arifin Ilham, KH. Abdullah Gymnastiar, Ustazah Dede Rosada (Mama Dede), KH. Ibnu Jarir, Lc. dan lainnya.²²⁵ Dan yang lebih menarik lagi adalah IKADI melibatkan beberapa pelakon dan pemusik sebagai pengatur acara dalam beberapa majlis taklim dan tabligh akbar, seperti David Cholik, Neno Warisman, Sukeri Abdullah dan lainnya.

c. Forum Ilmiah

Di samping khutbah Jumaat dan kuliah hujung minggu, IKADI juga mengadakan program dakwah berupa forum ilmiah.²²⁶ Apabila khutbah Jumaat dan kuliah akhir minggu merupakan satu program yang bercirikan ceramah dan sesuai oleh semua perangkat pendidikan, sama ada orang awam, berpendidikan rendah hingga berpengetahuan tinggi, maka halaqah dan forum ilmiah merupakan program dakwah yang membuktikan bahawa IKADI mencintai ilmu dan memajukannya sebagai penerang ummah.

Forum ilmiah ini merupakan satu forum yang dilaksanakan dengan perbincangan satu cabang keilmuan dengan tujuan untuk menyelesaikan problem yang ada ditengah-tengah masyarakat dengan pendekatan ilmu, iaitu dengan menghadirkan tokoh ulama ahli IKADI dengan 2 hingga 3 ahli panel yang mempunyai mempunyai kepakaran di bidang masing-masing.

²²⁵ IKADI Pusat (2009), *Schedule Program Kerja Pengurus Pusat IKADI*, Januari - Disember, Bidang Dakwah IKADI Pusat, h. 3.

²²⁶ *Ibid.*

d. Halaqah

Program terakhir yang dilaksanakan IKADI pada setiap minggu adalah halaqah atau usrah. Semua ahli IKADI diwajipkan untuk mempunyai satu forum halaqah ataupun usrah minimal satu usrah, hal sebagai bukti kecintaan mereka kepada Islam. Kesemua ahli melaksanakan usrah dan halaqah di tiap-tiap lingkungannya mengikut peran dan tugas mereka. Apabila ia seorang pensyarah di Universiti, maka ia akan membentuk halaqah untuk pelajar bahkan untuk kalangan pensyarah dan ia menjadi pembimbingnya (*murabbi*).

Begitu juga apabila ia seorang pengurus di sebuah syarikat, maka ia akan mengajak kerani dan kaki tangan untuk menghayati Islam melalui halaqah. Begitu seterusnya, sama ada ia seorang pelajar, pensyarah, pengurus, peniaga dan lain-lain. Semua perkara ini dilaksanakan supaya agama ini mempunyai pembela dan senantiasa diperjuangkan serta didakwahkan meskipun ia bukan seorang yang mempunyai profesi sebagai pendakwah.²²⁷

Untuk menyatukan visi dan matlamat dakwah, semua ahli IKADI akan berkumpul dan berkongsi mengenai masalah, pencapaian dan projek halaqah tiap-tiap dari mereka.²²⁸ Hal ini dilaksanakan untuk mengetahui sejauh mana program dakwah berjalan dengan baik, mengetahui kekuatan dan kelemahan serta mengenal pasti masalah yang wujud serta mencari jawaban dari masalah yang sedia ada untuk kepentingan masa hadapan. Dengan cara inilah, diharapkan

²²⁷ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual 5 hb Julai 2010 jam 7 pagi di Kediaman Bekasi.

²²⁸ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

program dakwah IKADI semakin maju dan memberikan sumbangan yang nyata bagi penghayatan Islam yang baik.

Menurut hemat penulis, cara yang dilaksanakan IKADI ini adalah merupakan cara baik, kerana ia boleh memudahkan ummah Islam untuk menghayati Islam dan membantu peribadi muslim untuk menjadi peribadi yang senantiasa mendakwahkan agama Islam. Hal ini kerana program-program IKADI dimulakan dari perkara yang asas, dilaksanakan dengan cara yang mudah dan teratur, dalam masa yang lama dan terus-menerus bersesuaikan dengan panduan dan kurikulum yang jelas dan terpadu.

4.3.2. Program Dakwah Bulanan

Maksud dari program dakwah bulanan ini adalah program-program dakwah yang dilaksanakan pada tiap-tiap bulan. Program dakwah ini difokuskan pada kajian dan pendalaman mengenai pensucian jiwa dan pembinaan akhlakul karimah. Hal ini dilakukan kerana IKADI menyadari bahawa manusia adalah makhluk yang mudah lalai dan dihinggapi dengan penyakit-penyakit hati, meskipun secara intelektual ia termasuklah orang yang pandai dan memiliki banyak ilmu.

Apabila selama satu bulan manusia sudahpun diberikan kuliah, ceramah dan forum ilmiah guna menambah dan memantapkan keilmuan mereka, maka pada tiap penghujung bulan manusia perlu untuk membersihkan dirinya daripada kotoran hati dan benda-benda yang boleh merosakkan ibadah. Di samping itu,

program ini merupakan program yang diperuntukkan oleh orang ramai yang ingin menambahkan lagi ilmu agama dan pengetahuan yang mungkin tidak didapat kerana sempitnya masa dan lain-lain sebab. Di antara program dakwah yang dilakukan pada tiap bulan adalah Majlis Akhlakul Karimah (MAKKAH) dan zikir bersama.²²⁹

a. Majlis Akhlakul Karimah (MAKKAH)

Program ini merupakan salah satu dari hasil keputusan Silaturrahmi Nasional (SILATNAS) IKADI. Pada peringkat awal, program ini dilaksanakan di Jakarta pada tahun 2008 dan diikuti oleh wilayah-wilayah lain di seluruh Indonesia. Majlis Akhlakul Karimah (MAKKAH) ini merupakan satu program dakwah yang menfokuskan pada tajuk-tajuk mengenai pembinaan ahklakul karimah dan pensucian diri. Majlis ini dilaksanakan pada minggu terakhir pada hujung bulan dan bertempat di masjid ataupun surau yang mampu menampung ramai kaum muslimin dan muslimat.

Di antara kitab yang diguna pakai sebagai panduan majlis ialah kitab *Tazkiyah al-Nafs* karya Said Hawa, *Shamail Muhammadiyah*, *al-Raqaiq* dan lain-lain.²³⁰ Di antara para ulama ahli IKADI yang membawakan tajuk perbincangan pada majlis ini ialah, KH. Dr. Muslih Abdul Karim, MA, KH. Dr. Idris Abdus Shomad, MA dan KH. Ahmad Satori, Ustaz Ibnu Jarir, Lc. dan lainnya.

²²⁹ Hj. Izzuddin Abdul Manaf, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²³⁰ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

b. Zikir Berjamaah

Selain daripada program di atas, zikir berjamaah juga dilaksanakan pada tiap bulan. Sebagaimana disebutkan dalam latar belakang dilaksanakannya program tazkiyatun nafs pada tiap-tiap bulan. Objektif zikir ini supaya ummat muslimin dapat merasakan kebersamaan dengan Allah, iaitu dengan mengingati Allah, menginsafi kesilapan dan sentiasa berusaha berbuat kebaikan dan menolak kejahanatan. Hal inilah seperti yang diperkatakan oleh Wan Hussein Azmi, bahawa inti daripada zikir adalah mengingati Allah dengan hati dan tidak lupa kepada-Nya dalam apa juar keadaaan.²³¹

Program zikir ini dilaksanakan secara pindah tempat mengikut wilayah pada hari ahad hujung bulan pada jam 10 pagi dan dilaksanakan dengan bekerja sama dengan Majlis Az-Zikra pimpinan Ustaz Muhammad Arifin Ilham dan Darut Tauhid pimpinan KH. Abdullah Gymnastiar dan lain-lain yayasan dan jamiyyah. Dalam erti kata lain, pada ahad hujung minggu setiap wilayah IKADI seluruh Indonesia menganjurkan program ini.²³²

4.3.3. Program Dakwah Enam Bulan

Program dakwah enam bulan adalah program dakwah yang dilakukan dalam interval masa enam bulan. IKADI telahpun membuat satu rancangan program dakwah mengikut masa tertentu. Setelah merincikan program dakwah pada tiap-

²³¹ Dato' Wan Hussein Azmi (1998), *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 50.

²³² Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

tiap minggu dan bulan, maka pada sub ini akan dijelaskan mengenai program dakwah tiap enam bulan.²³³ Secara umum, program enam bulan ini adalah program yang diperuntukkan untuk para pelajar dan remaja. Mengikut masa cuti sekolah para pelajar, maka program dakwah yang dijalankan bertepatan dengan masa cuti.

Di antara program dakwah yang dilaksanakan pada enam bulan sekali ialah antara lain: pelatihan da'i untuk belia dan remaja, kem motivasi untuk remaja, rihlah ilmiyah dan bedah buku.

a. Pelatihan Da'i untuk Belia dan Remaja

Sebagaimana dijelaskan di awal pembahasan bahawa IKADI mengambil berat kepada para pelajar dan mahasiswa yang sangat besar, khususnya bagi mereka yang belajar ilmu-ilmu umum atau non agama. Hal ini kerana subjek agama di sekolah dan universiti mereka sangatlah sedikit, sehingga dianggap perlu satu program yang tertumpu pada penghayatan nilai dan akhlak Islam. Setelah pelajar dan mahasiswa diperkenalkan dan dibekali dengan materi keislaman dan dakwah, maka mereka dianjurkan untuk mengikuti pelatihan da'i yang dianjurkan pada masa musim cuti sekolah.

²³³ IKADI Pusat(2010), *Sinkronisasi Program Kerja Pengurus Pusat Ikatan Dai Indonesia*. Januari – Disember 2010, Bidang Riset dan Kajian.

Dalam perkara ini, IKADI bekerja sama dengan Kerohanian Islam (ROHIS) Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) untuk mengadakan forum-forum ilmiah dan usrah guna membina pelajar.²³⁴ Manakala di peringkat universiti, IKADI bekerja sama dengan Unit Kegiatan Mahasiswa (UKM) yang ada di tiap-tiap Universiti.²³⁵ Program-program ini bertujuan untuk mendidik dan membina pelajar menjadi pendakwah di lingkungannya.²³⁶

Objektif dari pelatihan da'i ini adalah supaya pelajar dan mahasiswa mempunyai pemahaman yang benar mengenai Islam, pengetahuan yang mendalam mengenai dakwah dan persoalan yang melanda ummat. Dengan pengetahuan yang benar dan pemahaman yang baik ini, diharapkan agar pelajar dan mahasiswa memiliki tanggung jawab dan kegelisahan dakwah (*humum al-Da'wah*) sehingga akan mendakwahkan Islam dalam lingkungan mereka masing-masing.

Matlamat umum dari pelaksanaan pelatihan dan training da'i ini ialah, di antaranya:²³⁷

- a. Untuk meningkatkan ketertarikan pemuda dan remaja Islam terhadap ajaran Islam dengan mengikuti kegiatan-kegiatan yang keislaman yang intensif.

²³⁴ Di Malaysia, Sekolah Menengah Umum (SMU) ini diistilahkan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) tingkatan 4 hingga 5.

²³⁵ Hj. Izzuddin Abdul Manaf, MA. Temu bual 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²³⁶ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010, di Jakarta.

²³⁷ IKADI Jakarta (2010), *Laporan Kegiatan IKADI DKI Jakarta*. Data diperolehi dari Setiausaha IKADI DKI Jakarta, Ust. Hj. Izzudin Abdul Manaf, MA., pada 02 Ogos 2010.

- b. Untuk meningkatkan potensi pemuda dan remaja Islam dalam meraih kesuksesan di dunia dan di akhirat.
- c. Sebagai sarana kegiatan alternatif yang bersifat positif yang akan meminimalisir kegiatan-kegiatan yang bersifat negatif seperti pergaduhan antara pelajar, penggunaan dadah, pergaulan bebas dan lainnya

b. Kem Motivasi

Manakala kem motivasi dan perhelahan diperuntukkan kepada semua pelajar dan mahasiswa. Di sekolah-sekolah kebangsaan dan universiti non agama, subjek agama dianggap sebagai subjek tambahan dan tidak penting. Oleh kerana itu, menjadi satu kemustahilan apabila subjek yang sedikit dan masa yang singkat itu dapat menghasilkan pelajar menjadi generasi yang baik dan mengetahui tanggung jawab. Oleh kerana itu, dalam kem ini peserta akan diberikan materi mengenai dasar-dasar keislaman dan motivasi yang boleh meningkatkan kesungguhan dalam belajar dan peningkatan kualiti dalam beribadah kepada Allah SWT.²³⁸

Kem motivasi ini merupakan sarana yang sangat baik dan bermanfaat. Hal itu dapat dilihat dari sokongan dan sambutan yang sangat ramai dari setiap kali kem dilaksanakan.²³⁹ Dorongan orang tua dan kesadaran peserta akan manfaat kem ini menjadi sebab mengapa kem ini semakin ramai dilaksanakan. Oleh kerana itu, IKADI menganjurkan kepada seluruh cawangan di Indonesia; sama ada

²³⁸ Hj. Ahmad Kusyairi Suhail, MA. Temu bual 05 hb Julai 2010 di Bekasi

²³⁹ Dr. KH. Atabik Lutfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

peringkat wilayah ataupun daerah untuk menggiatkan kualiti dan meningkatkan kauntiti kem ini dengan sebaik mungkin.

c. Bedah Buku

Bedah buku juga menjadi salah satu program dakwah IKADI yang dilaksanakan mengikut jadual enam bulanan. Dalam masyuarat tahunan yang dilaksanakan oleh pimpinan teras IKADI, telahpun ditentukan tajuk-tajuk buku yang akan dibedah dan didiskusikan. Bahkan, tempat pelaksanaan, ahli panel dan pasar pesertapun sudah ditetapkan dalam masyuarat itu.²⁴⁰

Objektif dari bedah buku ini adalah supaya pendakwah dan aktivis gerakan mempunyai keilmuan yang tinggi, pengetahuan yang mendalam mengenai suatu isu dan mampu menjadi rujukan ummah di tengah-tengah masyarakat. Oleh kerana itu, buku yang akan dibedah juga merupakan buku-buku yang mempunyai nuansa kekinian dan menyentuh sasaran dakwah dan persoalannya secara langsung. Di antara buku-buku yang telahpun berjaya dibedah ialah: fiqh prioritas dan *Thaqafah al-Da'iyyah* karya Yusuf Qardawi, Islam Moderat karya Prof. Dr. Ahmad Satori Ismail, MA., *et.all*, *Fiqh al-Da'wah* karya 'Ali Abdul Halim Mahmud, *Fitnah Kubra* karya Muhammad Ahmazun, *Da'wah; Qawa'id Wa Usul* karya Jumah Amin dan lain-lain.²⁴¹

²⁴⁰ IKADI Pusat (2010), *Sinkronisasi Program Kerja Pengurus Pusat Ikatan Da'i Indonesia*, periode Januari – Disember 2010, Bidang Riset dan Kajian.

²⁴¹ IKADI Pusat (2009), *Laporan PP IKADI Pra Munas*. sekretariat IKADI Pusat, h. 9.

d. Silaturrahmi Antara Organisasi Islam

Satu lagi program dakwah yang rutin dilaksanakan pada tiap enam bulan adalah silaturrahim dengan organisasi Islam atau yayasan keagamaan yang lain. Silaturrahim ini dilaksanakan oleh pimpinan IKADI dengan pimpinan organisasi Islam atau yayasan Islam lainnya. IKADI memahami bahawa beragam jamaah dan organisasi dalam Islam adalah sebuah kewajaran dalam sejarah dan tidak mungkin untuk dilarang dan dibatasi, sehingga ia boleh menjadi kekuatan dalam kebersamaan.²⁴²

Selama organisasi dan jamaah yang wujud di tengah-tengah ummat Islam mempunyai matlamat untuk mencapai cita-cita gemilang Islam, maka mereka semua adalah saudara seperjuangan. Oleh kerana itu menjadi hal yang sangat penting apabila organisasi yang ada boleh bekerja sama dalam menyelesaikan persoalan ummat.

Matlamat utama yang hendak dicapai oleh IKADI dengan silaturrahim ini adalah supaya IKADI boleh bersama-sama menyepakati dan bekerjasama untuk melaksanakan amal-amal untuk pembinaan ummat. Di samping itu silaturrahim ini juga menjadi wahana untuk mempererat tali persaudaraan dan kekukuhkan kaum muslimin serta menghasilkan amal-amal dakwah secara bersama-sama. Sehinggalah silaturrahim ini dijadikan sebagai dakwah bil hal kepada ummat

²⁴² Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010, di Jakarta.

bahawa kesatuan langkah dan persatuan amal merupakan syarat penting bagi tercapainya matlamat dakwah.²⁴³

Dengan adanya silaturrahim pimpinan ini diharapkan supaya ummat Islam dapat dengan harmoni dan toleran kepada sesama islam meskipun latar belakang keagamaan dan pemahamaan mazhab yang berbeza. Upaya ini dilaksanakan sebagai bentuk keteladanan kepada ummah supaya kaum muslimin senantiasa membina ukhuwah dan persatuan muslimin.

Di antara organisasi Islam dan yayasan kemanusiaan yang telah diziarahi IKADI dalam program silaturrahim ini adalah Pimpinan Pusat Dewan Dakwah Islamiah Indonesia (PP DDII), Pimpinan Pusat Muhammadiyah (PP Muhammadiyah), Majlis Az-Zikra, Ketua Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR RI), Wisata Hati, Badan Amil Zakat Nasional (Baznas), Organisasi Assyafi'iyyah, *Ma'had An-Nua'im* Jakarta Utara, Dewan Pimpinan Pusat Parti Keadilan Sejahtera (DPP PKS), ESQ Consultant dan Training dan lain-lain.

Menurut Ketua Umum IKADI Pusat Achmad Satori Ismail, program silaturrahmi dianggap sangat penting untuk dilaksanakan. Sebab, dari program silaturahmi ini telahpun mendatangkan banyak manfaat dan faedah untuk kemajuan dakwah dan ummah Islam. Di antara program yang terhasil dari silaturrahmi ini ialah:²⁴⁴

²⁴³ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

²⁴⁴ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. *Ibid.*

1. Terselenggaranya program kafalah duat dan bina desa di beberapa wilayah di Indonesia.
2. Terbinanya Rumah Tahfiz IKADI (RTI) sebanyak 12 cluster.
3. Terlaksananya seminar-seminar dan semposium mengenai dakwah dan pembinaan insan.
4. Terlaksananya program Majlis Akhlakul Karimah dengan baik.

4.3.4. Program Dakwah Tahunan

Dalam peringkat Nasional, IKADI mempunyai dua program tahunan yang sangat besar, iaitu Silaturrahmi Nasional (SILATNAS) dan Muzakarah Duat. Kedua-dua program ini meski dijadualkan untuk dilakukan pada tiap-tiap tahun, tetapi ia boleh berubah mengikut situasi dan keperluan. Jika program dakwah dan perkara-perkara pokok yang ditetapkan pada SILATNAS dan Muzakarah Duat tahun lepas masih lagi dianggap sesuai dengan situasi dan keperluan semasa, maka kedua-dua program tidak dilaksanakan pada tahun ini.

IKADI juga mempunyai program tahunan yang cukup baik, iaitu seminar peringkat kebangsaan. Seminar ini secara khusus memilih tajuk-tajuk mengenai cara membina sahsiah Islam, permasalahan dakwah dan pembangunan insan. Di samping seminar peringkat kebangsaan, program dakwah IKADI yang berjalan dengan baik adalah pelatihan pendakwah. Pelatihan ini mempunyai matlamat untuk memberikan kemampuan dan kepakaran pendakwah sehingga membantu menjadi pendakwah yang berjaya dan profesional.

4.3.5. Program Dakwah Temporari

Yang dimaksud dengan temporal adalah dakwah yang dilaksanakan secara tidak berterusan atau mengikut kepada keperluan. Di antara hari-hari besar yang diagungkan dalam Islam adalah Rabi'ul Awwal, Ramadhan dan Dzulhijjah. Sebagai organisasi yang menjaga tradisi ulama Melayu, IKADI juga menganjurkan majlis-majlis guna meraikan hari-hari bersejarah dalam taqwim Islam. Iaitu dengan menunjukkan syiar Islam dengan mengadakan forum dan halaqah, seperti forum perdana Maulidur Rasul, Isra Mikraj, Nuzulul Quran dan lainnya. Majlis-majlis tersebut diadakan guna mendedahkan sejarah perjalanan Rasulullah SAW dalam mendakwah Islam dan mengambil pelajaran berharga untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Manakala untuk menyambut datangnya bulan ramadhan, IKADI menyerukan kepada seluruh wilayah IKADI dan daerah untuk menganjurkan beberapa majlis. Sama ada majlis yang dilaksanakan sebelum datang bulan suci Ramadhan, di saat bulan Ramadhan ataupun pada saat hari raya. Majlis yang dianjurkan sebelum datangnya bulan suci ramadhan diberi istilah dengan *Tarhib Ramadhan*. Majlis ini sekurang-kurangnya dilaksanakan pada bulan Rajab hingga Sya'ban. Matlamat majlis ini adalah memberikan perbekalan dan modal kepada kaum muslimin untuk menyambut bulan suci Ramadhan baik secara fizikal, rohani dan kesiapan lain.

Manakala pada saat bulan suci Ramadhan, IKADI bekerjasama dengan berbagai-bagai organisasi Islam dalam penyediaan Ustaz dan pendakwah guna memberikan program-program, sama ada pada ceramah subuh, ceramah zuhur dan buka puasa bersama-sama di pejabat-pejabat hingga ke kuliah tarawih. Selain daripada itu, IKADI juga menganjurkan pelatihan motivasi untuk pelajar dan mahasiswa. Program ini dilaksanakan selama 4-6 hari dengan membincangkan hal-hal pokok dalam Islam dan kepentingan dakwah. Kerana masa yang singkat inilah, maka program ini disebut Pesantren Kilat.

Sebagai organisasi yang terus tumbuh dan menjadi besar, keperluan ahli IKADI akan sebuah biro perjalanan Haji dan Umrah sangat mendesak. Hasil dari musyawarah Nasional I dan Muzakarah I, pada tahun 2008 diasaskan Travel Haji dan Umrah yang diberi nama Bina Ummah; Travel Haji dan Umrah.²⁴⁵ Biro haji ini tidak hanya memberikan perkhidmatan teknikal untuk melaksanakan ibadah haji, tetapi juga memberikan perkhidmatan dalam aspek ruhiyah dan keagamaan selepas kaum muslimin kembali ke tanah air.

²⁴⁵ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

4.4. Pencapaian dan Prestasi Dakwah IKADI

4.4.1. Membuka Cawangan

Usaha pertama yang menjadi tumpuan IKADI pada awal penubuhannya ialah membuka cawangan di seluruh Indonesia. Mengingat Indonesia ialah Negara yang berpenduduk besar, memiliki beribu-ribu pulau dan budaya, dengan suku dan bahasa yang beragam. Keanekaragaman budaya dan suku bangsa ini satu cabaran IKADI dalam pengembangan dan perluasan cawangan.

Di samping itu, apabila sesebuah organisasi ataupun yayasan hendak menjadi organisasi peringkat nasional, pihak kerajaan memberikan syarat-syarat yang mesti dipenuhi. Dan salah satu syarat itu ialah paling tidak mesti mempunyai cawangan sebanyak 50% dari jumlah provinsi di Indonesia. Meskipun begitu, IKADI termasuk salah satu organisasi yang mampu membuka cawangan dengan sangat cepat. Dari tahun diisytiharkan hingga tahun 2010, IKADI telah berjaya mempunyai cawangan sebanyak 29 provinsi.

Menurut Achmad Satori Ismail, paling tidak terdapat 3 sebab keberjayaan IKADI dalam hal ini ialah²⁴⁶:

1. Wujudnya konsep dakwah yang jelas dan keberhasilan IKADI dalam membina program-program dakwah.
2. Wujudnya para pendakwah yang sentiasa ikhlas, sabar dan sungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah Islam melalui IKADI.

²⁴⁶ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

3. Kemampuan para tokoh dan pemimpin IKADI di pentas dakwah Nasional.

Peranan dan sumbangan para pemimpin IKADI inilah yang mempercepat proses pengembangan wilayah di Indonesia.

4.4.2. Penerbitan Buku

Pada masa kini, salah satu cara yang paling baik dan efektif dalam menyebarkan dakwah ialah dengan usaha penerbitan buku. Hal itu kerana, buku merupakan warisan ilmu yang boleh membina dan mengembangkan keilmuan seseorang. Dengan buku, seseorang boleh mengenali sejarah masa lalu ke arah memperkuuh dan membina kegembiran ummah di masa hadapan. Memahami peranan buku dalam penyebaran dakwah, IKADI turut mengambil bahagian dalam melanjutkan tradisi keilmuan yang telah diwariskan oleh para ulama silam. Penerbitan IKADI ini diasaskan pada tahun 2005 dan diberi nama Pustaka IKADI.²⁴⁷

Usaha penerbitan buku IKADI ini berada di bawah satuan kerja salah satu Departemen di Pengurus Pusat (PP IKADI), iaitu Departemen Kajian dan Riset. Menurut Ustaz Samson Rahman, matlamat yang hendak dicapai dari penerbitan buku ini ialah untuk menyebarkan pemikiran Islam yang moderat serta membendung arus pemikiran liberal dan *over-tektualisme* yang saat ini sedang melanda pemikiran para intelektual dan dunia akademis di Indonesia.²⁴⁸

²⁴⁷ Hj. Samson Rahman, MA. Ketua Bidang Kajian dan Riset Pengurus Pusat Ikatan Da'i Indonesia (PP IKADI). Temu bual pada 02 Disember 2010.

²⁴⁸ Samson Rahman, *ibid*.

Selain daripada itu, Pustaka IKADI merupakan satu penerbitan yang secara langsung di bawah penyeliaan IKADI Pusat. Semua usaha dan aktiviti yang dijalankan sama ada dalam penerbitan buku ataupun bedah buku senantiasa diselaraskan dengan misi dan visi besar IKADI iaitu menebar Islam *Rahmatan li al-‘Alamin*. Dan inilah ciri khas yang dimiliki oleh Pustaka IKADI yang membezakan dengan penerbitan-penerbitan buku agama yang sedia ada.

Menurut data yang diperolehi, dalam masa 5 tahun dari awal diasaskannya Pustaka IKADI (2005-2010), sebanyak 16 tajuk buku yang sudah diterbitkan dan diedarkan secara merata di seluruh Indonesia.²⁴⁹

Jadual 4.1
Senerai buku-buku terbitan Pustaka IKADI

No	Nama Buku	Pengarang	Tahun Terbit
1.	1001 Hadits yang Menggugah	Ustaz Samson Rahman, MA	Maret 2010
2.	Amar Ma'ruf Nahi Munkar; Fardu ‘Ain yang Terlupakan (Terjemahan)	Abdul Muiz Abdul Sattar	Julai 2010
3.	Birrul Walaidain; Berbaktilah	Arya Sandhiyudha	-
4.	Dzikir dan Doa Mempertajam SQ	Dr. H. M. Idris Abd Somad, MA.	-
5.	Kado Spiritual; Tips menjadi pribadi shalih dan mempesona	Prof. DR. Achmad Satori Ismail, MA.	-
6.	Kekuatan al-Matsurat	Ustaz Herjani Hefni, MA	Cet I; April 2009 Cet II: April 2010
7.	Konsep Jihad dan Toleransi Islam (Terjemahan)	Abdul Muiz Abdul Sattar	Julai 2010

²⁴⁹ Samson Rahman, *ibid.*

8.	Selalu Ingat Allah; Renungan do'a dan zikir Rasulullah SAW <i>(Terjemahan)</i>	Imam Hasan Al-Banna	-
9.	Seni Mengukir Prestasi <i>(Terjemahan)</i>	Muhammad Ibnu Sarrar Al-Yami	-
10.	Sentuhan Qalbu al-Qur'an	Dr. H. M. Hidayat Nur Wahid, MA	-
11.	Sistem Pemerintahan dalam Islam <i>(Terjemahan)</i>	Abdul Muiz Abdul Sattar	Julai 2010
12.	Syakhshiyah Ar-Rasul; Pribadi Agung Rasulullah <i>(Terjemahan)</i>	Prof. Dr. Muhammad Rawwas Qal'ah Ji	-
13.	Tazkiyatun Nafs; Solusi Problematika Hidup	Prof. Dr. Achmad Satori Ismail, MA	Julai 2010
14.	The 7 Islamic Daily Habits	Ustaz Harjani Hefni,	Enam kali cetakan
15.	Together Forever <i>(Terjemahan)</i>	Faiez H. Seyal	-
16.	Wasiat Ilahi Untuk Para Da'i dan Murabbi	Dr. H. M. Idris Abd Somad, MA.	-

Sumber: IKADI Pusat (2010), Bidang Riset dan Kajian, h. 3.

Dari aspek sambutan dari masyarakat ataupun pelanggan, dari kesemua buku yang diterbitkan mendapat sambutan yang baik dan hangat. Bukti dari sambutan ialah dicetaknya semula sebahagian besar buku Pustaka IKADI.²⁵⁰ Bahkan, terdapat salah satu tajuk buku yang diulang cetak sebanyak 5 kali dalam tempoh dua tahun, tajuk buku tersebut ialah The 7 Islamic Habits, karya Ustaz Herjani Hefni, MA.

²⁵⁰ Samson Rahman, *ibid.*

Menurut hemat penulis, usaha memartabatkan ummah melalui pendidikan dan pembinaan semula bangunan tamaddun ummah seperti yang dijalankan IKADI merupakan usaha yang sangat baik dan perlu mendapat sokongan dari semua pihak. Hal ini kerana, tamaddun dan kejayaan ummah hanya boleh dibangunkan manakala ilmu dan pengetahuan menjadi landasan hidup dan pegangan di tengah-tengah kehidupan ummah Islam.

4.4.3. Pelatihan Calon Pendakwah

Pendakwah merupakan pelaku utama dalam dakwah, keberjayaan pendakwah dalam menyampaikan mesej tergantung pada kemampuan dan kemahiran yang dimilikinya. Berdakwah di lingkungan masyarakat pejabat berbeda dengan lingkungan lainnya, pendakwah haruslah berpengetahuan luas, menjadi tauladan di hadapan sasaran, cerdas, memiliki akhal yang baik dan komitmen kuat terhadap peningkatan kualitas keimanan dan ketakwaan ummah.²⁵¹

Seperti yang diperkatakan oleh Onong Uchjana Effendy, seorang komunikator haruslah mempunyai dua hal penting yang perlu diperhatikan dalam berdakwah, iaitu tarikan dan kredibilitas.²⁵² Daya tarikan komunikator berkait rapat dengan cara yang boleh menjadikan sasaran dakwah mempunyai kesamaan pandangan dengan komunikator sehingga mereka bersedia menerima apa yang disampaikanya. Manakala kredibilitas berhubung rapat dengan bagaimana cara sasaran boleh mempercayai apa yang dibawa oleh komunikator.

²⁵¹Acep Aripudin dan Syukriadi Sambas (2007), *Dakwah dan Damai Pengantar Dakwah Antarbudaya*. Bandung: Remaja Rosdakarya, h. 150

²⁵²Onong Uchjana Effendy (2007), *Komunikasi Teori dan Praktek*. Bandung: Remaja Rosdakarya, h. 38-39

Pembekalan yang dilakukan IKADI sangat penting kerana berkaitan dengan dua hal penting di atas. Program pelatihan dan regenerasi pendakwah yang dilaksanakan oleh IKADI biasanya dinamakan dengan istilah Training Da'i Muda. IKADI berpendapat bahawa pemuda merupakan harapan dan tumpuan bagi semua lapisan masyarakat untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik di masa mendatang.²⁵³

Dari alasan-alasan di atas penulis berpendapat bahawa langkah strategis IKADI dengan mengadakan program pembekalan dan regenerasi da'i ini memiliki peran yang sangat penting dalam usaha mensukseskan dakwah dan memartabatkan program dakwah. Pada tahun 2010, dalam hal ini IKADI DKI Jakarta telah melaksanakan satu kali pelaksanaan Pelatihan Da'i Muda se-Jakarta di Jakarta Islamic Center Jakarta Utara pada bulan Januari. Peserta yang mengikuti program pelatihan ini sebanyak 100 pendakwah muda yang datang dari wilayah Jakarta.

Tujuan umum dari pelaksanaan Pelatihan Da'i ini adalah untuk mempersiapkan pemuda menjadi pendakwah di masa hadapan, di antara hal penting yang hendak dicapai dari pelatihan ini ialah:²⁵⁴

- a. Untuk meningkatkan ketertarikan pemuda dan remaja Islam terhadap ajaran Islam dengan mengikuti kegiatan-kegiatan yang bercirikan Islam secara berkelanjutan dan intensif.

²⁵³ IKADI Jakarta (2009). *Laporan Kegiatan IKADI DKI Jakarta*. Data diperolehi dari Setiausaha IKADI DKI Jakarta, Hj. Izzudin Abdul Manaf, MA., 2 hb Ogos 2010.

²⁵⁴ IKADI Jakarta (2009). *Laporan kegiatan IKADI DKI Jakarta*. *Ibid*.

- b. Untuk meningkatkan potensi pemuda dan remaja Islam dalam meraih kesuksesan di dunia dan di akhirat.
- c. Sebagai sarana kegiatan alternatif yang bersifat positif yang akan mengurangkan kegiatan-kegiatan yang bersifat negatif seperti pergaduan antara pelajar, penggunaan dadah, pergaulan bebas dan lain-lain.

Sedangkan tujuan khusus dari kegiatan ini adalah untuk memberikan pelatihan para pendakwah muda dan calon-calon pendakwah serta memberikan bekal dalam merancang, melaksanakan dan mengurus dakwah kea rah pengurusan institusi dakwah yang berjaya.²⁵⁵

4.4.4. Kuliah Agama di Pejabat

Masyarakat yang hidup di bandar adalah masyarakat yang cenderung tidak mempunyai masa yang cukup untuk mendalami dan menghayati Islam dengan baik. Jakarta sebagai bandar metropolitan dan mempunyai penduduk yang ramai hidup di pejabat dianggap perlu untuk mendapatkan kesempatan yang baik untuk mendapatkan penghayatan Islam. Sedangkan pertubuhan dan organisasi dakwah yang ada, gerak dan gerakan dakwahnya terhadkan pada masjid dan surau di kawasan taman dan ramai penduduk. Melihat kondisi sedemikian, IKADI tampil menunjukkan peranan dan tanggung jawabnya untuk memberikan perkhidmatan yang mulia kepada masyarakat muslim yang senantiasa mengisi masanya di pejabat.

²⁵⁵ IKADI Jakarta (2009). *Ibid.*

Dalam aspek kuliah keislaman di pejabat ini, IKADI telahpun menugaskan Pimpinan Wilayah IKADI untuk terjun dan memakmurkan kajian-kajian di pejabat ini. Masyarakat pejabat merupakan masyarakat yang memiliki sedikit masa luang, kerana dalam kesehariannya dihabiskan dalam aktiviti di pejabat dari pagi hingga petang sesuai masa kerja masing-masing pejabat, dan itu berlangsung setiap hari kecuali hari cuti am yang telah ditetapkan.

Supaya membolehkan masuk ke dalam lingkungan masyarakat pejabat dan menjayakan program dakwah di pejabat, IKADI DKI Jakarta menyiasati dengan membangun kerjasama dengan FORSIMPTA untuk menjalin komunikasi yang lancar dengan mereka dan mencari bagaimana proses yang terbaik dalam pelaksanaan kuliah Islam di pejabat. Manakala Masjid dan Mushola yang tergabung dalam wadah organisasi ini ialah:²⁵⁶

Jadual 4.2

Senerai Masjid dan Musholla FORSIMPTA

No.	Nama Masjid/Musholla	Pejabat
1.	Masjid Al'Alaa	BEJ Sudiriman,
2.	Masjid Al-Maghfiroh	Jamsostek Gatot Subroto
3.	Masjid Al-Muhajirin	Graha Unilever Gatot Subroto
4.	Masjid Dirjen Pajak	Dirjen Pajak Gator Subroto
5.	Masjid Itjen Depdiknas	Itjen Depdiknas Sudirman
6.	Masjid Land Mark	Masjid Land Mark
7.	Masjid LIPI	LIPI Gatot Subroto
8.	Masjid Plaza Mandiri	Plaza Mandiri Gatot Subroto
9.	Masjid Telkom	Telkom Gatot Subroto

²⁵⁶ Mushola merujuk kepada sebutan surau di Malaysia, manakala Majlis Taklim adalah sebutan kelas-kelas agama yang digunakan untuk kuliah keislaman.

10.	Mushola Gedung Menara Mulia	Gedung Menara Mulia
11.	Mushola Miftahul Jannah	PT Gufl Indonesia Sudirman
12.	Mushola Plaza Bapindo	Plaza Bapindo Sudirman
13.	Mushola Surveyor Indonesia	Surveyor Indonesia

Sumber: laman web rasmi FORSIMPTA: <http://www.dakwahkantor.com> diakses pada 14 Mei 2010.

Untuk membina satu kajian ke arah yang berkualiti, IKADI DKI Jakarta membangun kerjasama dengan FORSIMPTA untuk bisa berkoordinasi berkaitan dengan tajuk-tajuk kajian yang sesuai dengan keperluan mereka.²⁵⁷ Manakala strategi yang kedua IKADI DKI Jakarta menyesuaikan atau menyelaraskan dengan sasaran yang ingin dicapai atau dikuasai oleh sasaran dakwah sesuai dengan target kantornya masing-masing.

Oleh kerana masyarakat pejabat adalah masyarakat yang mempunyai tingkat keilmuan dan pengetahuan yang tinggi, maka secara amnya tajuk kajian yang biasa diminta adalah yang berhubungkait dengan akhlak atau pergaulan dalam sehari-hari. Adapun untuk masalah-masalah yang berhubungkait dengan ibadah mahdah dan fiqh, kurang mendapat sambutan, hal itu kerana dikhawatirkan terjadi perbezaan pendapat yang boleh merosakkan hubungan antara mereka.

Kuliah keIslamam di pejabat ini biasanya dilaksanakan secara jadual dalam jangka satu minggu sekali hingga satu bulan, namun terdapat beberapa pejabat ataupun hotel yang melakukan kajian dengan IKADI DKI Jakarta secara tidak secara rutin. Di bawah ini adalah jadual kajian yang dilakukan secara rutin dengan beberapa pejabat, di antaranya adalah:

²⁵⁷ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

Jadual 4.3
Senarai Kajian Rutin IKADI DKI Jakarta di Pejabat

No	Nama Pejabat	Waktu Kajian
1.	Badan Kepegawaian Negara Jl. Letjend Sutoyo Jakarta Timur	Isnin, minggu ke-4
2.	Badan Pemeriksa Keuangan Jl. Gatot Subroto Kav. 13 Jakarta	Selasa, minggu ke-3
3.	Conophilips Indonesia Jl. Letjend TB Simatupang Kav 1-B Jakarta	Khamis, minggu ke-1
4.	Kota Wisata Cibubur Jakarta Timur	Khamis, minggu ke-3
5.	PT. Indonesia Power Jl. Gatot Subroto Kav. 18 Jakarta	Rabu, minggu ke-3
6.	PT. Pembangunan Perumahan Jl. Letjend TB. Simatupang No. 57, Jakarta	Rabu, minggu ke-2
7.	Taman Raffles Jakarta Timur	Jumaat, minggu ke-3
8.	Unilever Indonesia Jl. Gatot Subroto Kav. 15 Jakarta Selatan	Rabu, minggu ke-4

Sumber: Laporan Kegiatan IKADI (2010).

Objektif yang hendak dicapai dengan program ini adalah terbentuknya majlis ilmu dalam setiap lingkungan yang terdapat ahli IKADI dan membina peribadi yang menjadi pemimpin dan penyebar kebaikan serta mengembangkan sumber daya insan yang rabbani.

4.5. Masalah dalam Pelaksanaan Dakwah dan Usaha Mengatasinya

Melaksanakan dakwah dengan matlamat yang sesuai dengan yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW bukanlah satu perkara yang mudah. Terlebih lagi apabila program dakwah ini dilaksanakan dalam satu bahtera organisasi dakwah yang mempunyai banyak jabatan. Ia memerlukan satu usaha yang keras dari pimpinan organisasi supaya jabatan dan program yang ada dapat dilaksanakan oleh ahli pendakwah dengan baik. Dari sini tampak bahawa peranan serta tanggung jawab pimpinan organisasi dan ahli pendakwah sangat menentukan keberjayaan dakwah.

Dari hasil temu bual didapati beberapa masalah yang boleh menghalang keberjayaan program dakwah IKADI, di antaranya ialah kurangnya pendakwah yang mahir dalam ilmu pengurusan moden yang meliputi kurangnya kemahiran dalam aspek perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan ulangkaji atau kawalan.

4.5.1. Lemah Dalam Aspek Perancangan

Setiap usaha dan aktiviti, apapun juga matlamat dan tujuanya, hanya boleh dilaksanakan dengan baik, efektif dan efesien apabila sudah ada perancangan dan pengurusan sejak awalnya. Begitupun juga dengan aktiviti dakwah Islam, ia hanya boleh dilaksanakan dengan baik dan berjalan dengan lancar jika sudah dilakukan

usaha perancangan dan persiapan yang baik.²⁵⁸ Terlebih lagi usaha dakwah Islam ialah usaha yang sangat luas dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Masalah mendasar yang dihadapi oleh IKADI adalah wujudnya pendakwah yang tidak mempunyai perancangan dan visi yang baik dalam berdakwah.²⁵⁹ Dalam pandangan pendakwah, dakwah masih lagi difahami sebagai amalan tabligh sahaja tanpa wujudnya visi ke arah menguatkan dan memupuk potensi sasaran dakwah. Untuk mengatasi masalah ini, IKADI memberikan pelatihan sekaligus panduan kepada ahli. Panduan ini merupakan arahan teknikal dalam pelaksanaan dakwah.

Sebagai organisasi dakwah yang moden, IKADI berusaha untuk senantiasa melaksanakan aktiviti dan program dakwah mengikut konsep pengurusan moden. Hal itu tampak dari cara pimpinan IKADI dalam mengambil tindakan dan keputusan mengenai satu program tertentu. Pemikiran dan keputusan yang akan diambil didasarkan atas pemerhatian dan perkiraan yang mantap, yang dibina melalui kajian dan pemerhatian atas suatu masalah yang hendak diselesaikan. Pimpinan Pusat sebagai struktur organisasi tertinggi, akan melaksanakan Musyawarah Nasional (MUNAS) dan Silaturrahmi Nasional (SILATNAS) serta Muzakarah Duat.

²⁵⁸ Bambang Hariadi (2005), *Strategi Manajemen, Strategi Memenangkan Perang Bisnis*. Malang: Bayu Media Publishing, h. 5

²⁵⁹ IKADI Pusat (2009). *Laporan PP IKADI Pra Munas*. h. 14. Dokumen didapat dari sekretariat IKADI Pusat.

Semua bentuk keputusan strategis dan penting mengenai jalannya dakwah, arahan dan pembinaan ahli IKADI akan ditetapkan pada ketiga-tiga mesyuarat tersebut. Di samping itu, Pimpinan Pusat IKADI senantiasa melaksanakan mesyuarat mingguan sebagai wahana untuk mengambil satu keputusan. Dalam pengurusan moden, cara memimpin organisasi sebegini disebut sebagai kolektif kolegial.²⁶⁰

4.5.2. Pembahagian Kerja tidak Sesuai dengan Kepakaran Pendakwah

Salah satu bentuk permasalahan dakwah era kini adalah tidak wujudnya pembahagian kerja pendakwah mengikut kepakaran dan kesatuan visi yang hendak dicapai.²⁶¹ Apabila hal ini berlaku dengan terus-menerus boleh membawa kesan yang besar bagi kelemahan umat Islam, apabila tiap-tiap pendakwah mempunyai hala tuju masing-masing dan tidak berjalan dalam satu gerak yang disepakati.

Pembahagian program adalah satu usaha menyusun frame kerja dengan membahagikan dan mengumpulkan program-program ke atas beberapa biro dan jabatan. Pembahagian program ini adalah sangat penting bagi terlaksananya program dakwah. Hal ini kerana dengan adanya pembahagian dan pengelompokan kerja dalam bentuk yang terperinci dan tersusun boleh mencegah terjadinya akumulasi pada seseorang sahaja.

²⁶⁰ GR. Terry, Principle of Management (terj. Winardi), *Azaz-Azaz Management*. Bandung: Penerbit Alumni, h. 24.

²⁶¹ IKADI Pusat (2009). *Laporan PP IKADI Pra Munas*. h. 14.

Dan apabila hal ini terjadi, akan membawa pada satu masalah besar yang boleh membawa kepada ketidakberjayaan suatu program yang hendak dijalankan. Di samping itu, pembahagian kerja boleh memberikan kesan kepada kejelasan tugas dan tanggung jawab, menghindarkan adanya salah faham, kekacauan dan kekosongan aktiviti serta terwujudnya menempatkan personal di dalam satu kerja yang sesuai dengan kepakaran dan kemahirannya.

Jika hal ini terjadi, maka program yang dijalankan boleh berjalan sesuai dengan perancangan awal, lebih baik dan mencapai sasaran yang diharapkan. Ia juga merupakan satu hal yang penting bagi proses perjalanan program dakwah, kerana pimpinan organisasi boleh mengendalikan dan menggerakkan dakwah dengan baik. Menurut Bambang Hariadi, tahapan ini merupakan tahap yang paling penting lagi susah mengingat wujud banyak faktor yang boleh mempengaruhi pelaksanaan program di lapangan dan mungkin tidak sesuai dengan perencanaan dan program semula.²⁶²

Menurut Achmad Satori Ismail, apa yang dilaksanakan IKADI dalam hal ini selalu mengikut kepada panduan ilmu pengurusan moden, antara lain:²⁶³ membahagikan tanggung jawab dan tugas-tugas dakwah mengikut biro dan jabatan masing-masing, memberikan arahan dan panduan yang berupa panduan pelaksanaan dan arahan teknikal dalam melaksanakan tugas-tugas tersebut, menentukan dan menetapkan tugas masing-masing biro dan jabatan serta

²⁶² Bambang Hariadi (2005), *op.cit.*, h. 13.

²⁶³ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

menempatkan satu hingga dua orang sebagai penanggung jawab dan memperjelas kaitan hubungan dari tiap-tiap biro atau jabatan.

4.5.3. Pendakwah tidak Mengikuti Panduan dengan Baik

Setelah rancangan ditetapkan dan pembahagian tugas serta kuasa telahpun disepakati, maka tahapan selanjutnya adalah melaksanakan program tersebut sesuai dengan perancangan dan kuasa tiap-tiap bahagian. Dalam proses dakwah, pelaksanaan dakwah ini mempunyai erti dan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana rancangan program yang sangat baik dan disokong dengan pembahagiaan tugas yang rapi akan tampak baik di atas fail dan dokumen sahaja, jika tidak ada yang melaksanakan program tersebut.

Dalam melaksanakan aktiviti dan program dakwah, IKADI tidak sahaja membuat satu program yang sesuai dengan isu semasa saja, tetapi senantiasa mengambil berat kepada pelaksaan dakwah, iaitu dengan senantiasa membina para pendakwah. Meskipun demikian, terdapat beberapa masalah yang muncul dalam aspek ini, di antaranya ialah: wujudnya pendakwah yang tidak berdisiplin mengikut pedoman yang diberikan, tidak adanya hubungan yang mesra antara pendakwah dan hilangnya ghairah pendakwah dalam mentaati arahan pimpinan.²⁶⁴

²⁶⁴ IKADI Pusat (2009). *Laporan PP IKADI Pra Munas.*, h. 13-14.

4.5.4. Tidak Wujudnya Ulangkaji Pada Pelaksanaan Program

Ulangkaji merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pendakwah dalam melaksanakan program dakwahnya. Program-program dakwah yang telah dilaksanakan dianggap telah berjaya tanpa ada satu ulangkaji yang boleh memberikan pelajaran ke arah penambahbaikan pelaksanaan program dakwah di masa hadapan.²⁶⁵ Masalah ini wujud sebagai kesan kurangnya pendakwah dan organisasi Islam terhadap ilmu pengurusan moden.

Pelaksanaan program dakwah dikatakan berjalan dengan baik apabila ia berjalan sesuai dengan rancangan awal, tugas-tugas yang diberikan pada setiap bahagian dilaksanakan dengan baik dan sesuai dengan panduan yang ditetapkan. Untuk mengetahui apakah program dakwah dilaksanakan oleh pelaksana dan berjalan dengan baik ataukah ada kesalahan serta kelemahan, perlulah seorang pimpinan melakukan ulangkaji dan penilaian. Matlamat akhir dari fungsi ini ialah melakukan pembaikan yang perlu apabila terjadi kesalahan. Di antara perkara-perkara yang biasa dilakukan dalam ulangkaji ini ialah, menetapkan standard atau kayu pengukur, membandingkan pelaksanaan program dengan standard dan mengadakan pembaikan dan pembetulan.

IKADI melakukan ulangkaji ini dalam bentuk temporari dan terencana. Temporari di sini ialah setiap persoalan di lapangan yang berhubungkait dengan program atau implementasi dakwah akan terus diulangkaji untuk memperbaiki

²⁶⁵ Prof. Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

secara langsung, manakala ulangkaji yang terencana akan dilakukan setiap setengah tahun sekali.²⁶⁶ Dalam masa satu tahun, ulangkaji ini biasanya dilaksanakan sebanyak tiga kali. Dua kali dalam bentuk terencana dan satu kali dalam bentuk evaluasi temporari atau secara tiba-tiba.²⁶⁷

4.5.5. Kewangan yang Terhad

Masalah kewangan adalah masalah yang serius dan sering dialami oleh sesebuah organisasi dalam melaksanakan program dakwah. Meski ia bukan satu perkara yang pertama, tetapi wujudnya kewangan yang baik boleh menciptakan kecemerlangan dan keberjayaan dakwah. Dan sebaliknya banyak program dakwah yang terjejas kerana wujudnya masalah kewangan yang terhad.²⁶⁸

Untuk mengatasi masalah ini, IKADI melaksanakan beberapa usaha yang boleh membantu menyelesaikan masalah kewangan, di antaranya ialah konsep tabung pendakwah adalah tabung organisasi. Konsep ini bertumpu pada gotong royong dan kebersamaan pendakwah dalam memakmurkan kewangan organisasi. Di samping itu, IKADI juga merambah pada bidang lain seperti penerbitan, perkebunan dan penternakan lembu dan lain-lain hal. Kesemua usaha di atas dilaksanakan untuk menjana dan memartabatkan organisasi sebagai sebuah kumpulan yang mandiri dan tidak bergantung kepada budi baik orang ramai atau bantuan pemerintah.

²⁶⁶ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. Temu bual pada 30 hb Oktober 2010 di Jakarta.

²⁶⁷ Dr. KH. Atabik Luthfi, MA. *Ibid.*

²⁶⁸ Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), “Perkembangan Program Pertubuhan Dakwah di Kuala Lumpur”. (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, h. 51).

4.5.6. Perbezaan Pandangan dalam Bidang Mazhab

Dari awal penubuhannya, IKADI senantiasa membuka ruang toleransi dan menampung semua mazhab ahlussunnah wal jamaah tanpa memberikan batasan dalam aspek masalah-masalah cabang ranting dalam masalah ibadah.²⁶⁹ Sikap ini tentunya membawa masalah bagi pelaksanaan dakwah ahli IKADI yang datang dari latar belakang yang berbeza-beza. Wujudnya perbezaan IKADI inilah yang menjadi masalah dalam penyatuan visi dakwah²⁷⁰.

Untuk mengatasi masalah ini, IKADI memberikan pemahaman kepada ahli IKADI agar mengutamakan etika toleransi dalam keberagaman pandangan berbanding menzahirkan pertikaian dan perbezaan pendapat.²⁷¹ Di antara buku yang dijadikan rujukan dalam menjayakan konsep ini ialah buku *Fiqh al-Awlawiyyat* karya Yusuf al-Qardawi. Dengan cara ini, ahli pendakwah IKADI mampu mengutamakan kepentingan ummah melebihi kepentingan peribadi-peribadi dalam masalah cabang ranting ibadah.

²⁶⁹ Prof . Dr. KH. Achmad Satori Ismail, MA. Temu bual pada 20 hb Oktober 2010.

²⁷⁰ Laporan PP IKADI Pra Munas. *ibid*, h. 8.

²⁷¹ IKADI Pusat (2010). *Kilas Balik IKADI Pusat*, h. 2. Data didapat dari sekretariat IKADI Pusat.

4.6. Penutup

Dari penjelasan yang disebutkan di atas, penulis berpandangan bahawa salah satu bentuk pengurusan yang teratur dan padu ialah wujudnya perancangan dalam pelaksanaan program dakwah. Program yang hendak dijalankan telahpun ditetapkan masa, aktiviti dan jadual jangkaannya. Untuk memastikan keberjayaan program dakwah wujudnya beberapa biro dan bahagian dalam aktiviti juga mesti wujud.

Wujudnya kurikulum pada tiap-tiap program juga menjadi salah satu pertanda pengurusan yang baik. Institusi dakwah dan juga pendakwah, hendaknya memahami dengan baik kondisi dan keperluan objek dakwah. Ia juga berhubung kait dengan halatuju dan matlamat yang hendak dicapai. Apabila objek dakwah sudah bertambah ilmu dan pengetahuan, institusi dan juga pendakwah hendaknya mengetahui matlmat akhir dakwahnya.

Di samping itu, institusi dakwah juga mesti memahami cabaran dan masalah yang akan dijumpai di jalan dakwah. Pemahaman ke atas masalah ini boleh memberikan cadangan yang baik dan terarah atas masalah dan cabaran yang dihadapi. Institusi dakwah dan pendakwah mesti memiliki keimanan yang dalam dan hubungan yang kuat dengan Allah. Keimanan dan hubungan yang baik inilah yang akan memberikan jalan keluar dari segala masalah yang dihadapi.

BAB V

PENUTUP

5.1. Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan memberikan kesimpulan akhir dari hasil kajian yang telah dijalankan dan beberapa cadangan yang semoga boleh digunakan oleh beberapa pihak ke arah berjaya program dakwah di masa hadapan.

5.2. Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijelaskan pada bab-bab sebelumnya, berikut ini ialah beberapa kesimpulan yang telah dapat dirumuskan. Kesimpulan ini dibahagikan menjadi tiga rumusan, iaitu:

1. Untuk menelusuri sejarah perkembangan dakwah IKADI.
2. Untuk memahami bentuk-bentuk program dakwah IKADI.
3. Untuk mengetahui prestasi dakwah IKADI
4. Untuk mengetahui masalah dalam pelaksanaan program dakwah IKADI.

Kesimpulan pertama, kajian ini mendapati bahawa sejarah dakwah IKADI dari tahun ditubuhkannya hingga kajian ini dijalankan telahpun melalui 3 fasa, iaitu fasa penubuhan, fasa perluasan wilayah dakwah dan yang terakhir ialah fasa penguatan gerakan dakwah. Berikut ciri-ciri dari tiap-tiap fasa tersebut.

Dalam fasa penubuhan, terdapat tiga fokus garapan dakwah yang dilaksanakan IKADI, iaitu mengembalikan gambaran masyarakat mengenai tokoh-tokoh Yayasan al-Haramain, memperkenalkan kewujudan IKADI di tengah-tengah kehidupan ummah dan yang terakhir ialah melakukan gerak kerja sosial dan membina kerjasama dengan organisasi dan pertubuhan yang sedia ada.

Ke arah mewujudkan tiga agenda tersebut, maka visi, misi dan matlamat IKADI menjadi tumpuan dalam setiap kegiatan dan aktiviti dakwah. Dalam fasa ini juga, IKADI juga berusaha dengan sungguh-sungguh untuk merekrut serta memilih ahli yang akan menjadi pengurus IKADI, mulai dari pengurus wilayah hingga pengurus daerah. Fasa ini dikenali dengan istilah perekrutan kader dakwah (*Tajnid al-Rijāl*).

Setelah IKADI berjaya memperkenalkan jati dirinya di tengah-tengah ummah dan sebahagian organisasi Islam, perjalanan dakwah IKADI memasuki fasa yang kedua, iaitu fasa pengembangan wilayah dakwah. Fasa ini dimulakan pada tahun 2005 hingga 2007 iaitu dengan memperbanyakkan dan membuka cawangan-cawangan hingga ke pelosok negara. Dalam fasa ini juga IKADI berusaha untuk membina dan mengembangkan peta dakwah dalam satu bank data yang mengandungi seluk beluk dakwah di seluruh wilayah di Indonesia.

Untuk menjayakan fasa ini beberapa usaha telahpun dijalankan, antara lain memanfaatkan jaringan al-Haramain, jaringan Timur Tengah, jaringan alumni Pondok Modern Gontor dan jaringan tokoh nasional. Atas usaha dan kegigihan

para pemimpin IKADI, sebahagian besar wilayah Indonesia telahpun berjaya dibuka. Selain itu, proses perekrutan kader dan program dakwah juga menjadi fokus garapan di wilayah-wilayah berhasil dibuka.

Fasa yang ketiga ialah fasa penguatan gerakan dakwah. Fasa ini dimulai dengan usaha menanamkan dan melaksanakan ajaran Islam yang santun, damai dan berakhhlak mulia. Secara lebih terperinci peranan IKADI diwujudkan dalam penguatan, pembelaan dan kedekatan dengan ummah. Dalam pelaksanaan program dakwah, IKADI telahpun memasuki berbagai-bagai bidang usaha dan aspek kehidupan. Di samping dalam aspek keilmuan dan dakwah, IKADI juga memasuki aspek sosial, ekonomi dan penyokongan ke atas ummah Islam. Gerak dakwahnya tidak sahaja di peringkat kebangsaan, tetapi beberapa organisasi Islam dan yayasan kebajikan peringkat antara bangsa telahpun memberikan kepercayaan kepada IKADI untuk melaksanakan program dan aktiviti dakwah.

Kesimpulan kedua, kajian ini mendapati beberapa bentuk program dakwah yang telahpun dilaksanakan oleh IKADI. Program dan aktiviti dakwah ini terbahagikan menjadi beberapa bahagian mengikut jadual masa, seperti dakwah mingguan, bulanan hingga tahunan dan lainnya. Manakala dilihat dari aspek pengelompokan jenis dakwah, ada yang dilakukan dengan lisan seperti ceramah, seminar dan lain-lain.

Adapula yang dilaksanakan dalam bentuk amal sosial seperti bantuan sosial kepada kaum muslimin, program *Kafālah al-Du'at* dan pemberian bantuan kepada para korban bencana dan lain-lain program yang dijalankan dengan berbagai-bagai pihak. Begitu juga dalam bentuk keteladanan yang ditunjukkan oleh tokoh, pengurus dan ahli IKADI dalam berbagai level dan peringkat kehidupan.

Dari semua program dakwah yang telah dilaksanakan adalah berpedoman kepada lima nilai dasar yang menjadi pijakan gerak langkah IKADI. Di antara lima aspek itu ialah prinsip menyampikan (*al-Tabligh*), prinsip menyedarkan (*al-Taw'iyyah*), prinsip memberi panduan (*al-Tawjīh*), prinsip membimbing (*al-Irshād*) dan prinsip perlindungan (*al-Himāyah*).

Kesimpulan ketiga, kajian ini mendapati bahawa IKADI telahpun berjaya melaksanakan dakwah dalam berbagai prestasi. Diantara prestasi dan capaian IKADI dalam dakwah ialah berjaya membuka sebanyak 29 cawangan tingkat provinsi. Diantara sebab kesuksesan IKADI dalam membuka cawangan ini ialah wujudnya konsep dakwah yang jelas dan keberhasilan IKADI dalam membina program-program dakwah, wujudnya para pendakwah yang sentiasa ikhlas, sabar dan sungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah Islam melalui IKADI serta kemampuan para tokoh dan pemimpin IKADI di pentas dakwah Nasional.

Prestasi berikutnya ialah berjaya menerbitan dan mengedarkan sebanyak 16 buku di seluruh Indonesia, mengadakan kaderisasi dan pelatihan bagi calon pendakwah. Kajian ini juga mendapat bahawa IKADI berjaya mengadakan satu program dakwah yang merupakan inovasi dakwah di masyarakat bandar, iaitu kuliah agama di pejabat.

Meskipun banyak capaian dan prestasi IKADI, terdapat beberapa masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program dakwah. Masalah-masalah itu antara lain: lemahnya dalam aspek perancangan, pembahagian kerja yang tidak sesuai kepakaran pendakwah, kurangnya pemahaman pendakwah dalam mengikut panduan, lemahnya proses ulangkaji ke atas program-program yang telah dilaksanakan, kewangan yang terhad, perbezaan ahli IKADI dalam bidang mazhab dan cabang agama dan kurangnya sokongan dari pihak penguasa.

5.3. Cadangan

Program dakwah Islam hendaknya dilaksanakan dan dirancang dengan pelaksanaan dan pengurusan yang baik dan berkesan. Dakwah Islam mestilah dilaksanakan dalam sebuah bingkai sistem organisasi yang mempunyai matlamat ke hadapan, memiliki fasa dan tahap perjuangan serta kesatuan amal dakwah yang rapi dan kukuh. Hal itu kerana jika agama ini dimusuhi dan dirosak dengan kerja-kerja padu, cekap dan menggunakan organisasi-organisasi, maka untuk membina, membangun dan mengembalikan kejayaan Islam juga mesti dilakukan dengan

kerja-kerja dakwah yang padu, cekap dan berada dalam sistem dakwah yang kukuh.

Dakwah yang dilaksanakan dengan perseorangan dan tidak berada dalam satu jamaah dianggap sebagai dakwah yang tidak mengikuti cara Rasulullah SAW. Dakwah yang dijalankan akan terhenti di saat pendakwah pulang ke pangkuhan Allah SWT. Manakala dakwah melalui organisasi, ia akan tetap berjalan mengikut sistem organisasi meski tokoh-tokohnya wafat sebagaimana para khulafa dan sahabat melanjutkan dakwah Rasulullah SAW.

5.3.1. Penguasa

Sebagaimana yang terkandung dalam buku dan literatur Islam, matlamat politik Islam ialah untuk mengurus dunia dan menjaga agama (*Siyāsah al-Dunya Wa Hirāsah al-Dīn*). Dalam konteks ini, para penguasa dan pemimpin mempunyai tanggung jawab yang besar ke atas pelaksanaan dan keberlangsungan agama dalam masyarakat. Tanggungjawap ini mestilah diwujudkan dalam pelbagai aktiviti dan program yang mendekatkan masyarakat kepada kebaikan dan kebenaran sehingga masyarakat boleh melaksanakan agama dengan baik dan tenang.

Para penguasa hendaklah menyokong pendakwah sekaligus memperkasa dakwah Islamiah melalui jabatan-jabatan hal ehwal agama Islam yang sedia ada ataupun melalui lembaga dan organisasi yang mempunyai matlamat memajukan

agama Islam dan muslimin. Dan hal itu boleh dilaksanakan dengan memberikan dan merancang program dakwah yang pelbagai dan mengikut perancangan dan pengurusan yang baik.

5.3.2. Organisasi Keagamaan

Sebagai sebuah jamaah, organisasi Islam merupakan wakil dan pembantu penguasa dalam masalah dan hal ehwal kaum muslimin. Oleh kerana iu, organisasi Islam dan Yayasan Islam mestilah melaksanakan aktiviti dakwah dengan pola gerakan yang disiplin, kukuh dan professional. Disiplin dalam merancang, melaksanakan dan kaji ulang ke atas program yang dilakukan ke arah program yang lebih baik lagi. Kukuh dalam bekerja dan menempatkan ahli sesuai dengan kemahiran dan kemampuannya. Organisasi dakwah Islam juga mestilah professional seperti mana yang diinginkan oleh Rasulullah SAW dalam berdakwah.

5.3.3. Pendakwah

Dakwah ialah tuntutan agama yang dibebankan ke atas umat Islam. Pelaksanaan dakwah ini ialah mengikut kemampuan dan kadar peringkat tiap-tiap muslim. Bagi seorang muslim yang mempunyai kemahiran dan kelayakan dalam ilmu-ilmu agama, dakwah ialah sebuah kemestian atasnya. Sebagai bagian dari gerak kerja dakwah yang profesional, padu dan ke arah mencapai matlamat yang satu, para

pendakwah hendaklah tergabung dalam satu jamaah bersama dengan para pendakwah yang lain.

Kesatuan aktiviti ini merupakan cerminan dari kesatuan kerja jamaah yang berjalan di dalam kekuatan. Jika hal ini dilaksanakan, perkara ini akan memberikan kesan yang baik ke arah kesatuan kerja dan visi misi. Dan sebaliknya, jika para pendakwah berkerja dengan sendiri-sendiri atau perseorangan, para pendakwah akan mendapati berbagai-bagai macam hala-tuju dan matlamat di kalangan pendakwah. Hal ini boleh merugikan aktiviti dan program dakwah.

5.3.4. Pengkaji Yang Akan Datang

Pengkaji dan cendekiawan merupakan penyuluhan dan penerang ummah dengan ilmu dan pengetahuan yang dimilikinya. Sehingga peranan dan sumbangan pengkaji dalam menjayakan dan memajukan dakwah Islamiah sangat tinggi dan dipuji. Sebagai insan cendekiawan yang bergelut dalam dunia akademik, pengkaji hendaknya memberikan sumbangan dan cadangan yang baik ke arah memartabatkan dakwah Islamiah.

Kajian ini, meski bukan kajian pertama dalam perkara ini semoga menjadi batu asas bagi para pengkaji di masa hadapan. Kajian yang akan dilaksanakan boleh berupa tips atau jalan keluar ke arah memperkasakan program dakwah seperti penggunaan multi media dalam dakwah, penerapan pengurusan moden

dalam organisasi dakwah, cara dan metode dakwah di masyarakat metropolitan bandar, metode berdakwah di kalangan professional, birokrat, darah biru dan lain-lain isu yang berkenaan dengan dakwah Islamiah di era moden.